

HARGAI MASA LALU

DEMI MASA HADAPAN YANG LEBIH BERMAKNA

LAPORAN TAHUNAN BERSEPADU 2023





DANA YANG BERKAT

Usia tua sesantainya angin nyaman yang sihat, renyai hayat anugerah Tuhan yang teramat nikmat.

Kini kita maruahi lagi sejarah kebajikan, menyemainya dengan benih jerih perih pendapatan agar usia tua akan waras terpelihara: damai di tangan, nikmat di hati dan indah di mata.

Dan tarikh lahirnya badan dana yang amat bertuah – Mac – kini bulan yang molek, cahaya manis sejarah; dengan wang dirancang untuk ranum ke usia sarat peluh jujur rezeki subur mengisi dana berkat.

Sopan di tangan, jernih di mata dan santun di kalbu, peranum labur jimat tercermat yang mengembang gebu.

Diurus tangan canggih amanah yang tulus berhemah sehingga pepohon rezeki sempat merimbun buah.

Tulus petugas setia serasi bakti pekerja, ringani bahu pentadbir, suburi harta pesara, alir pencen sumber harta yang luhur sepanjang hayat tersimbah tuahnya ke yatim diri, ke badan sihat.

Dengan tekun berilmu, tindakan yang bersanubari, yakin dipasti taman labur terindah harum ini.

5 – 15 Februari, 2007

A. SAMAD SAID

Tema laporan tahunan pada tahun ini meraikan warisan KWAP dalam menyampaikan nilai kepada pesara Malaysia melalui penggambaran seni batik. Seni tradisional ini melambangkan penghargaan terhadap sumbangan pesara kami pada masa lalu dan komitmen kami untuk membina warisan yang berkekalan pada masa hadapan. Seni batik juga merupakan simbol kegembiraan dan juga harapan kami untuk pesara dapat menikmati kesejahteraan persaraan yang disampaikan oleh KWAP dengan penuh dedikasi.



MEMPERKAYAKAN MASA HADAPAN

Mengenai Laporan Ini **004**

Sorotan Tahun 2023 **006**

Perutusan Penggerusi **008**

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif **012**

MEMPERKAYAKAN KEMAJUAN NEGARA

Mengenai KWAP **016**

Carta Organisasi **018**

Struktur Korporat **019**

Model Penciptaan Nilai **020**

MEMPERKAYAKAN NILAI PIHAK BERKEPENTINGAN

Strategi Kami **025**

Pihak Berkepentingan Kami **028**

Persekutaran Operasi Kami **030**

Risiko-risiko Utama **033**

MEMPERKAYAKAN IMPAK KEMAMPMANAN

Strategi Kemampamanan Kami **039**

DALAM LAPORAN INI

KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)
LAPORAN TAHUNAN BERSEPADU 2023

MEMPERKAYAKAN PRESTASI DAN KOMITMEN

MEMPERKAYAKAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI

MEMPERKAYAKAN DAYA TAHAN DAN PERTUMBUHAN MAMPAH

MAKLUMAT LAIN

Modal Kewangan	044	Profil Ahli Lembaga	089	Pensijilan Ketua Audit Negara	133	Glosari Istilah	259
Modal Intelek	054	Profil Ahli Panel Pelaburan	096	Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	137	Maklumat untuk Dihubungi	
Modal Pembuatan	060	Profil Pengurusan Kanan	102	Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	138		
Modal Insan	062	Penyata Tadbir Urus Korporat	108	Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif	139		
Modal Sosial dan Perhubungan	070	Penyata Pengurusan Risiko dan Pematuhan	117	Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan	141		
Modal Semula Jadi	084	Penyata Audit Dalam Integriti dan Tadbir Urus	128 129	Penyata-Penyata Perubahan dalam Ekuiti	143		
				Penyata-Penyata Aliran Tunai	145		
				Nota-Nota kepada Penyata Kewangan	148		

MENGENAI LAPORANINI

Laporan tahunan bersepadu Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) diterbitkan sebagai bukti iltizam kami terhadap ketelusan, akauntabiliti dan kemampunan. Kami percaya bahawa ukuran kewangan semata-mata tidak menggambarkan impak sosial dan alam sekitar kami secara keseluruhan. Oleh itu, laporan ini akan menyediakan gambaran yang menyeluruh mengenai prestasi penciptaan nilai dan impak sosial kami.

Laporan bersepadu sulung ini bermatlamat untuk meningkatkan kualiti maklumat yang sedia ada untuk pihak berkepentingan. Di KWAP, kami percaya bahawa kitaran laporan bersepadu dan pemikiran akan menghasilkan peruntukan modal yang cekap dan produktif, yang akan mendorong kestabilan kewangan serta pembangunan yang mampan untuk KWAP dan juga negara.

Laporan bersepadu ini terbahagi kepada enam bahagian bagi membolehkan pihak berkepentingan membuat penilaian bermaklumat mengenai keupayaan kami dalam mencipta dan memelihara nilai selain mengurangkan risiko hakisan nilai.

Tentang KWAP	Tinjauan mengenai KWAP, termasuk peranan dan objektif kami, model perniagaan, serta bagaimana tujuan, visi, strategi dan nilai-nilai kami menyumbang kepada penciptaan nilai jangka panjang.
Pandangan Strategik	Tinjauan mengenai persekitaran perniagaan di mana kami beroperasi, termasuk perkara-perkara material, cara kami menguruskan risiko-risiko dan bertindak balas secara strategik bagi memastikan penciptaan nilai yang berterusan.
Kemampunan	Tinjauan mengenai komitmen, prestasi dan kemajuan kami yang berkaitan dengan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan rangkuman amalan-amalan yang mampan untuk semua pelaburan dan operasi kami.
Prestasi	Penilaian ke atas nilai-nilai yang dicipta, dipelihara dan dipupuk untuk pihak berkepentingan.
Tadbir Urus	Tinjauan mengenai struktur tadbir urus dan kepimpinan kami yang menyokong penciptaan serta pemeliharaan nilai dengan pengawalan yang berkesan.
Penyata Kewangan	Penyata kewangan tahunan diaudit yang disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007.

TEMPOH PELAPORAN

Laporan bersepadu ini merangkumi tempoh dari 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023, melainkan dinyatakan sebaliknya. Laporan ini tersedia untuk terbitan dalam talian kami yang boleh didapati di laman sesawang kami di kwap.gov.my, termasuk laporan-laporan dan perihal-perihal yang berkaitan untuk pihak berkepentingan utama seperti kakitangan kami, para pesara, para pencarum, pihak-pihak berkuasa dan masyarakat.

PELAPORAN KEWANGAN DAN BUKAN KEWANGAN

Laporan bersepadu ini bukan sahaja merangkumi pelaporan kewangan, tetapi juga prestasi bukan kewangan, peluang-peluang, risiko-risiko dan hasil-hasil yang berkaitan dengan pihak berkepentingan. Ini memberi kesan yang signifikan ke atas keupayaan kami dalam mencipta dan memelihara nilai secara mampan serta mengurangkan risiko hakisan nilai.

RANGKA KERJA UTAMA KAWAL SELIA DAN PELAPORAN

Pelaporan kami berpandukan oleh kawal selia, rangka kerja pelaporan, garis panduan dan piawaian antarabangsa dan tempatan yang berkaitan. Pelbagai usaha telah diambil dalam menyediakan laporan yang sejajar dengan amalan-amalan dan piawaian-piawaian terbaik industri, serta menyediakan pihak berkepentingan dengan perihal-perihal penting. Rangka kerja dan garis-garis panduan ini adalah termasuk:

- Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa, Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC);
- Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662);
- Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS);
- Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS);
- Piawaian Inisiatif Pelaporan Global (GRI);
- Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia berkaitan Pelaporan Kemampanan;
- Kod Malaysia untuk Pelabur Institusi 2022 (MCII);
- Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI);
- Kerjasama untuk Kewangan Perakaunan Karbon (PCAF);
- Piawaian Pelaburan Mampan (SIS); dan
- Matlamat-matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG).

JAMINAN

Penyata Kewangan Tahunan 2023 kami telah diaudit oleh Ketua Audit Negara. Audit dijalankan mengikut Akta Audit 1957 serta *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Pensijilan Ketua Audit Negara untuk penyata kewangan kami boleh didapati pada muka surat 133 sehingga 136.

Menyedari keterhubungan dalam kemampanan, kami merangkumkan rangka kerja, prinsip-prinsip, amalan-amalan dan hasil-hasil kemampanan dalam laporan ini. Butiran lanjut tersedia dalam Laporan Kemampanan 2023 yang boleh didapati secara dalam talian.

PENYATA BERPANDANGAN KE HADAPAN

Laporan ini mengandungi penyata-penyata berpandangan ke hadapan mengenai kedudukan kewangan, prestasi, strategi-strategi dan operasi-operasi KWAP. Penyata-penyata ini merangkumi risiko-risiko, ketidaktentuan dan andaian-andaan yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa serta bergantung pada keadaan yang mungkin berlaku pada masa hadapan. Hasil sebenar mungkin berbeza secara material berbanding jangkaan dalam penyata-penyata ini berikutan daripada pelbagai faktor.

KWAP tidak bertanggungjawab untuk mengemas kini sebarang penyata yang berpandangan ke hadapan bagi mencerminkan peristiwa-peristiwa atau keadaan-keadaan selepas tarikh laporan ini, atau bagi mencerminkan kejadian peristiwa-peristiwa di luar jangkaan.

KELULUSAN LEMBAGA

Lembaga menyedari tanggungjawabnya dalam memastikan integriti laporan bersepadu ini. Menurut pendapat Lembaga, laporan ini menjawab semua isu-isu material yang berkaitan dengan keupayaan KWAP dalam mencipta nilai selain membentangkan prestasi KWAP secara adil dalam semua aspek.

Laporan ini telah diluluskan oleh Lembaga KWAP.

Ikon Navigasi Kami

MODAL		
FC Modal Kewangan	MC Modal Pembuatan	SRC Modal Sosial dan Hubungan
IC Modal Intelek	HC Modal Insan	NC Modal Semula Jadi
RISIKO-RISIKO		
R1 Risiko Makroekonomi dan Geopolitik	R4 Risiko Kesinambungan Perniagaan	R7 Risiko Keselamatan Siber
R2 Risiko Pelaburan	R5 Risiko Kemampanan	R8 Risiko Pematuhan
R3 Risiko Operasi	R6 Risiko Iklim	R9 Risiko Reputasi
		R10 Risiko Modal Insan
PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN		
S1 Kerajaan Malaysia	S3 Komuniti Pesara	S5 Komuniti Setempat
S2 Pencarum-pencarum	S4 Komuniti Pelabur	S6 Kakitangan


PERKARA-PERKARA MATERIAL

M1 Dana Persaraan yang Mampan	M4 Model Operasi Sedia Masa Hadapan	M7 Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan
M2 Pengalaman Pelanggan	M5 Ikrar Kemampanan	M8 Anti Rasuah dan Sogokan
M3 Tadbir Urus Korporat	M6 Kewujudan dalam Industri	M9 Keselamatan Siber dan Privasi Data

6 MATLAMAT UNSDG



SOROTAN TAHUN 2023





01

**MEMPERKAYAKAN
MASA HADAPAN**



PERUTUSAN PENGERUSI

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa KWAP terus mencatatkan kecemerlangan dari segi pencapaian kewangan dan perkhidmatan yang diberikan kepada pesara perkhidmatan awam. Di sebalik pelbagai kesukaran yang timbul dalam persekitaran pasca pandemik dan ketidaktentuan dalam ekonomi global, KWAP tetap berjaya mencatat pencapaian luar biasa.

Ekonomi global telah mengalami pelbagai cabaran makroekonomi berikutan pandemik yang melanda baru-baru ini. Tekanan inflasi global melampau yang membawa kepada dasar monetari antarabangsa yang lebih ketat menyukarkan lagi persekitaran pelaburan. Pergolakan geopolitik yang berterusan turut meningkatkan ketidaktentuan dalam peringkat global. Seperti negara-negara lain, Malaysia turut terkesan dengan kesulitan persekitaran ini namun masih mampu mencatat pertumbuhan ekonomi yang membanggakan sebanyak 3.6% pada tahun lepas.

Pada tahun 2023, Malaysia berjaya menarik pelaburan sebanyak RM329.5 bilion yang merupakan satu peningkatan besar sebanyak 23.0% berbanding RM267.8 bilion yang diperoleh pada tahun sebelumnya. Pelaburan Langsung Asing (FDI) memainkan peranan penting dalam pencapaian ini, yang menyumbang sebanyak 57.2%, bersamaan dengan RM188.4 bilion kepada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan. Ini membuktikan kepercayaan dan keyakinan komuniti perniagaan dunia terhadap Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang mempunyai daya tarikan.

Prestasi ini mencerminkan ketahanan ekosistem ekonomi negara selain usaha bersepadau antara sektor

awam dan swasta dalam mencipta persekitaran yang mesra pelaburan. Sejak dengan rangka kerja Ekonomi MADANI, momentum ekonomi Malaysia sedia untuk mencapai peningkatan pada tahun ini dengan unjuran pertumbuhan ekonomi antara 4.0% dan 5.0% dengan dasar-dasar mesra pelabur dan menggalakkan pertumbuhan Kerajaan terus berkembang serta memberi hasil ekonomi yang kukuh.

MENGEMUDI PERTUMBUHAN DAN PENGURUSAN BERHEMAH

Kami terus memegang tanggungjawab fidusiari kami untuk melindungi dan mengembangkan dana persaraan secara mampan serta membantu Kerajaan Persekutuan dalam membiayai liabiliti pencegah. Usaha kami selama ini telah membawa hasil, dengan pertumbuhan dana persaraan yang memberangsangkan daripada RM41.94 bilion pada tahun 2007 kepada RM169.82 bilion pada penghujung tahun 2023. Melangkah ke hadapan, KWAP berazam untuk mencapai Saiz Dana Terlaras Terkumpul sebanyak RM200 bilion menjelang tahun 2025, termasuk pengeluaran terkumpul.

Di sebalik ketidaktentuan global, KWAP berjaya mencapai Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) sebanyak 8.2% untuk tahun ini. Kejayaan ini mencerminkan

keberkesan strategi pelaburan dan keputusan alokasi aset kami. Sebagai dana persaraan jangka panjang, fokus kami mengatasi prestasi setahun dengan pendekatan modal kami yang berdaya tahan. Selama tempoh kitaran 10 tahun, pencapaian TWRR tahunan kami sebanyak 5.1% berjaya mengatasi penanda aras sebanyak 313 mata asas. Kami berada pada landasan yang betul ke arah mencapai sasaran pertumbuhan purata 10 tahun TWRR sebanyak 7%.

Alokasi Aset Strategik (SAA) KWAP memberi panduan kepada kami dalam mencapai pulangan risiko terlaras jangka panjang yang mampan. Berpegang teguh pada rangka kerja kebolehteraiman risiko kami, KWAP melabur secara strategik dalam pelbagai kelas-kelas aset dengan penekanan ke atas pertumbuhan dana. Strategi pelaburan ini dipacu oleh komitmen kami dalam mempelbagaikan pelaburan bagi pasaran swasta.

Bagi memperkuuh pencapaian pelaburan kami, KWAP menekankan perbelanjaan yang efektif dan berhemah. Setiap perbelanjaan diselaraskan dengan objektif strategik kami, yang menyumbang kepada kecekapan keseluruhan operasi serta membolehkan kami untuk melaksanakan semua inisiatif secara berkesan dan memenuhi peranan kami sebagai pelabur institusi yang berhemah.



Saiz Dana

RM169.82 bilion



Kadar Pulangan Berwajaran Masa

8.2%



PERUTUSAN PENGERUSI (SAMBUNGAN)

MENGUKUHKAN LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Slogan kami, "Teman Persaraan Anda", mencerminkan teras dan mandat utama KWAP. Kami komited dalam memberi sokongan dan bimbingan yang berterusan kepada pihak berkepentingan utama kami iaitu para pesara, bakal pesara serta penerima pencegahan terbitan.

Berlandaskan slogan ini serta Pelan Hala Tuju dan Strategi Penjenamaan KWAP yang diluluskan pada tahun 2022, kami mempergiatkan usaha secara konsisten dalam aspek publisiti bersasar menerusi libat urus bersama pihak berkepentingan utama. Di KWAP, jangkauan proaktif kami bukan sekadar satu strategi, malah ia merupakan satu komitmen.

Program-program jangkauan kami dipacu oleh matlamat. Kami menjalankan sesi libat urus bersama para pesara bagi mempromosikan kecelikan kewangan dan perancangan persaraan. Kami turut mengadakan kunjungan hormat sebagai tanda penghargaan dan sentiasa berusaha untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pesara. Inisiatif-inisiatif ini telah memberi impak positif kepada lebih 8,000 peserta, termasuk pesara dan bakal pesara.

Kemuncak inisiatif jangkauan tahunan kami ialah Karnival MyPesara 2023 yang diadakan pada 25 dan 26 November di Dataran Karnival, Stadium Shah Alam. Karnival yang berlangsung selama dua hari ini mencerminkan komitmen KWAP dalam aspek libat urus bersama pihak berkepentingan, dengan matlamat untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan aktif, khususnya dalam

kalangan pesara dan bakal pesara. Karnival MyPesara merupakan platform yang ideal untuk menjalin hubungan yang lebih rapat dengan pihak berkepentingan utama kami. Karnival ini bermula dengan program Larian MyPesara yang berjaya menarik perhatian lebih 8,700 pengunjung di mana 45% daripadanya terdiri daripada pesara.

MEMUPUK KEMAKMURAN

KWAP terus komited kepada visinya untuk menjadi dana persaraan yang dipercayai selain menyokong pembinaan negara menerusi manfaat-manfaat inovatif dan mampan. Tumpuan kami ke atas pelaburan-pelaburan yang khusus untuk Malaysia memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemakmuran negara.

PENEKANAN KE ATAS PELABURAN DOMESTIK

Kehadiran KWAP dalam pasaran domestik adalah signifikan kerana ia menjadi teras kepada komitmen kami dalam menyokong pembinaan negara. Pelaburan domestik merangkumi 76% daripada jumlah keseluruhan pelaburan kami pada tahun 2023. Pelaburan KWAP dalam pasaran domestik telah meningkat sebanyak tiga kali ganda daripada RM41.90 bilion semasa penubuhan dana pada Mac 2007 kepada RM128.40 bilion setakat Disember 2023.

DANA PERINTIS: MERINTIS INOVASI DI MALAYSIA

Dalam menyokong agenda negara ke arah membangun dan mengukuhkan persekitaran serta ekosistem modal teroka, KWAP telah melancarkan Dana Perintis pada tahun 2023, dengan sasaran agihan

sebanyak RM500 juta. Dana Perintis mempunyai enam tumpuan utama iaitu ekonomi digital, keterangkuman kewangan, jaminan bekalan makanan, pendidikan, ekonomi penuaan dan peralihan tenaga. Tumpuan ini sejajar dengan inisiatif Ekonomi MADANI yang mencerminkan komitmen kami untuk memupuk idea-idea inovatif pada peringkat domestik.

Dana Perintis juga bertindak sebagai platform untuk merangkum ESG dalam pelaburan kami, lantas memacu perkongsian ilmu dan rangkaian industri. Dana Perintis KWAP juga membantu menjadikan Malaysia sebagai pusat modal teroka pilihan di rantau ini, yang sejajar dengan penekanan Belanjawan 2023 mengenai peranan penting Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLICs) dalam ekonomi negara. Pendekatan kami merangkumi pelbagai peringkat modal teroka yang memanfaatkan peluang-peluang setempat dan serantau.

Sebagai pengurus dana awam, KWAP bertanggungjawab menjana pelaburan yang mampu memberi pulangan kewangan komersial dan memacu pembangunan yang mampan. Pelaburan bersasar kami yang meliputi pelbagai sektor telah menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang lebih kukuh dan saksama, dan seterusnya memangkin transformasi sosial yang positif.

Komitmen kami bukan hanya tertumpu pada penjanaan pulangan dan pembangunan ekosistem pelaburan di Malaysia. KWAP bersedia untuk menyokong semua usaha kerajaan yang berkaitan dengan reformasi persaraan dan terus berusaha untuk menyumbang kepada agenda ekonomi yang penting ini.

PENGURUSAN RISIKO

Prinsip-prinsip Tadbir Urus yang Baik untuk Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (PGG) dilancarkan oleh Kementerian Kewangan pada 15 April 2022, dengan matlamat utama bagi meningkatkan piawaian-piawaian dan amalan-amalan tadbir urus dan kemampuan dalam semua GLIC, termasuk KWAP.

Tadbir urus yang baik menjadi asas kepada pembangunan budaya sesebuah institusi dan tingkah laku setiap individu. Pemimpin institusi harus mempromosi budaya integriti, akauntabiliti dan rasa hormat terhadap undang-undang dan ketelusan dalam membina keyakinan dan kepercayaan daripada pihak berkepentingan.

Bagi mematuhi keperluan-keperluan PGG, kami telah memulakan satu projek bagi mengenal pasti jurang yang ada dan merangka pelan tindakan bagi menangani jurang tersebut. Setakat 31 Disember 2023, KWAP telah menyempurnakan 97% daripada pelan tindakan tersebut dan menyasarkan pematuhan penuh menjelang suku kedua tahun 2024, iaitu sebelum tarikh akhir pada 15 April 2025.

Bagi menangani risiko-risiko kemampunan, Rangka Kerja Tadbir Urus Kemampunan Perniagaan dan Dasar Risiko Kemampunan diterapkan dalam barisan mekanisme pengurusan risiko kami. Rangka kerja ini adalah penting bagi menerapkan risiko kemampunan dalam proses Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) kami, serta membolehkan pendekatan yang sistematis dalam mengenal pasti, menilai serta bertindak balas terhadap risiko-risiko kemampunan dalam pelaburan dan operasi perniagaan ke arah mencapai objektif kemampunan kami.

MENERAPKAN BUDAYA INTEGRITI

Dalam usaha berterusan untuk mencipta budaya integriti di KWAP, saya ingin menekankan usaha menangani rasuah adalah tanggungjawab kita semua dalam mendukung prinsip KWAP iaitu “toleransi sifar terhadap rasuah”.

Komitmen setiap individu dalam memerangi rasuah menerusi saluran pemberi maklumat selain menyokong dan menyertai pelaksanaan kawalan dan langkah-langkah pencegahan rasuah yang lain adalah penting dalam usaha berterusan kami melindungi perniagaan dan reputasi KWAP sebagai sebuah organisasi yang dipercayai dan dibina berdasarkan nilai-nilai tadbir urus yang baik, ketelusan dan akauntabiliti. Sehubungan itu, saya berbesar hati berkongsi bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengklasifikasi semula KWAP sebagai organisasi Berisiko Rendah dari segi pendedahan kepada rasuah, yang merupakan penarafan terbaik untuk penilaian ini.

KWAP juga telah berjaya menyelesaikan audit pengawasan untuk Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah (ABMS) ISO 37001 ke atas empat tapak audit, tanpa sebarang laporan mengenai ketidakpatuhan bagi tahun kedua berturut-turut.

Akauntabiliti merupakan asas tadbir urus yang baik. Selaku pemegang amanah untuk dana persaraan, kami menggalas tanggungjawab dalam mengurus aset-aset ini dengan penuh ketekunan dan integriti. Setiap keputusan yang dibuat dan setiap pelaburan yang dimeterai harus mencapai piawaian akauntabiliti dan integriti yang tertinggi. Komitmen ini bukan hanya satu tugas buat kami. Ia merupakan ikrar kami kepada mereka yang telah mengamanahkan masa hadapan kewangan mereka kepada kami.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli Lembaga atas dedikasi dan sumbangan berharga mereka. Komitmen ini penting dalam membimbing KWAP untuk mencapai kejayaan yang berterusan.

Saya juga dengan sukacitanya mengalu-alukan kedatangan ahli-ahli Lembaga yang baharu, Datuk Dr. Shahrazat Haji Ahmad, Datuk Ahmad Terirudin Mohd Salleh, Puan Nor Yati Ahmad dan Dato' Maznah Abdul Jalil. Kami menghargai kehadiran anda dan menantikan sudut pandangan serta idea-idea bernes daripada anda semua.

Saya juga ingin mengiktiraf sumbangan bermakna daripada Dato' Sri Sharifah Sofianny Syed Hussain, Datuk Siti Zainab Omar, Datuk Dr. Yacob Mustafa, Dato' Anis Rizana Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin, dan Dato' Mohd Shaiful Ibrahim yang telah bersara atau meletakkan jawatan sebagai ahli Lembaga pada tahun ini. Khidmat dan kepimpinan anda amat dihargai oleh kami. Usaha anda telah membentuk hala tuju dan pencapaian KWAP secara signifikan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pegawai Eksekutif kami untuk kepimpinan yang cemerlang dan visi anda dalam menjadikan KWAP sebuah organisasi yang kalis masa hadapan. Kami amat menghargai kerja keras dan komitmen anda.

DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN
Pengerusi

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Indeks Tahap Perkhidmatan (SLA)
99.4%



Pendapatan Bersih
RM9.65 billion



790,772
Penerima Pencen
(+2.8% berbanding Tahun 2022)



KWAP kini berada pada Fasa Ketiga Pelan Strategik, yang dikenali sebagai Visi 2025 (2020 - 2025). Berlandaskan visi ini, KWAP berazam untuk menjadi rakan persaraan utama yang bermatlamat untuk memperkaya pengalaman persaraan ahli-ahli dan memastikan pertumbuhan aset-aset yang mampan. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa sasaran telah ditetapkan bagi menyokong objektif-objektif strategik jangka panjang dan hasil sasaran Visi 2025.

Kami telah memulakan usaha menerbitkan laporan bersepada. Kami percaya bahawa pelaporan bersepada akan meningkatkan kualiti maklumat semasa untuk pihak berkepentingan dan kitaran laporan bersepada serta pemikiran yang berkaitan akan meningkatkan komitmen kemampuan dan penciptaan nilai kami.

PRESTASI KEWANGAN

Setakat 31 Disember 2023, saiz dana KWAP telah meningkat kepada RM169.82 bilion daripada RM158.10 bilion yang direkodkan pada tahun 2022. Jika pengeluaran kerajaan sebanyak RM20.50 bilion yang dilakukan antara tahun 2018 dan 2023 turut diambil kira, saiz dana terlaras terkumpul KWAP menjadi RM190.32 bilion, iaitu 95% daripada sasaran 2025 yang ditetapkan sebanyak RM200 bilion.

Pada tahun 2023, KWAP mencapai jumlah pulangan dalam Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) sebanyak 8.2%. KWAP juga mencatat Pendapatan Bersih sebanyak RM9.65 bilion dan Jumlah Pendapatan Komprehensif sebanyak RM12.03 bilion pada tahun ini. Prestasi cemerlang ini dipacu oleh prestasi kelas aset ekuiti antarabangsa yang membuktikan kejayaan strategi diversifikasi kami khususnya untuk Aloki Aset Strategik (SAA) KWAP.

OPERASI PENCEN

KWAP kini berkhidmat untuk 790,772 penerima pencen di seluruh Malaysia, iaitu 2.8% lebih tinggi atau tambahan 21,825 penerima pencen berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2023, perkhidmatan persaraan kami mencatat skor Indeks Tahap Perkhidmatan (SLA) yang cemerlang iaitu 99.4%, yang mengatas peratusan minimum sebanyak 95% di bawah Perjanjian Agensi yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan KWAP.

Dalam aspek pendigitalan, kami telah memperkenalkan satu projek rintis yang menyediakan peranti biometrik di pusat-pusat dialisis. Pada 31 Disember 2023, kami berjaya memasang 50 peranti biometrik di pusat-pusat dialisis yang terpilih di sekitar Lembah Klang, yang memberi manfaat segera dengan pemprosesan lebih 17,000 pengesahan oleh pesara dan penerima pencen terbitan yang layak sejak pelaksanaannya pada November 2023.

TERAS 5

Saya juga bangga mengumumkan bahawa pelaksanaan TERAS 5 berjalan dengan lancar dalam seluruh syarikat, dan kini mencapai tahap siap sebanyak 85%. Dengan kerjasama berpasukan, saya yakin bahawa kami akan mencapai pelaksanaan penuh menjelang tahun 2024.

WARGA KERJA

Modal insan kekal menjadi penggerak utama kejayaan kami. Kami terus menekankan nilai pembelajaran sepanjang hayat dan kekal komited dalam membangunkan bakat. Kaktungan KWAP digalakkan untuk melanjutkan pelajaran menerusi Skim Bantuan Pendidikan (EAS) KWAP. Kami yakin bahawa kumpulan bakat yang berkemahiran tinggi akan membawa KWAP ke tahap yang lebih cemerlang.

Pada tahun 2023, seramai 23 kakitangan telah menamatkan pengajian mereka dan 13 kakitangan lagi sedang mengikuti program-program profesional dan pengajian tinggi termasuk CFA, CRMA, PKMC, ACCA, BSC, MSC dan PHD, yang disediakan di bawah program EAS.

DIGITAL

KWAP komited dalam mengekalkan sistem teknologi maklumat yang canggih bagi membolehkan penciptaan nilai yang lebih baik. Oleh itu, kami telah mencapai kemajuan yang signifikan dalam Pelan Hala Tuju Transformasi Digital. Pada tahun 2023, kami telah membangunkan Rangka Kerja dan

Tadbir Urus Pengkomputeran Awan KWAP serta rangka kerja tadbir urus data, yang diperkenalkan sebagai Strategi Awan KWAP, dan meningkatkan lagi langkah-langkah keselamatan siber. Purata potensi pancingan data di KWAP adalah sebanyak 2.5%, jauh lebih rendah berbanding purata industri sebanyak 10%. Ini berikutan hasil daripada sesi-sesi latihan intensif kami yang menekankan kesedaran berkaitan keselamatan siber.

Saya juga bangga untuk berkongsi bahawa pasukan digital KWAP telah menerima Anugerah Pengiktirafan Teknologi Maklumat pada tahun ini di Seminar dan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASEAN Social Security Association (ASSA) ke-40. Pengiktirafan berprestij ini adalah untuk projek yang bertajuk “*Implementation of KWAP’s Robotic Processing Automation (RPA) Named TESSA in Its Daily Operations*”.

KEMAMPANAN

Kemampuan sentiasa menjadi teras matlamat kami. KWAP menyedari bahawa syarikat-syarikat penerima pelaburan kami mungkin berada pada peringkat yang berbeza dalam inisiatif ESG dan kemampuan mereka. Aktiviti kepimpinan kami adalah bertujuan untuk mencipta nilai jangka panjang dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan kami.

Pada Januari 2023, kami telah melaksanakan lima ikrar kemampuan iaitu:

- **IKRAR 1**
Menyokong Agenda Sosial
- **IKRAR 2**
Memperkasa Kerjasama untuk Tindakan Kolektif
- **IKRAR 3**
Portfolio Sifar Bersih menjelang Tahun 2050
- **IKRAR 4**
Meningkatkan Pelaburan dalam Aset Peralihan kepada RM20 Bilion menjelang Tahun 2030
- **IKRAR 5**
Meningkatkan Tadbir Urus Kemampuan

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMBUNGAN)

Komitmen ini dipacu oleh azam kami untuk mengurangkan impak yang terburuk daripada perubahan iklim, selain melindungi kebolehdudukan planet ini dan menyokong amalan-amalan yang bertanggungjawab dan adil demi penciptaan nilai jangka panjang. Kami mengutamakan enam UNSDG secara strategik selaku prinsip-prinsip yang memandu Pelan Hala Tuju Kemampunan kami iaitu UNSDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik, UNSDG 7: Tenaga Bersih dan Mampu Milik, UNSDG 8: Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi, UNSDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab, UNSDG 13: Tindakan Iklim, dan UNSDG 17: Kerjasama untuk Matlamat.

Pada Oktober 2023, Lembaga KWAP telah meluluskan Rangka Kerja dan Dasar Risiko Kemampunan KWAP yang bertindak untuk menjadi panduan kepada Pelan Hala Tuju Kemampunan KWAP yang menyokong komitmen-komitmen kemampunan untuk memenuhi lima Ikrar Kemampunan dan tujuh Hasil Sasaran. Tujuh Hasil Sasaran adalah seperti yang berikut:

- Meningkatkan Pelaburan dalam Aset Peralihan kepada 10% daripada Saiz Dana menjelang tahun 2030
- Portfolio Sifar Bersih menjelang tahun 2050
- Pelaburan Berimpak sehingga RM1.5 bilion menjelang tahun 2025
- Dasar Upah Sara Hidup Perniagaan menjelang tahun 2025
- 30% Wanita dalam Pengurusan Kanan menjelang tahun 2023
- Rangka Kerja Tadbir Urus Kemampunan Perniagaan pada tahun 2023
- Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ESG untuk ahli Lembaga dan Pengurusan Kanan serta pematuhan pelaporan yang dibimbing oleh ISSB menjelang tahun 2025

Kami yakin bahawa integrasi ESG adalah mandatori dan menjadi keperluan dalam usaha kami untuk mencapai masa hadapan yang mampan. Oleh itu, integrasi amalan-amalan kemampunan dalam semua pelaburan dan operasi kami adalah dianggap penting.

Dengan membuat pelaburan dalam aset peralihan dan merangkumkan kedu-a-dua Strategi Penyahkarbonan Perniagaan dan Pelaburan KWAP, kami bermatlamat untuk menyokong komitmen Sifar Bersih Malaysia dan memberi impak positif dalam melindungi masa hadapan planet ini. Oleh itu, kami telah melengkapkan dan menyemak garis dasar pelepasan karbon KWAP bagi merangka pelan-pelan peralihan ke arah penyahkarbonan.

Impak kemampunan yang positif juga meningkatkan reputasi kami sebagai sebuah organisasi sosial yang bertanggungjawab, yang berusaha untuk mencipta nilai jangka panjang kepada pihak berkepentingan. Menerusi pelaburan yang bertanggungjawab, kami bukan sahaja memastikan keselamatan kewangan dalam jangka panjang, tetapi kami juga memainkan peranan penting dalam membentuk masa hadapan yang lebih baik untuk Malaysia dan dunia. Dengan melangkuai langkah-langkah lazim pematuhan yang berkaitan dengan ESG, kami telah mula melabur dalam segmen pelaburan berimpak, seperti melabur di dalam syarikat-syarikat yang menggunakan penyelesaian-penyelesaian yang berasaskan pasaran bagi menangani cabaran-cabaran sosial dan alam sekitar. Ini dipacu dan dibimbing oleh beberapa UNSDG dengan tumpuan ke atas pasaran domestik.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, tahun 2023 merupakan tahun yang diwarnai dengan kemajuan dan transformasi yang signifikan untuk KWAP. Komitmen teguh kami terhadap peningkatan yang berterusan dan tadbir urus yang teguh telah memperkuuhkan lagi kedudukan kami sebagai dana persaraan yang unggul. Melangkah ke hadapan, kami kekal komited dalam meningkatkan penciptaan nilai, menangani risiko-risiko baharu yang timbul dan memupuk budaya kecemerlangan.

Pencapaian kami dalam aspek pulangan kewangan, transformasi digital, libat urus bersama pihak berkepentingan dan agenda-agenda kemampunan membuktikan pendekatan berdaya tahan dan pemikiran maju kami. Kami yakin bahawa usaha ini akan terus memacu pertumbuhan yang mampan dan penciptaan nilai untuk pihak berkepentingan kami. Bersama-sama kita menempuh kesukaran dalam persekitaran yang tidak menentu ini, serta membina dana persaraan yang lebih kukuh dan berdaya tahan untuk tahun-tahun mendatang.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengurus, ahli-ahli Lembaga serta ahli-ahli Panel Pelaburan untuk sokongan mereka yang berterusan dalam satu lagi tahun yang mencabar. Saya juga ingin berterima kasih kepada kakitangan kami atas komitmen dan kerja keras mereka sepanjang tahun 2023. Setiap usaha dalam menyampaikan nilai kepada pihak berkepentingan amatlah dihargai.

KWAP akan terus mendukung komitmennya terhadap semua pihak berkepentingan dan menjunjung intipati slogan "Teman Persaraan Anda".

DATUK HAJAH NIK AMLIZAN MOHAMED

Ketua Pegawai Eksekutif



02

MEMPERKAYAKAN KEMAJUAN NEGARA



MENGENAI KWAP

VISI

Menjadi dana persaraan yang dipercayai yang menyokong pembangunan negara dengan memberi manfaat yang mampan secara inovatif.

MISI

Mengoptimum pulangan pelaburan dan memberi perkhidmatan cemerlang dengan menerima pakai amalan terbaik dalam memenuhi komitmen pihak berkepentingan utama.

NILAI-NILAI



KEPIMPINAN

Keupayaan untuk memimpin diri sendiri dan orang lain untuk penambahbaikan berterusan



KECEMERLANGAN DAN PENCAPAIAN

Pencapaian yang diperoleh melalui kecemerlangan



KERJA BERPASUKAN

Bekerjasama untuk memberikan hasil yang cekap dan berkesan untuk setiap pihak berkepentingan



ORIENTASI PIHAK BERKEPENTINGAN

Memberi fokus kepada semua pihak berkepentingan seperti kerajaan dan pesara-pesara



AKAUNTABILITI

Bertanggungjawab atas segala tindakan



PEMBELAJARAN DAN INOVASI BERTERUSAN

Sentiasa inovatif dan belajar dengan konsisten daripada cabaran dan pencapaian



INTEGRITI

Ciri dalaman moral dan prinsip yang kukuh

PENUBUHAN

Di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), yang menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454), KWAP ditubuhkan pada 1 Mac 2007.

FUNGSI

- Pentadbiran, pengurusan dan pelaburan Dana dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan bentuk-bentuk pelaburan lain yang dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662)
- Pengurusan caruman daripada Pentadbiran Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan pelbagai agensi berkaitan
- Pengurusan dan pembayaran pencen

MENGURUSKAN CARUMAN

Kerajaan Persekutuan menyumbang sebanyak 5% daripada jumlah emolument belanjawan tahunan untuk kakitangan Kerajaan Persekutuan manakala Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, dan Agensi-agensi menyumbang sebanyak 17.5% daripada gaji pokok kakitangan yang berpencen kepada KWAP pada setiap bulan.

MENETAPKAN DASAR DAN GARIS PANDUAN PELABURAN

Panel Pelaburan bertanggungjawab menetapkan dan menyemak Dasar dan Garis Panduan Pelaburan KWAP secara berkala dan memberi saranan kepada Lembaga untuk kelulusan. Dasar dan Garis Panduan Pelaburan ini adalah dokumen yang mengawal aktiviti-aktiviti pelaburan KWAP.

PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN PELABURAN

Dana ini dilaburkan dalam kelas-kelas aset yang sejajar dengan Alokasi Aset Strategik KWAP. Aktiviti-aktiviti pelaburan Dana dijalankan oleh satu pasukan profesional yang cekap dan berpengalaman dalam pelaburan.

Status dan prestasi pelaburan KWAP dilaporkan pada setiap bulan kepada Panel Pelaburan dan Lembaga. Analisis prestasi merangkumi prestasi relatif berbanding indeks penanda aras serta pulangan sasaran penuh untuk setiap kelas aset.

KWAP DALAM SISTEM PENCEN MALAYSIA

	Pembentukan Dasar	Kutipan Caruman Ahli	Polisi Pelaburan & Garis Panduan	Pengurusan Pelaburan	Pentadbiran Anggota	Pembayaran Faedah
	Menetapkan dasar untuk pencer/dana persaraan	Mengurus kutipan caruman ahli	Menetapkan dasar pelaburan dan mengawasi prestasi	Melaksana pengurusan pelaburan	Mengurus akaun ahli	Mengurus pentadbiran kewangan dan pembayaran
KAKITANGAN AWAM BERPENCEN	Perbendaharaan <ul style="list-style-type: none"> Pengiraan impak kewangan kewangan Meluluskan dasar EPU Membangun dan mengkaji semula dasar JPA <ul style="list-style-type: none"> Membentuk dan mengkaji semula dasar 				<i>Ejen yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan</i>	
ANGKATAN TENERA	MINDEF Membentuk dan mengkaji semula dasar	LTAT	<ul style="list-style-type: none"> Memungut caruman daripada anggota tentera dan kakitangan Kerajaan Mengira bayaran balik LTAT kepada KWAP Berhubung dengan ahli-ahli Mentadbir akaun ahli 		Hal Ehwal Veteran (MINDEF)	<ul style="list-style-type: none"> Berhubung dengan pesara Mengira faedah Mengagihkan pengeluaran Memindahkan bayaran balik kepada KWAP
KAKITANGAN SEKTOR SWASTA DAN AWAM TIDAK BERPENCEN	KWSP Memberi input kepada pembentukan dasar					

Petunjuk: **Perbendaharaan:** Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
JPA: Jabatan Perkhidmatan Awam

MINDEF: Kementerian Pertahanan
LTAT: Lembaga Tabung Angkatan Tentera

KWSP: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja


FALSAFAH PELABURAN DAN PEGANGAN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG)

KWAP percaya bahawa peluang dominan wujud disebabkan oleh ketidakcekapan pasaran. Oleh itu, kami terus membangunkan strategi-strategi dalam kelas aset yang kami percaya berpotensi untuk menjadi dominan dan/atau peluang-peluang yang boleh digunakan oleh dana secara langsung atau tidak langsung. Strategi pasif akan digunakan sekiranya kami tidak yakin pengurusan aktif berupaya memberi nilai tambah.

Dalam konteks ESG, KWAP berusaha untuk mengelak daripada melabur dalam syarikat-syarikat yang berpotensi untuk menjelaskan komitmen serta kemajuan kami dalam aspek pelaburan dan ESG yang bertanggungjawab dan/atau aktiviti perniagaan syarikat-syarikat yang mempunyai risiko bereputasi atau yang memberi impak negatif ke atas KWAP.

KWAP yakin integrasi ESG akan membawa kepada masa hadapan yang mampan. Kami juga menyedari bahawa syarikat-syarikat berada pada tahap yang berbeza-beza dalam perjalanan ESG dan kelestarian mereka. Justeru, aktiviti-aktiviti berpengurusan KWAP tertumpu pada penciptaan nilai jangka panjang bersama syarikat-syarikat penerima pelaburan.

CARTA ORGANISASI



Petunjuk: — Melaporkan secara langsung Melaporkan secara pentadbiran

STRUKTUR KORPORAT



Pelaburan Hartanah



Malaysia

100.00% Harta Integra Berkat Sdn Bhd
100.00% Capsquare Tower Sdn Bhd
100.00% Harta Rini Sdn Bhd



Australia

100.00% KWAP MIT 3
100.00% KWAP MIT 4



United Kingdom

99.60% Prima Harta (Jersey) Unit Trust
100.00% Prima Harta U (Jersey) Limited
100.00% Prima Harta 2 (Jersey) Unit Trust
99.60% Prima Harta 4 (Jersey) Unit Trust
100.00% Prima Harta 4U (Jersey) Limited
99.80% Prima Harta 5 (Jersey) Unit Trust
100.00% Prima Harta 5 (Jersey) Limited
99.99% Prima Harta 6 (Jersey) Unit Trust
100.00% Prima Harta 6 (Jersey) Limited



Jerman

100.00% Prima Harta 3 (Lux) S.à r.l.



Pembangunan Hartanah



Malaysia

100.00% KWEST Sdn Bhd



Malaysia

- Compass IP Sdn Bhd
- Persada Mentari Sdn Bhd



Infrastruktur dan Perkhidmatan



Malaysia

5.83% Aerodyne Ventures Sdn Bhd
5.29% edotco Group Sdn Bhd



Luxembourg

45.00% Vantage Solar Investment S.à r.l.



Perkhidmatan Pengurusan



United Kingdom

100.00% Prima Ekuiti (UK) Limited



Pendidikan



Malaysia

20.70% Asia Pacific Education Group

Nota: Rujuk ke Nota 11 sehingga 13 dalam Penyata Kewangan KWAP 2023 untuk senarai lengkap anak syarikat, syarikat bersekutu dan usaha sama KWAP.

MODEL PENCIPTAAN NILAI KAMI



Ketersediaan dan kualiti input kami...

VISI: Menjadi dana persaraan yang dipercayai yang menyokong pembangunan

FC Modal Kewangan

Asas modal, pendapatan yang dilaburkan semula dan caruman daripada Kerajaan Persekutuan dan majikan.

- Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun: **RM28.50 bilion**
- Caruman Pencen: **RM64.07 bilion**
- Rizab dan lebihan: **RM77.25 bilion**

IC Modal Intelek

Aset-aset tidak nyata, jenama, reputasi, kapasiti inovasi, pengetahuan dan kepakaran serta kerjasama strategik yang menyokong kelebihan daya saing kami.

- 14 inisiatif media termasuk tiga acara utama iaitu pelancaran Dana Perintis, Karnival MyPesara dan Forum Pencarum
- Slogan baharu **Teman Persaraan Anda**

MC Modal Pembuatan

Struktur perniagaan dan proses-proses operasi kami, termasuk aset-aset tetap seperti sistem teknologi maklumat (IT) yang membentuk asas penyampaian nilai.

- Sistem IT: **RM4.62 juta**
- Perisian komputer: **RM9.45 juta**

HC Modal Insan

Kakitangan, budaya korporat, pengetahuan yang kolektif, kecekapan dan pengalaman menjadi asas yang memacu inovasi, kerjasama dan keberkesanan organisasi kami.

- Budaya yang berdasarkan Matlamat, Kepercayaan dan Setiaawan
- Tenaga kerja **723 kakitangan KWAP**
 - Perbelanjaan untuk latihan dan pembangunan kemahiran: **RM3.30 juta**
 - **RM90 ribu** untuk Skim Bantuan Pendidikan
 - **RM153.18 juta** untuk pembayaran gaji dan faedah

SRC Modal Sosial dan Hubungan

Hubungan dengan pihak berkepentingan, termasuk komuniti yang terlibat dalam operasi kami, adalah asas kepada persekitaran operasi kami. Peranan kami adalah untuk membina negara dan masyarakat yang berkembang maju serta pasaran modal yang teguh dan stabil.

- RM2.47 bilion** untuk pelaburan berimpak tinggi yang diluluskan termasuk **RM500 juta** untuk Dana Perintis
- RM7.98 juta** untuk graduan Malaysia dalam program MySTEP
- RM286 ribu** untuk inisiatif-inisiatif berimpak sosial yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat
- Menyumbang **RM1 juta** kepada Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin
- RM913 ribu** diperuntukkan untuk Jelajah MyPesara


NC Modal Semula Jadi

Penggunaan sumber-sumber asli secara langsung dan penjejakan kami dalam alam sekitar menerusi aktiviti-aktiviti pelaburan dan operasi kami, termasuk tenaga, air, dan iklim, serta impak daripada amalan-amalan perniagaan kami.

- RM357.01 juta** dilaburkan untuk tenaga boleh diperbaharui
- Lima** pelaburan dalam hutan tanah menerima pensijilan hijau

membolehkan pelaksanaan strategi kami...


negara dengan memberi manfaat yang mampan secara inovatif.



MODEL PENCIPTAAN NILAI (SAMBUNGAN)

memacu aktiviti perniagaan dalam menyampaikan perkhidmatan yang berdasarkan misi...

VISI: Menjadi dana persaraan yang dipercayai yang menyokong pembangunan



* Skop 1, 2 dan 3 untuk garis dasar pelepasan karbon dibangunkan dengan menggunakan data bagi Tahun Kewangan 2023

S1 Kerajaan Malaysia	S2 Pencarum	S3 Pesara	S4 Komuniti Pelaburan	S5 Komuniti Setempat	S6 Kakitangan
----------------------------	----------------	--------------	-----------------------------	----------------------------	------------------

serta nilai-nilai...

untuk pihak
berkepentingan kami.

negara dengan memberi manfaat yang mampan secara inovatif.

FC Modal Kewangan

- **RM9.65 bilion** adalah Pendapatan Bersih dan **RM12.03 bilion** adalah Jumlah Pendapatan Komprehensif
- **RM3 bilion** pengeluaran oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu membiayai sebahagian bayaran persaraan
- **8.2%** Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) tahunan
- **5.1%** TWRR tahunan untuk tempoh purata 10 tahun

IC Modal Intelek

- Penerima anugerah untuk 3 kategori dalam *HR Excellence Awards 2023*, 2 kategori dalam *Employer Experience Awards 2023* dan anugerah pengiktirafan untuk ASSA's *Information Technology*

MC Modal Pembuatan

- **100%** ketersediaan sistem perniagaan
- **2.2%** purata terdedah kepada ancaman pancingan berbanding dengan purata industri sebanyak **10%**

HC Modal Insan

- **11** aktiviti berkaitan budaya telah dianjurkan
- **110.5** purata jam pembelajaran setiap kakitangan sepenuh masa direkodkan
- **23** peserta Skim Bantuan Pendidikan (EAS) menamatkan pengajian

SRC Modal Sosial dan Hubungan

- **99.4%** purata pencapaian Indeks Tahap Perkhidmatan (SLA)
- **484** pelatih siswazah Malaysia ditempatkan dan **1,503** peluang pekerjaan MySTEP telah diwujudkan sejak penubuhan program
- Lebih **8,000** peserta mendapat manfaat daripada program Jelajah MyPesara dan program libat urus untuk pesara yang merangkumi **40** lokasi

NC Modal Semula Jadi

- Jumlah pelepasan Skop 1: **38.57 tCO₂e***
- Jumlah pelepasan Skop 2: **550.82 tCO₂e***
- Jumlah pelepasan Skop 3: **6,368,642.70 tCO₂e***
- **342.63 GWh** tenaga boleh diperbaharui telah dijana daripada projek-projek penjana tenaga solar fotovoltaik (PV) berskala besar, yang memadai dengan tenaga yang diperlukan untuk menjana lebih kurang **92,602** isi rumah dalam setahun

+ Nilai Tercipta	Nilai Terpelihara	+ Nilai Tercipta	+ Nilai Tercipta	Nilai Terpelihara	Nilai Terpelihara
+ Nilai Tercipta	Nilai Tercipta	+ Nilai Tercipta	Nilai Terpelihara	Nilai Terpelihara	+ Nilai Tercipta
+ Nilai Tercipta	Nilai Tercipta	+ Nilai Tercipta	Nilai Terpelihara	Nilai Terpelihara	+ Nilai Tercipta
Nilai Terpelihara	Nilai Terpelihara	Nilai Terpelihara	Nilai Terpelihara	+ Nilai Tercipta	+ Nilai Tercipta
+ Nilai Tercipta	Nilai Tercipta	+ Nilai Tercipta	+ Nilai Tercipta	+ Nilai Tercipta	Nilai Terpelihara
+ Nilai Tercipta	Nilai Terpelihara	Nilai Terpelihara	Nilai Terpelihara	+ Nilai Tercipta	Nilai Terpelihara
+ Nilai Tercipta	Nilai Terpelihara	Nilai Terpelihara	Nilai Terpelihara	+ Nilai Tercipta	Nilai Terpelihara



03

MEMPERKAYAKAN NILAI PIHAK BERKEPENTINGAN



STRATEGI KAMI

VISI, MISI DAN NILAI KWAP



VISI 2025

Sejak penubuhan KWAP pada tahun 2007, kami kini menghampiri penghujung Fasa 3 (2020 - 2025) perjalanan transformasi kami, atau secara keseluruhannya dikenali sebagai Visi 2025. Visi 2025 menggariskan tiga objektif strategik untuk dicapai menjelang penghujung tahun 2025:

- Memartabatkan KWAP sebagai pengurus dana pencen tunggal bagi sektor awam negara
- Memperkasakan pengalaman persaraan pihak-pihak berkepentingan termasuk para pesara dan bakal pesara
- Meningkatkan aset KWAP secara mampan



Pada tahun 2023, tumpuan kami adalah pada lima aspek utama seperti yang berikut bagi memperkuuhkan objektif-strategik jangka panjang dalam merealisasikan Visi 2025:

- | | | | | |
|--|---|--|---|--|
| <p>01</p> <p>Meningkatkan peranan kami dalam ekosistem persaraan sektor awam ke arah pembinaan negara</p> | <p>02</p> <p>Memperkuuhkan komunikasi strategik dan kesedaran jenama dalam kalangan pihak berkepentingan</p> | <p>03</p> <p>Memperhalusi strategi pelaburan dan meningkatkan keupayaan</p> | <p>04</p> <p>Melaksanakan inisiatif-inisiatif kemampunan korporat termasuk komitmen-komitmen pelaburan ESG</p> | <p>05</p> <p>Membangunkan infrastruktur pengurusan pengetahuan bagi memperkuuhkan peranan kami sebagai pemimpin pemikir</p> |
|--|---|--|---|--|



- | | |
|--|---|
| <p>Struktur
Struktur organisasi yang berdasarkan rantaian nilai</p> | <p>Proses
Meningkatkan dan memudahkan proses perniagaan secara menyeluruh</p> |
| <p>Digital
Pendigitalan, automasi dan strategi pengurusan data dalam seluruh perniagaan</p> | <p>Tadbir Urus
Mengukuhkan tadbir urus kumpulan serta pengawasan rangka kerja anak syarikat dengan pematuhan yang berkesan</p> |
| <p>Modal Insan
Pembudayaan ke arah pemerkasaan pekerja yang berterusan, dan pengurusan bakat dan organisasi yang berkesan</p> | |

STRATEGI KAMI (SAMBUNGAN)

Dengan Fasa 1 (Bersiap Sedia) TERAS 5 menghampiri penghujungnya, kami telah memulakan Fasa 2 (Peningkatan) untuk program ini. Setakat 31 Disember 2023, TERAS 5 telah melengkapkan 85% daripada inisiatif-inisiatif yang dirancang iaitu lebih awal dari yang dijadualkan. Kemajuan ini memberi asas kukuh kepada KWAP untuk melaksanakan strategi-strategi penting bagi mencapai Visi 2025. Untuk setiap lima aspek tumpuan utama, kami telah melaksanakan inisiatif-inisiatif strategik seperti berikut:

Paradigma Pelaburan Baharu dan Inisiatif Pertumbuhan Pelaburan Berpelbagai

► Modal Berkaitan	► Fokus Strategik 2023	Membina portfolio berpelbagai khususnya untuk aset-aset yang berasaskan pertumbuhan, dengan menumpukan pada pulangan yang lebih tinggi dan penggunaan kebolehterimaan risiko yang lebih cekap. <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan Dana Perintis untuk Pelaburan Berimpak. • Mempelbagaikan portfolio dengan peruntukan lebih tinggi untuk portfolio pasaran persendirian. • Memaksimumkan had toleransi risiko bagi meningkatkan jangkaan pulangan daripada portfolio pelaburan.
FC	01 03	

Pelaksanaan Rangka Kerja Pengalaman Pelanggan

► Modal Berkaitan	► Fokus Strategik 2023	Memperkuatkkan hubungan pelanggan menerusi peningkatan saluran komunikasi dan libat urus pelanggan.
SRC	01 02	

Pelaksanaan Pelan Hala Tuju Penjenamaan Strategik

► Modal Berkaitan	► Fokus Strategik 2023	Melaksanakan Program Media Perhubungan Awam yang berstruktur pada tahun 2023. <ul style="list-style-type: none"> • Menganjurkan beberapa siri program libat urus secara fizikal dan maya, untuk pihak berkepentingan yang disasarkan bagi meningkatkan nilai jenama dan pengaruh KWAP.
IC	02	

Pelaksanaan Rangka Kerja Pemimpin Pemikiran

► Modal Berkaitan	► Fokus Strategik 2023	Mewujudkan kaedah-kaedah dan pendekatan untuk penciptaan kandungan Pemimpin Pemikiran. Keluaran hasil penerbitan Pemimpin Pemikiran dengan kerjasama institusi-institusi tempatan dan global dalam industri persaraan, golongan berusia dan/atau keselamatan sosial.
IC	05	

MODAL

FC Modal Kewangan

IC Modal Intelek

MC Modal Pembuatan

HC Modal Insan

SRC Modal Sosial dan Perhubungan

NC Modal Semula Jadi

Pelaksanaan Pelan Hala Tuju Transformasi Digital

► Modal Berkaitan	► Fokus Strategik 2023	Membangunkan semula Projek Sistem Persaraan Teras iaitu SUPER. Pembangunan Rangka Kerja Tadbir Urus Data. Penggantian sistem-sistem perniagaan utama.
MC	03 04 05	

Pelaksanaan Inisiatif-Inisiatif Kemampunan Korporat

► Modal Berkaitan	► Fokus Strategik 2023	Pembangunan garis dasar pelepasan gas rumah kaca (GHG) KWAP. Pembangunan Rangka Kerja Tadbir Urus Kemampunan Perniagaan KWAP. Integrasi pertimbangan-pertimbangan ESG dalam proses-proses pelaburan dan keseluruhan portfolio. Pembangunan dan pelancaran Laporan Kemampunan KWAP yang pertama.
HC SRC NC	01 03 04 05	

Pelaksanaan Inisiatif-Inisiatif yang Berkaitan dengan Strategi Modal Insan

► Modal Berkaitan	► Fokus Strategik 2023	Inisiatif-inisiatif untuk pengurusan bakat yang berkesan menerusi perancangan penggantian bagi jawatan utama dan kritikal. Mempertingkatkan proses pengambilan pekerja dengan tumpuan ke atas penyampaian perkhidmatan yang cekap. Menyemak dan mempertingkatkan sistem pengurusan prestasi secara menyeluruh. Mempertingkatkan infrastruktur di tempat kerja bagi memastikan ketersediaan untuk persekitaran kerja pada masa hadapan.
HC	01 03 04	

Memperkuuhkan Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Seluruh Kumpulan

► Modal Berkaitan	► Fokus Strategik 2023	Semakan dan penilaian polisi yang berkaitan dengan ahli Lembaga dan Panel Pelaburan. Pelaksanaan ISO 31000:2018 - Pengurusan Risiko yang berterusan. Peningkatan Garis Panduan Metodologi Pengauditan.
Semua Modal	01 03 04 05	

ASPEK TUMPUAN UTAMA 2023

- 01** Meningkatkan peranan kami dalam ekosistem persaraan sektor awam ke arah pembinaan negara
- 02** Memperkuuhkan komunikasi strategik dan kesedaran jenama dalam kalangan pihak berkepentingan
- 03** Memperhalusi strategi pelaburan dan meningkatkan keupayaan
- 04** Melaksanakan inisiatif-inisiatif kemampunan korporat termasuk komitmen pelaburan ESG
- 05** Membangunkan infrastruktur pengurusan pengetahuan bagi memperkuuhkan peranan kami sebagai pemimpin pemikir

PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Libat urus bersama pihak berkepentingan merupakan asas penting dalam komitmen kami terhadap ketelusan, akauntabiliti dan amalan-amalan perniagaan yang bertanggungjawab di KWAP. Kami menyedari bahawa tindakan kami sebagai pelabur institusi boleh mempengaruhi pihak-pihak berkepentingan kami secara meluas, termasuk ahli-ahli, kakitangan, rakan-rakan industri, masyarakat dan alam sekitar.

Dalam bahagian ini, kami memberi gambaran ringkas untuk pendekatan terhadap libat urus bersama pihak berkepentingan, yang menggariskan komitmen dalam memupuk dialog terbuka dan bermakna dengan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam operasi kami. Perbincangan juga akan diadakan berkenaan saluran-saluran dan mekanisme-mekanisme yang digunakan untuk berhubung dengan pihak berkepentingan kami, berserta dedikasi dalam mendengar maklum balas mereka dan cara-cara menghimpun perspektif mereka dalam proses pembuatan keputusan kami.

Usaha kami dalam aspek libat urus bersama pihak berkepentingan mencerminkan nilai-nilai dan misi kami dalam menjamin pendapatan persaraan untuk penjawat awam serta dalam menyokong amalan-amalan mampan dan tatalaku yang beretika. Kami menganggap pihak berkepentingan sebagai rakan kongsi yang penting dalam usaha kami untuk membentuk masa hadapan yang lebih mampan dan sejahtera.

PIHAK BERKEPENTINGAN, KEPERLUAN DAN HARAPAN MEREKA



Kerajaan Malaysia

Menyediakan hala tuju yang strategik, membangunkan dan menyemak dasar-dasar pencen, menetapkan keperluan kawal selia, dan memantau prestasi Kumpulan Wang agar sejahtera dengan matlamat kerajaan.

Menyelia manfaat persaraan untuk kakitangan perkhidmatan awam, memastikan pengagihan bayaran pencen yang tepat dan dibuat dengan segera dan bekerjasama dengan Kumpulan Wang dalam hal-hal berkaitan dengan pentadbiran pencen.

Aspek penekanan/kepentingan:

- Prestasi kewangan dan kestabilan Dana termasuk nisbah pembiayaan
- Penajaran dengan dasar-dasar dan objektif-objektif kerajaan
- Tadbir urus dan kesejahteraan Dana
- Ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dana
- Sumbangan kepada kestabilan dan pembangunan ekonomi negara
- Impak sosial dan kebajikan rakyat
- Pengurusan bayaran pencen yang tepat dan dibuat pada tempoh yang ditetapkan
- Komunikasi dan sokongan untuk penerima pencen

Kaedah libat urus:

- Dialog
- Mesyuarat



Pencarum

Majikan kepada kakitangan perkhidmatan awam yang mencarum kepada Dana yang mengikut kadar yang ditetapkan, sejahtera dengan Akta Pencen Pihak Berkua Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239).

Aspek penekanan/kepentingan:

- Proses mencarum yang mudah
- Libat urus dan komunikasi kakitangan
- Pematuhan kawal selia

Kaedah libat urus:

- Laman sesawang dan media sosial
- Kajian
- Forum
- Lawatan

S3

Komuniti Pesara

Komuniti pesara termasuk para pesara, derivatif, serta Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang mewakili kepentingan penerima pencen.

Aspek penekanan/kepentingan:

- Pengurusan pencen yang betul dan dibuat pada tempoh yang ditetapkan
- Komunikasi dan sokongan untuk penerima pencen
- Pengalaman pelanggan
- Tawaran nilai tambah seperti pendidikan mengenai perancangan persaraan dan kecelikan kewangan
- Kepercayaan dan keyakinan terhadap pengurusan dan tadbir urus dana persaraan

Kaedah libat urus:

- Laman sesawang dan media sosial
- Pusat Panggilan
- Aplikasi Mudah Alih MyPesara
- Acara sosial korporat dan program jangkauan

S4

Komuniti Pelaburan

Komuniti pelaburan merangkumi pelbagai entiti yang terlibat dalam pasaran kewangan dan aktiviti-aktiviti pelaburan yang berkaitan dengan Kumpulan Wang seperti pengurus dana luar, syarikat-syarikat penerima pelaburan, Bursa Saham dan pelabur institusi.

Aspek penekanan/kepentingan:

- Kepercayaan, strategi dan prestasi pelaburan
- Tadbir urus korporat dan sesi libat urus
- Dasar-dasar pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab

Kaedah libat urus:

- Mesyuarat
- Dialog dan persidangan
- Kumpulan kerja
- Persidangan ESG

S5

Komuniti Setempat

Komuniti setempat yang berpotensi untuk menerima kesan daripada aktiviti-aktiviti pelaburan Kumpulan Wang dan inisiatif-inisiatif tanggungjawab sosial korporat, serta mungkin memberi input mengenai isu-isu yang berkaitan dengan komuniti.

Aspek penekanan/kepentingan:

- Pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab
- Impak sosial dan kebajikan rakyat
- Ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dana
- Prestasi kewangan dan kestabilan Kumpulan Wang

Kaedah libat urus:

- Laporan yang diterbitkan
- Laman sesawang dan media sosial

S6

Kakitangan

Aset-aset penting yang amat diperlukan dalam melaksanakan strategi-strategi Kumpulan Wang serta mencapai visi dan mandatnya.

Aspek penekanan/kepentingan:

- Persekitaran tempat kerja, budaya, susunan dan keseimbangan antara kerja dan kehidupan
- Nilai-nilai, tadbir urus dan integriti korporat
- Pampasan, manfaat, pembangunan kerjaya dan kemajuan
- Pengiktiran dan penghargaan
- Kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman

Kaedah libat urus:

- Program libat urus kakitangan
- Aktiviti korporat dan latihan
- Mesyuarat town hall suku tahunan

PERSEKITARAN OPERASI KAMI

HAL-HAL MATERIAL

Penilaian material merupakan komponen penting dalam strategi korporat kami di KWAP, yang berfungsi sebagai panduan untuk membantu kami mengemudi persekitaran kemampaman yang rumit dengan mengenal pasti isu-isu signifikan yang mempengaruhi organisasi dan pihak berkepentingan kami.

Strategi ini menjadi panduan dalam membuat keputusan yang membentuk objektif-objektif kami dan memastikan bahawa tindakan ini mencipta impak yang bermakna. Hasilnya, kami mengenal pasti hal-hal material yang berikut, yang merupakan impak utama KWAP ke atas ekonomi, alam sekitar dan masyarakat sepanjang tahun ini.

Ahli Lembaga dan Barisan Pengurusan Kanan telah membincangkan perkara-perkara material ini secara berterusan dalam mesyuarat sebagai sebahagian daripada proses strategi KWAP sebelum meluluskannya daripada proses perancangan perniagaan tahunan.

PROSES PENILAIAN MATERIAL



Pengenalpastian

Mengenal pasti isu-isu yang berpotensi untuk memberi impak ke atas kemampaman prestasi kami, dan berpotensi mencipta, memelihara atau yang menjelaskan nilai pihak berkepentingan.



Keutamaan

Mengutamakan pihak-pihak yang paling penting dalam persekitaran operasi kami.



Pengesahan

Mengesahkan perkara-perkara material yang bersandarkan strategi, enam modal, risiko yang berkaitan dan pihak berkepentingan kami.

PERKARA-PERKARA MATERIAL YANG DIKENAL PASTI

Persekitaran operasi untuk KWAP dan pihak berkepentingan kami kekal tidak menentu, rumit dan tidak jelas. Krisis dunia yang berterusan disebabkan oleh ketegangan geopolitik, jangkaan polisi Rizab Persekutuan AS, pemulihan ekonomi China yang perlahaan menjelaskan pertumbuhan pasaran ekonomi baharu muncul serta pembaharuan fiskal Malaysia yang memerlukan kami memperhalusi perkara-perkara material kami sebagai salah satu daripada perancangan perniagaan. Hal ini mencerminkan isu-isu yang berkemungkinan besar boleh menjelaskan keupayaan kami dalam mencipta nilai berterusan untuk kami dan pihak berkepentingan.



Dana Persaraan yang Mampan

Mengurus dana untuk mencapai pulangan optimum yang mampan, yang berlandaskan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 serta dasar-dasar, rangka kerja dan/atau garis-garis panduan yang berkaitan.

Modal Berkaitan



Pihak Berkepentingan



MODAL



Modal Kewangan



Modal Intelek



Modal Pembuatan



Modal Insan



Modal Sosial dan Perhubungan



Modal Semula Jadi



Pengalaman Pelanggan

Komitmen untuk menyediakan pengalaman pelanggan yang terbaik dan memastikan kecemerlangan perkhidmatan untuk pelanggan kami.

Modal Berkaitan

IC MC SRC

Pihak Berkepentingan

S1 S2 S3



Tadbir Urus Korporat

Menggalakkan pendekatan yang lebih telus, bersepdua dan cekap dalam menguruskan tadbir urus korporat dengan sokongan yang berkesan termasuk tadbir urus pelaburan.

Modal Berkaitan

Semua modal

Pihak Berkepentingan

Semua pihak berkepentingan



Model Operasi Sedia Masa Hadapan

Bertindak sebagai pemangkin utama dan penggerak dalam merealisasikan Fasa 3 (2020 - 2025) di bawah pelan transformasi KWAP. Model operasi KWAP yang dipertingkatkan ini dibangunkan secara dalaman bagi mempersiapkan KWAP agar menjadi organisasi yang bersedia untuk masa hadapan, yang seajar dengan perkembangan dalam ekosistem persaraan. Model ini dibangunkan dengan matlamat untuk mempertingkatkan lima penggerak iaitu Struktur, Tadbir Urus, Warga Kerja, Proses dan Digital.

Modal Berkaitan

IC MC HC

Pihak Berkepentingan

S1 S2 S3



Ikrar Kemampahan

Komitmen dalam menyampaikan lima Ikrar Kemampahan KWAP yang menekankan pada pelaburan yang bertanggungjawab.

Modal Berkaitan

FC HC SRC NC

Pihak Berkepentingan

S1 S3 S4 S5

PIAH BERKEPENTINGAN

S1 Kerajaan Malaysia

S2 Pencarum

S3 Komuniti Pesara

S4 Komuniti Pelaburan

S5 Komuniti Setempat

S6 Kakitangan

PERSEKITARAN OPERASI KAMI (SAMBUNGAN)



Kewujudan dalam Industri

Pengiktirafan sebagai pemimpin pemikir yang dihormati dalam kalangan rakan industri bagi menyokong pembinaan negara yang mampan dalam pembangunan sosioekonomi, khususnya persaraan mampan dan agenda pelaburan.

Modal Berkaitan

IC **HC** **SRC**

Pihak Berkepentingan

S1 **S2** **S4**



Pembangunan dan Kesejahteraan Modal Insan

Komitmen yang berterusan dalam menyokong pembinaan negara melalui pembangunan modal insan untuk masyarakat seperti pesara dan golongan muda warganegara Malaysia.

Menyediakan kakitangan kami dengan kemahiran yang sesuai untuk menjadi organisasi yang sedia masa hadapan, serta menarik dan mengekalkan bakat yang terbaik.

Komitmen dalam penglibatan yang berterusan dan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) serta menyediakan keseimbangan antara kerja dan kehidupan yang sihat serta sokongan kepada kakitangan.

Modal Berkaitan

HC **SRC**

Pihak Berkepentingan

S1 **S3** **S4** **S5** **S6**



Anti Rasuah dan Sogokan

Komitmen dan manifestasi mengenai pendirian anti rasuah dan sogokan.

Modal Berkaitan

FC **HC**

Pihak Berkepentingan

S1 **S5** **S6**



Keselamatan Siber dan Privasi Data

Komitmen dalam memerangi sebarang penyelewengan keselamatan siber daripada ancaman luaran.

Modal Berkaitan

MC

Pihak Berkepentingan

S1 **S2** **S3**

RISIKO-RISIKO UTAMA

Kewujudan pelbagai risiko berpotensi untuk memberi impak kepada ekonomi global dan pasaran kewangan pada tahun 2024 dan tahun-tahun berikutnya. Namun, untuk meramalkan impak dan trajektori risiko bagi tahun tertentu adalah satu tugas yang mencabar dan rumit. Walaupun ianya tugas yang kompleks dengan mengambil kira persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah dan ketidakpastian pandangan geopolitik terhadap ekonomi global, kami telah mengenal pasti 10 risiko utama dan tindak balas strategik kami seperti berikut:

R1

Risiko Makroekonomi dan Geopolitik

Sikap berwaspada mengenai risiko-risiko baharu muncul dalam pasaran domestik dan antarabangsa adalah penting kerana risiko-risiko ini boleh memberi impak yang signifikan ke atas aktiviti-aktiviti pelaburan kami. Persekitaran ekonomi dunia kini masih tidak menentu disebabkan oleh impak daripada pandemik COVID-19, kemungkinan kemunculan varian baharu, gangguan rantai bekalan, tekanan inflasi serta ketidaktentuan dasar monetari. Ketegangan geopolitik, konflik serantau dan peningkatan bencana alam yang berkaitan iklim memburukkan lagi keadaan, dan menggariskan keperluan untuk strategi-strategi pengurusan risiko yang komprehensif.

Kategori Risiko: Risiko Baharu Muncul

Tindak balas kami:

- Melaksanakan penilaian dalaman secara berkala/berjadual untuk risiko daripada faktor-faktor ekonomi dan potensi impak ke atas pelaburan.
- Menjalankan libat urus secara berkala dengan pengurus dana luar dan Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan untuk terus mengikuti unjuran ekonomi dan prospek industri.
- Mempertingkatkan proses-proses pelaburan kami secara berterusan, termasuk integrasi ESG dalam semua aktiviti pelaburan.
- Mewujudkan petunjuk/pencetus ekonomi utama bagi memantau tanda-tanda awal ketidaktentuan ekonomi.

R2

Risiko Pelaburan

Risiko pelaburan seperti risiko pasaran, risiko kredit dan risiko pasaran swasta merujuk kepada potensi kerugian kewangan atau prestasi tidak memuaskan yang berkaitan dengan melabur dalam aset tertentu atau strategi pelaburan. Ia merangkumi pelbagai faktor, termasuk turun naik pasaran, keadaan ekonomi, perubahan pada kawal selia dan risiko khusus syarikat. Bagi entiti seperti KWAP, iaitu sebuah dana pencerun untuk penjawat awam, risiko pelaburan boleh memberi impak ketara pada keupayaan untuk menuaikan obligasi kewangan jangka panjang dan menyediakan pulangan yang stabil untuk pesara, yang berpotensi untuk menjelaskan kemampunan dana dan keselamatan persaraan penjawat awam.

Kategori Risiko: Risiko Tradisional

Tindak balas kami:

- Mewujudkan alokasi aset yang strategik, yang seajar dengan penyata kebolehterimaan risiko kami secara keseluruhan.
- Menggunakan kepelbagaiannya sebagai strategi pengurusan risiko bagi mengurangkan risiko-risiko yang tidak sistematis khususnya untuk penumpuan geografi dan jenis aset.
- Melaksanakan proses pemilihan pengurus dana dan penilaian strategi pelaburan yang ketat.
- Melaksanakan pelbagai had risiko termasuk had nilai berisiko, had tempoh yang diubahsuai, had risiko konsentrasi, had risiko pihak rakan niaga dan had risiko penerbit untuk menguruskan portfolio pelaburan kami.
- Menggunakan derivatif bagi melindung nilai dan mengurangkan turun naik mata wang ke atas pelaburan antarabangsa kami.
- Menjalankan ujian tekanan berkala secara proaktif bagi menilai kelemahan portfolio pelaburan kami terhadap peristiwa tekanan pasaran lampau dan juga untuk senario jangkaan ramalan peristiwa.
- Mewujudkan proses analisis kredit yang menyeluruh, yang merangkumi pemantauan penarafan kredit, penilaian kredit dan semakan kredit.

RISIKO-RISIKO UTAMA (SAMBUNGAN)

R3

Risiko Operasi

Risiko operasi adalah risiko kehilangan yang berpunca daripada proses dalaman yang tidak mencukupi atau gagal. Ini berpunca daripada kegagalan manusia, sistem atau kejadian luar jangkaan yang memberi kesan kepada perkara-perkara di atas. Ia merangkumi pelbagai risiko yang berkaitan dengan operasi harian sebuah organisasi termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, kerosakan fizikal, gangguan perniagaan, kegagalan transaksi, pelanggaran undang-undang dan peraturan, serta kesihatan dan keselamatan pekerja. Ia juga boleh memberi kesan kepada risiko lain seperti risiko reputasi untuk KWAP.

Kategori Risiko: Risiko Tradisional

Tindak balas kami:

- Melaksanakan persekitaran kawalan dalaman yang kukuh dan teguh dalam organisasi.
- Membangunkan budaya *tone-from-the-top* yang memberi keutamaan kepada pematuhan terhadap peraturan dan tingkah laku etika.
- Mengukuhkan tadbir urus dalam operasi melalui polisi-polisi dalaman, garis panduan dan prosedur operasi standard.
- Menggunakan Insiden Risiko Operasi (ORE) untuk bertindak balas secara berkesan dan menguruskan kerugian operasi yang timbul daripada peristiwa risiko sebenar ataupun yang berpotensi.
- Melaksanakan Program Pengurusan Risiko Penipuan (FRMP) yang kukuh untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko penipuan, termasuk rasuah, dengan optimum bagi memastikan langkah-langkah pencegahan dan pengesanan yang mencukupi serta melindungi aset, reputasi KWAP dan kepercayaan daripada pihak berkepentingan.

R4

Risiko Kesinambungan Perniagaan

Risiko kesinambungan perniagaan merupakan risiko insiden yang tidak dijangka dan potensi ancaman yang boleh memberi kesan buruk kepada KWAP untuk meneruskan operasi perniagaan yang penting serta menyampaikan produk dan perkhidmatannya bagi memenuhi keperluan dan harapan pihak berkepentingan. Ancaman itu termasuk kegagalan dalam sistem dalaman atau kesilapan manusia, serangan siber, wabak atau bencana alam, yang boleh menyebabkan kerugian kepada kewangan, reputasi yang terjejas, ketidakpatuhan undang-undang dan kekurangan keyakinan daripada pihak berkepentingan.

Kategori Risiko: Risiko Tradisional

Tindak balas kami:

- Melaksanakan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) untuk memastikan kesinambungan dan pemulihan proses perniagaan yang penting pada tempoh yang ditetapkan.
- Reka dan ujian Pelan BCM yang komprehensif merangkumi:
 - i. Melaksanakan latihan BCM yang dirancang dan secara mengejut, yang melibatkan sistem kritikal dan perniagaan berfungsi dalam persekitaran secara langsung dan tidak langsung.
 - ii. Mengadakan latihan *Call Tree* untuk menguji dan mempertingkatkan protokol komunikasi serta prosedur tindak balas semasa simulasi senario kecemasan.
 - iii. Menggerakkan kakitangan KWAP ke tapak alternatif untuk melaksanakan pemulihan sistem dan fungsi perniagaan kritikal.
- Menjalankan semakan tahunan perniagaan Penilaian Risiko (RA) perniagaan dan Analisis Impak Perniagaan (BIA) jabatan.

R5

Risiko Kemampunan

Risiko kemampunan merujuk kepada potensiancaman atau kesan buruk terhadap alam sekitar, sosial atau tadbir urus (ESG), yang boleh menjelaskan kemampunan dalam jangka panjang dan daya tahan operasi sesebuah organisasi, prestasi kewangan dan reputasi. Kesan daripada risiko kemampunan adalah penting bagi KWAP kerana risiko tersebut boleh mempengaruhi pulangan pelaburan, menyebabkan aset terkandas, gangguan operasi serta meningkatkan risiko peraturan dan undang-undang. Dengan mengenal pasti risiko kemampunan ini, KWAP dapat melindungi pelaburannya, mematuhi peraturan yang berubah-ubah dan menyumbang kepada ekonomi yang lebih mampan.

Kategori Risiko: Risiko Baharu Muncul

R6

Risiko Iklim

Risiko iklim merupakan potensi kesan buruk yang disebabkan oleh perubahan iklim dan faktor alam sekitar yang berkaitan terhadap perniagaan, ekonomi dan masyarakat. Risiko-risiko ini timbul daripada kesan fizikal perubahan iklim seperti peristiwa cuaca melampau, peningkatan suhu, peningkatan paras laut dan perubahan corak mendakan, serta risiko peralihan yang berkaitan dengan ekonomi rendah karbon dan pelaksanaan dasar-dasar serta peraturan berkaitan iklim. Impak jangka pendek terhadap KWAP adalah termasuk gangguan operasi dan ketidakstabilan pasaran, manakala impak jangka panjangnya adalah perubahan strategik dalam model perniagaan dan penurunan nilai aset kerana tidak mengendalikan risiko iklim.

Kategori Risiko: Risiko Baharu Muncul

Tindak balas kami:

- Mewujudkan Rangka Kerja Risiko Kemampunan dan Dasar Risiko Kemampunan sebagai dokumen-dokumen yang bertindak sebagai garis panduan untuk Pelan Hala Tuju Kemampunan KWAP.
- Mentakrif Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi menjelak prestasi dan matlamat kemampunan KWAP.
- Membangunkan strategi-strategi kemampunan bagi mencapai objektif-objektif dan sasaran-sasaran kemampunan.
- Menubuhkan Kumpulan Kerja Kemampunan (SWG) yang terdiri daripada wakil-wakil jabatan, yang bermesyuarat secara bulanan untuk menyelia pelaksanaan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Kemampunan KWAP, dan menghasilkan penjajaran strategik dalam memastikan matlamat jangka panjang tercapai.

Tindak balas kami:

- Menerapkan prinsip-prinsip ESG dalam falsafah pelaburan kami serta memantau impak risiko iklim secara proaktif ke atas portfolio kami yang sedia ada.
- Memulakan usaha penyahkarbonan untuk portfolio pelaburan serta perniagaan kami.
- Memperuntukkan bahagian yang lebih besar untuk pelaburan berimpak dan pelaburan dalam aset peralihan.

RISIKO-RISIKO UTAMA (SAMBUNGAN)

R7

Risiko Keselamatan Siber

Risiko Keselamatan Siber merujuk kepada ancaman atau kerentenan yang berpotensi untuk menggugat kerahsiaan, integriti dan ketersediaan aset digital, sistem maklumat dan data organisasi. Kebergantungan yang semakin meningkat pada teknologi dan infrastruktur digital dalam dunia yang serba digital telah meningkatkan risiko serangan siber. Dengan teknologi yang terus berkembang, risiko yang berkaitan dengan keselamatan siber berkemungkinan akan meningkat, yang menyebabkan peningkatan dalam kerugian akibat pencurian siber atau kegiatan keganasan siber termasuk kehilangan produktiviti disebabkan jenayah siber yang semakin berleluasa. Selain itu, penggunaan kecerdasan buatan (AI) dijangka akan digunakan secara meluas oleh penjenayah siber dan juga anggota keselamatan siber, yang mempercepatkan perubahan dalam sektor ini.

Kategori Risiko: Risiko Baharu Muncul

Tindak balas kami:

- Melaksanakan Rangka Kerja Keselamatan Siber dan Program yang kukuh dan untuk mengurus risiko serangan siber secara berkesan dan mengukuhkan pemantauan kawalan keselamatan.
- Mewujudkan Pelan Tindak Balas Berkaitan Insiden Keselamatan Siber dan menjalankan simulasi Insiden Keselamatan Siber untuk serangan *ransomware* bagi menguji kesediaan KWAP dalam bertindak balas terhadap ancaman keselamatan siber.
- Mengadakan program mengenai kesedaran keselamatan secara berkala untuk kakitangan seperti modul Latihan Kesedaran Keselamatan (SAT) dan latihan simulasi pancingan.
- Penggunaan alat pengesahan dan rangkaian tindak balas untuk bertindak balas terhadap serangan siber.
- Melaksanakan kaedah *Local Administrator Password Solution* (LAPS) untuk menyekat pendedahan kepada ancaman keselamatan siber.

R8

Risiko Pematuhan

Risiko sekatan perundangan atau kawal selia, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi sesebuah organisasi akibat kegagalan dalam mematuhi semua undang-undang, kawal selia, kod tatalaku, dan piawaian atau amalan baik yang ditetapkan.

Kategori Risiko: Risiko Tradisional

Tindak balas kami:

- Membangunkan Rangka Kerja Pematuhan yang membentuk blok binaan fungsi pematuhan kami.
- Proses pematuhan yang ketat, yang merangkumi proses Pengenalpastian, Penilaian, Pengakusaksian, Pemantauan dan Pelaporan serta Pengesahan.
- Pendirian tanpa kompromi terhadap pematuhan yang dimulakan oleh pihak atasan, dan diperluaskan kepada semua pengurus dana luar kami.
- Melaksanakan kawalan pematuhan seperti Dasar Tembok Penghalang, Senarai Semak Pematuhan Kendiri Automatik, Latihan Semakan Pematuhan, Lawatan Risiko dan Pematuhan ke EFM, dan Saringan Kenali Rakan Niaga Anda (KYC).

R9

Risiko Bereputasi

Risiko bereputasi merujuk kepada potensi untuk merosakkan reputasi individu atau organisasi, kredibiliti yang disebabkan oleh tindakan, insiden ataupun tanggapan. Risiko ini boleh timbul daripada pelbagai faktor seperti pelanggaran etika, pengalaman pelanggan yang tidak memuaskan, skandal atau publisiti negatif. Risiko bereputasi adalah penting kerana reputasi yang tercemar boleh menyebabkan hilang kepercayaan, peluang perniagaan, jenama dan nilai sesebuah organisasi yang terjejas dalam jangka panjang.

Kategori Risiko: Risiko Tradisional

Tindak balas kami:

- Mengelakkan komunikasi yang proaktif bersama pihak berkepentingan, termasuk pelanggan, kakitangan dan pengawal selia dengan menyediakan pelaporan secara kerap.
- Terlibat dalam aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat yang menunjukkan komitmen KWAP terhadap amalan etika, kemampunan dan impak sosial yang positif.
- Mengadakan program yang berkaitan dengan budaya untuk memupuk budaya korporat yang peka terhadap amalan dan tingkah laku yang beretika bagi memastikan kakitangan memahami peranan mereka dalam menjaga reputasi KWAP.

R10

Risiko Modal Insan

Risiko modal insan merujuk kepada potensi untuk memberi hasil negatif atau kerugian yang terhasil daripada tindakan, tingkah laku atau prestasi individu dalam sesebuah organisasi. Ini merangkumi pelbagai faktor yang luas termasuk isu-isu kadar pemberhentian kakitangan, kekurangan bakat, latihan yang tidak mencukupi, salah laku dan budaya kerja. Pengurusan risiko modal insan melibatkan strategi-strategi seperti amalan pengambilan kakitangan yang berkesan, latihan dan program pembangunan, mewujudkan persekitaran kerja yang positif dan melaksanakan sistem pengurusan prestasi yang kukuh untuk mengurangkan potensi kesan negatif terhadap kejayaan organisasi.

Kategori Risiko: Risiko Tradisional

Tindak balas kami:

- Melaksanakan pemeriksaan latar belakang secara menyeluruh dan proses tapisan dalam pengambilan bagi memastikan kakitangan baharu adalah selari dengan nilai KWAP.
- Menyediakan program latihan secara kerap untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan dalam melaksanakan tugas mereka dengan baik.
- Membangunkan pelan pengantian yang komprehensif bagi peralihan peranan penting yang efektif dan membangunkan bakat-bakat yang berpotensi untuk mengambil alih kedudukan kritikal apabila diperlukan.
- Meningkatkan budaya korporat KWAP yang berdasarkan matlamat, kepercayaan dan setiaawan.




04

MEMPERKAYAKAN IMPAK KEMAMPANAN



STRATEGI KEMAMPANAN KAMI

Di KWAP, peranan kami sebagai pelabur institusi yang bertanggungjawab bukan sahaja melangkaui prestasi kewangan. Bagi memenuhi peranan ini, kami menerapkan prinsip-prinsip kemampunan dalam setiap aspek organisasi yang berpandukan Rangka Kerja Kemampunan kami. Rangka kerja ini menggariskan komitmen kami terhadap amalan-amalan dan prinsip-prinsip kemampunan yang mencipta nilai jangka panjang untuk pihak berkepentingan.



¹ Berdasarkan sasaran Saiz Dana Terlaras Terkumpul tahun 2025 yang berjumlah RM200 bilion, anggaran pelaburan dalam aset peralihan berjumlah RM20 bilion.

STRATEGI KEMAMPANAN KAMI (SAMBUNGAN)



Mengintegrasikan Prestasi dalam UNSDG

Walaupun semua 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah sama penting, kami mengutamakan enam daripadanya secara strategik, yang berpotensi untuk menghasilkan impak besar menerusi strategi-strategi pelaburan dan perkhidmatan pencen kami.



SDG yang diutamakan ini diselaraskan dengan lima ikrar kemampunan kami yang mendukung komitmen KWAP terhadap pelaburan bertanggungjawab.

MEMANFAATKAN KESEJAHTERAAN MENERUSI KEMAMPANAN

KWAP menyepakatkan prinsip-prinsip kemampunan dalam operasi-operasi perniagaan kami, termasuk pertimbangan ESG dalam pertimbangan pelaburan, protokol operasi dan kewajipan korporat. Komitmen ini turut merangkumi penyelarasan peranan-peranan dan tanggungjawab bersama objektif-objektif kemampunan serta mengoptimumkan portfolio pelaburan bagi meningkatkan daya tahan.

Berpandukan pada lima ikrar kemampunan secara menyeluruh, strategi ini menggariskan pelan kemampunan kami untuk tahun-tahun akan datang. Kami bertekad untuk menyelaraskan pelaburan dan amalan-amalan operasi dengan matlamat-matlamat kemampunan global. Dengan menyelaraskan ikrar kemampunan, kami berhasrat untuk mencipta nilai yang berpanjangan bagi pihak berkepentingan kami serta menyumbang kepada dunia yang lebih lestari. Pelan ini bukan sahaja satu inisiatif yang strategik, malah ia merupakan bukti kepada nilai-nilai dan visi kami untuk masa hadapan yang lebih baik.

Dengan komitmen terhadap masa hadapan yang mampan, lima ikrar ini menggariskan pendekatan kemampunan yang holistik dan bertanggungjawab, yang merangkumi bukan sahaja isu-isu alam sekitar tetapi juga sosial dan tadbir urus. Ini meletakkan KWAP sebagai Pemimpin Pemikiran dalam amalan-amalan kemampunan.

IKRAR 1

MENYOKONG AGENDA SOSIAL



- Kepelbagaian, Keadilan dan Keterangkuman (Diversity, Equity and Inclusion) (DEI):**
Membangunkan polisi dan strategi DEI yang komprehensif bagi memastikan toleransi sifar terhadap diskriminasi di tempat kerja dan komuniti.
- Pembangunan Modal Insan:**
Pelaburan dalam program-program pembangunan kepimpinan dan pengutamaan kesejahteraan kakitangan menerusi peningkatan sesi libat urus dalam kalangan kakitangan.
- Pemerkasaan Komuniti:**
Penglibatan aktif pihak berkepentingan untuk maklum balas dan pelarasaran strategi dalam usaha menyokong pembinaan kapasiti masyarakat agar menjadi lebih berdikari dan berdaya tahan. Ini tercapai melalui kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi-agensi kerajaan dan organisasi masyarakat.

- Kesaksamaan Jantina di Tempat Kerja**
 - Dasar toleransi sifar terhadap diskriminasi di tempat kerja dan dalam komuniti.
 - 52% daripada tenaga kerja kami adalah wanita.
- Latihan yang diwajibkan untuk semua kakitangan KWAP**
 - 10.8 jam latihan yang berkaitan dengan kemampunan untuk Pengurusan Kanan dan kakitangan yang berkenaan pada tahun 2023.
- Dasar imbuhan kos sara hidup**
 - Dasar Imbuhan KWAP melangkaui gaji minimum negara yang bertujuan untuk menyediakan kos sara hidup yang saksama kepada kakitangan.

IKRAR 2**MEMPERKASA KERJASAMA UNTUK TINDAKAN KOLEKTIF****1. Kerjasama Strategik dan Sesi Penglibatan:**

Memupuk hubungan kerjasama yang kukuh dengan pengawal selia, badan tadbir urus korporat, pelabur-pelabur institusi lain dan pihak berkepentingan yang berkaitan.

2. Pemilikan Aktif dan Pengawasan:

Meningkatkan keberkesanan pengawasan yang melangkaui pengawasan pelaburan dan meningkatkan tumpuan pada hasil yang boleh diukur dalam penyelesaian mampan yang pragmatik.

3. Rantaian Bekalan Kemampanan:

Menggalakkan pembangunan ekosistem pengurusan rantaian bekalan yang mampan melalui advokasi terhadap ekonomi kitaran.

I. Inisiatif-inisiatif pemerkasaan masyarakat melibatkan lebih 5,700 peserta termasuk para pesara.

II. Kemampanan Rantaian Bekalan

- Pada tahun 2023, 91% daripada pembekal kami ialah pembekal tempatan dan lebih RM80.41 juta telah dibelanjakan untuk produk-produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh pembekal-pembekal ini.

IKRAR 3**PORTFOLIO SIFAR BERSIH MENJELANG TAHUN 2050****1. Prestasi yang Mampan:**

Melaksanakan strategi pelaburan yang bertanggungjawab termasuk saringan, analisis, usaha wajar dan pemantauan.

2. Penyahkarbonan:

Langkah-langkah bagi mengurangkan jejak karbon portfolio pelaburan dan memastikan syarikat-syarikat penerima pelaburan selaras dengan sasaran sifar bersih KWAP.

3. Kepimpinan:

Penglibatan kerap dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan bagi menambah baik amalan-amalan ESG, melaksanakan hak mengundi dan mengetengahkan perkara-perkara berkaitan ESG yang memerlukan perhatian dengan berkesan.

I. Portfolio Penyahkarbonan

- Memulakan inisiatif pengukuran pelepasan yang dibiayai dan menetapkan tahun 2022 sebagai titik permulaan pelepasan kami.

II. Menjalin Kerjasama, Menyokong Perubahan

- Penyertaan aktif dalam majlis berkaitan dengan tadbir urus seperti IIC dan Kumpulan Pihak Berkepentingan Tadbir Urus Korporat Utama Suruhanjaya Sekuriti.
- Menyumbang kepada kumpulan-kumpulan kerja yang berkaitan dengan kemampanan seperti Jawatankuasa Bersama untuk Perubahan Iklim (JC3) yang dipimpin oleh BNM dan SC, serta IIC/Kod Malaysia untuk Pelabur Institusi (Kod) dan Platform Pelaburan Mampan (SIP).

STRATEGI KEMAMPANAN KAMI (SAMBUNGAN)

IKRAR 4

MENINGKATKAN PELABURAN DALAM ASET PERALIHAN KEPADA RM20 BILION MENJELANG TAHUN 2030



1. Peruntukan Modal Strategik:

Memperuntukkan dana yang lebih tinggi kepada aset-aset peralihan, dengan tumpuan ke atas inisiatif-inisiatif yang menyokong peralihan ke arah ekonomi mampan dan karbon rendah serta meningkatkan daya tahan alam sekitar. Ini termasuk pelaburan dalam teknologi hijau dan industri mampan, yang sejajar dengan visi kami untuk masa hadapan yang lebih lestari.

2. Pelaburan Inovatif untuk Kemampunan:

Mengenal pasti dan melabur dalam projek-projek rintis dan syarikat-syarikat peneraju inovasi yang mampan. Ini bagi memastikan bahawa portfolio kami bukan sahaja menyokong tetapi juga mendapat manfaat daripada peralihan global ke arah kemampunan.

- Portfolio ESG kami merangkumi 7.0% daripada jumlah pelaburan KWAP.
- Lima daripada 21 harta tanah telah memperoleh pensijilan hijau dan empat harta tanah kini dalam proses mendapatkan pensijilan yang sama.
- Menerima *Building Energy Intensity (BEI)* untuk dua bangunan, yang diperakukan oleh Suruhanjaya Tenaga di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.
- Menerima Pensijilan *GreenRE Platinum Provisional* di bawah kategori perumahan pada tahun 2023 untuk The Meg dan Arica menerusi pembangunan harta tanah anak syarikat kami iaitu KWEST.
- Melancarkan Dana Perintis dengan peruntukan pelaburan sebanyak RM500 juta yang tertumpu pada sektor-sektor berikut:
 - Ekonomi Penuaan
 - Jaminan Bekalan
 - Makanan
 - Pendidikan
 - Peralihan Tenaga
 - Keterangkuman Kewangan
 - Ekonomi Digital

IKRAR 5

MENINGKATKAN TADBIR URUS KEMAMPANAN

1. Tadbir Urus, Pematuhan dan Etika:

Memastikan ahli Lembaga dan Panel Pelaburan (IP) berpengetahuan dalam tadbir urus, pematuhan dan etika.

2. Pengurusan Risiko ESG:

Penilaian dan mitigasi risiko-risiko ESG secara kerap serta mengikuti perkembangan dalam perubahan kawal selia ESG dan kehendak-kehendak pematuhan.

3. Privasi Data dan Keselamatan Siber:

Kemas kini secara kerap dan meningkatkan kesedaran mengenai ancaman keselamatan siber yang sejajar dengan kawal selia privasi data dan peraturan keselamatan siber.

- Membangunkan Rangka Kerja Tadbir Urus Kemampunan yang merangkumi penyeliaan oleh ahli Lembaga dan IP ke atas pelaksanaan pelan kemampunan KWAP, inisiatif-inisiatif yang berkaitan dengan kemampunan perniagaan, hal-hal pelaburan ESG dan rangka kerja pengurusan risiko yang berhubungan dengan kemampunan.
- Menubuhkan Kumpulan Kerja Kemampunan (SWG) yang melibatkan wakil-wakil dari pelbagai jabatan, yang bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan dengan objektif utama untuk menyelia pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam Pelan Kemampunan KWAP.
- Menubuhkan Rangka Kerja Risiko Kemampunan dan Polisi Risiko Kemampunan.
- Menerbitkan Laporan Kemampunan KWAP Tahun 2023 yang pertama.
- 2.2% purata peratusan yang terdedah kepada pancingan data berbanding purata industri sebanyak 10%.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif-inisiatif kemampunan kami, sila rujuk Laporan Kemampunan KWAP Tahun 2023 di laman sesawang korporat: www.kwap.gov.my.



05

MEMPERKAYAKAN PRESTASI DAN KOMITMEN



MODAL KEWANGAN

TINJAUAN PRESTASI KEWANGAN UNTUK 5 TAHUN

PRESTASI KEWANGAN ¹	2019	2020	2021	2022	2023
SAIZ DANA (RM bilion)	147.48	153.82	159.03	158.10	169.82
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN					
Pendapatan Pelaburan Kasar (RM bilion)	6.07	6.81	6.33	7.01	6.75
Perbelanjaan Operasi (RM juta)	302.96	277.13	329.59	336.15	364.03
Pendapatan Bersih (RM bilion)	6.67	8.87	9.99	0.26	9.65
Jumlah Pendapatan Komprehensif (RM bilion)	7.84	8.40	7.28	(0.57)	12.03
NISBAH KEWANGAN					
Kadar Pulangan Perakaunan (ARR) (%)	4.67	5.88	6.39	0.17	5.88
Perbelanjaan Operasi berbanding Pendapatan Kasar (%)	4.99	4.07	5.21	4.80	5.39
Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana (%)	0.21	0.18	0.21	0.21	0.22
PULANGAN PELABURAN					
Kadar Pulangan Berwajaran Masa Tahunan (%)	6.25	6.74	5.94	1.12	8.22
Kadar Pulangan Berwajaran Masa Tahunan untuk Purata 10 Tahun (%)	6.26	6.05	5.99	5.26	5.13
CARUMAN DAN PENGELOUARAN					
Caruman Pencen (RM bilion)	2.63	2.46	2.45	2.13	2.19
Caruman Persekutuan (RM bilion)	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan (RM bilion)	-	5.00	5.00	3.00	3.00
PENGURUSAN DANA					
Pengurusan Dalam (%)	87.50	88.27	89.39	89.79	89.55
Pengurusan Luar (%)	12.50	11.73	10.61	10.21	10.45
Bilangan Majikan yang Mencarum	478	486	485	487	489
Bilangan Kakitangan Majikan yang Mencarum	187,684	178,797	178,385	176,913	177,716
Bilangan Kakitangan KWAP	596	620	617	684	723
Pendapatan Kasar Setiap Kakitangan (RM juta)	10.18	10.98	10.26	10.25	9.34

 Pendapatan Bersih	 Perbelanjaan Operasi	 Jumlah Aset	 Saiz Dana	 Pengeluaran Terkumpul	Kadar Pulangan Perakaunan 5.88%
RM9.65 bilion (2022: RM0.26 bilion)	RM0.36 bilion (2022: RM0.34 bilion)	RM170.23 bilion (2022: RM160.61 bilion)	RM169.82 bilion (2022: RM158.10 bilion)	RM20.50 bilion (2022: RM17.50 bilion)	Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana 0.22%

¹ Nota: Angka adalah berdasarkan tahap prestasi KWAP.

ULASAN KEWANGAN

Penutup tahun kewangan 2023 merupakan lakaran kejayaan untuk KWAP, walaupun berlatarkan persekitaran ekonomi global yang mencabar disebabkan oleh ketegangan geopolitik yang semakin meruncing dan pemulihian yang perlahan. Di sebalik ketidaktentuan ini, KWAP berjaya mencapai keputusan kewangan yang membanggakan dalam semua kelas aset dan pasaran utama kami.

Setakat 31 Disember 2023, saiz dana KWAP telah berkembang kepada RM169.82 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 7.4% berbanding RM158.10 bilion pada 31 Disember 2022, yang dipacu oleh prestasi kukuh sepanjang tahun.


Pendapatan Bersih mencatat jumlah RM9.65 bilion berbanding RM0.26 bilion pada tahun lalu, di mana Jumlah Pendapatan Komprehensif melonjak kepada RM12.03 bilion berbanding Jumlah Kerugian Komprehensif sebanyak RM0.57 bilion pada tahun kewangan 2022. Peningkatan ini terhasil khususnya daripada prestasi kukuh portfolio ekuiti dan pendapatan tetap iaitu keuntungan tidak nyata bersih yang lebih tinggi untuk aset kewangan yang diklasifikasi sebagai Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi (FVTPL) dan Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI).

Prestasi portfolio FVTPL yang berdaya tahan mencatatkan keuntungan tidak nyata sebanyak RM3.06 bilion khususnya daripada pasaran antarabangsa sejajar dengan S&P500 yang memberi pulangan dua angka, peningkatan sebanyak 24.2% tahun ke tahun. Portfolio FVOCI pula mencatatkan keuntungan tidak nyata sebanyak RM1.06 bilion daripada pasaran bon domestik.


Prestasi kukuh ini menghasilkan Kadar Pulangan Perakaunan (ARR) sebanyak 5.88%, iaitu peningkatan yang ketara daripada 0.17% yang direkodkan pada tahun kewangan 2022.

Dalam memenuhi tugas kami membantu Kerajaan Persekutuan membiayai tanggungan pencen seperti yang termaktub dalam Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), RM3 bilion telah dikeluarkan daripada Dana oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun ini dan baki dana yang sedia ada dilaburkan semula untuk penambahan nilai masa hadapan.

Kadar Pulangan Perakaunan (ARR) (%)



Pendapatan Bersih (RM bilion)



Pendapatan Pelaburan Kasar

KWAP mencatat Pendapatan Pelaburan Kasar (GII) sebanyak RM6.75 bilion, iaitu 3.7% lebih rendah berbanding RM7.01 bilion pada tahun 2022, disebabkan oleh keuntungan pelupusan pelaburan yang rendah dari portfolio Ekuiti Antarabangsa.

Sebanyak 48% daripada GII disumbangkan oleh portfolio ekuiti, 40% daripada portfolio pendapatan tetap, dan baki 12% daripada portfolio ekuiti persendirian dan hartanah.


Sebanyak 77% daripada GII disumbangkan oleh pelaburan dalam pasaran domestik manakala baki 23% daripada pelaburan antarabangsa.

MODAL KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Perbelanjaan Operasi

Perbelanjaan Operasi (OPEX) meningkat sebanyak 8.3% kepada RM0.36 bilion (2022: RM0.34 bilion) dengan penggunaan bajet sebanyak 82.3% daripada RM0.44 bilion belanjawan yang diluluskan untuk tahun kewangan ini. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan Perkhidmatan Profesional dan Fi serta Kos Kakitangan sejajar dengan komitmen berterusan kami terhadap peningkatan modal intelek, modal pembuatan dan modal insan.

Perbelanjaan Operasi (RM juta)



Kos Kakitangan

Kos Kakitangan KWAP meningkat ke RM153.18 juta, iaitu 6.6% lebih tinggi berbanding RM143.65 juta pada tahun 2022. Kenaikan Kos Kakitangan ini adalah disebabkan oleh peningkatan bilangan kakitangan kepada 723 berbanding 684 kakitangan pada tahun 2022.

Pada tahun 2023, KWAP meneruskan penyertaannya dalam *Malaysian Short-Term Employment Programme* (MySTEP), yang merupakan satu program yang bermatlamat untuk menyediakan pekerjaan bagi graduan Malaysia. Sebanyak RM7.98 juta telah dibelanjakan sebagai kos kakitangan bagi program ini.

Bagi perbelanjaan berkaitan kakitangan, sebanyak RM10.30 juta (2022: RM9.00 juta) telah dibelanjakan untuk kos perubatan dan pergigian, manakala sebanyak RM3.30 juta (2022: RM3.20 juta) pula telah diperuntukkan untuk latihan dan pembangunan.


Perkhidmatan Profesional dan Fi

Perkhidmatan Profesional dan Fi berjumlah RM108.82 juta, peningkatan sebanyak 22.9% berbanding RM88.53 juta pada tahun 2022. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh langganan data yang lebih tinggi, peningkatan yuran prestasi untuk pengurus dana ekuiti luar dan perbelanjaan program libat-urus untuk program, Karnival MyPesara dan Jelajah MyPesara.

Kecekapan Pengurusan Dana

Dalam segi kecekapan pengurusan dana, perbelanjaan operasi KWAP berbanding purata dana KWAP berada pada 22 mata asas, berbanding 21 mata asas pada tahun 2022.

Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana



Pendapatan Bersih

Pendapatan Bersih KWAP sebanyak RM9.65 bilion, adalah merupakan hasil peningkatan yang ketara dari Keuntungan Tidak Nyata bersih daripada Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi sebanyak RM3.54 bilion, berbanding Kerugian Tidak Nyata bersih sebanyak RM5.5 bilion pada tahun kewangan 2022. Pada tahun 2023, Indeks Dunia MSCI (Indeks MXWD) mencatat pulangan sebanyak 20.1%, manakala S&P 500 dan MSCI Asia Pacific masing-masing mencatat pulangan sebanyak 24.2% dan 8.8%. Di Malaysia, pasaran FBMKLCI pada tahun ini yang dibuka dengan 1,495 mata mencatat pulangan sebanyak -2.7% dan ditutup pada 1,455 mata. Pulangan keseluruhan pasaran ini adalah keuntungan tidak nyata bersih daripada portfolio ekuiti antarabangsa dan domestik sebanyak RM3.07 bilion dan RM0.09 bilion. Portfolio ekuiti persendirian kami juga menghasilkan keuntungan tidak nyata sebanyak RM0.38 bilion.

Saiz Dana

Saiz Dana KWAP terdiri daripada peruntukan dana berkanun daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM28.50 bilion, caruman pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun sebanyak RM64.07 bilion dan rizab terkumpul berjumlah RM97.75 bilion.

Sebahagian daripada caruman dan rizab terkumpul ini diimbangi oleh pengeluaran terkumpul daripada Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM20.50 bilion.

KWAP mengakhiri tahun kewangan 2023 dengan Saiz Dana berjumlah RM169.82 bilion, peningkatan sebanyak 7.4% daripada RM158.10 bilion pada tahun kewangan 2022.

Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM5.32 bilion berbanding RM12.26 bilion pada tahun lepas di mana RM2.80 bilion adalah merupakan deposit jangka pendek dan simpanan dalam Institusi Kewangan Berlesen.

ULASAN PELABURAN



Ulasan Ekonomi

Beberapa peristiwa penting telah melakar persekitaran makro pada tahun 2023. Daripada peningkatan inflasi kepada krisis perbankan serantau AS, dinamik makro dalam bentuk prospek pertumbuhan dan kadar faedah yang berperanan penting dalam membentuk pasaran kewangan. Ekonomi global menghadapi pelbagai cabaran seperti ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, peningkatan inflasi dan kenaikan kadar faedah.

Di sebalik kebimbangan mengenai inflasi yang berterusan, trend disinflasi global semakin mendalam dan berkembang sepanjang tahun. Menariknya, fasa disinflasi ini tidak menjelaskan pasaran buruh, yang menandakan kekuatan sektor pekerjaan dalam kebanyakan ekonomi-ekonomi maju.


Dalam negara, KDNK mengembang sebanyak 3.6% pada tahun 2023, menyederhana daripada asas tinggi sebanyak 8.7% pada tahun 2022 disebabkan terutamanya oleh halangan sektor luar daripada masalah perdagangan global dan dasar monetari global yang lebih ketat. Namun begitu, daya tahan permintaan dalam negeri terus memberi sokongan teguh berikut daripada kemajuan dalam projek-projek pelaburan, pemulihan dalam pasaran buruh, pelan hala tuju pemangkin negara dan inisiatif-inisiatif yang berimpak tinggi.

Sementara itu, inflasi utama menyusut kepada 2.5% pada tahun 2023 berbanding 3.3% pada tahun 2022, yang disebabkan oleh harga makanan dan komoditi yang lebih rendah semasa inflasi teras kekal malar pada 3.0% (2022: 3.0%) yang mencerminkan kecenderungan permintaan asas yang stabil. Sehubungan itu, Bank Negara Malaysia (BNM) terus menormalkan tahap monetari, dengan menaikkan Kadar Dasar Semalam (OPR) sebanyak 25 mata asas pada Mei 2023 kepada 3.00% sebelum berhenti seketika sepanjang tahun, sambil mengekalkan dasar yang menyokong tinjauan ekonomi secara keseluruhan.


Walaupun dipenuhi oleh ketidaktentuan dan turun naik global pada tahun 2023, kami tetap teguh dengan komitmen untuk memberi pulangan pelaburan yang terbaik melalui strategi pelaburan kami. Strategi ini telah membawa hasil apabila jumlah dana KWAP mencatat kadar pulangan berwajaran masa (TWRR) tahunan sebanyak 8.2% pada tahun 2023, berbanding 1.1% pada tahun 2022. Sebagai pelabur jangka panjang, prestasi ini menyumbang kepada ukuran metrik purata 10 tahun kami yang mencatat pulangan 5.1% pada akhir tahun 2023, yang mengatasi penanda aras sebanyak 313 mata asas untuk tempoh yang sama.

MODAL KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) Tahunan (%)



Alokasi Aset (AA)



Bersempena pengumuman pelbagai inisiatif rangka kerja Ekonomi MADANI, termasuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, KWAP secara strategik melabur dalam pelbagai gabungan aset bagi memupuk pertumbuhan saiz dana. Setakat 31 Disember 2023, Alokasi Aset KWAP menggariskan pengagihan berkesan merangkumi 48% ekuiti awam, 36% pendapatan tetap, 5% harta tanah, 5% ekuiti persendirian, 2% infrastruktur, dan baki 4% dalam pasaran wang. Selaras dengan rangka kerja Ekonomi MADANI Kerajaan untuk merangsang pelaburan domestik, 76% daripada portfolio KWAP tertumpu pada pasaran tempatan, manakala baki 24% portfolio KWAP tertumpu pada pelaburan antarabangsa. Strategi ini bukan sahaja menyokong pertumbuhan ekonomi negara, tetapi juga memanfaatkan pemahaman mendalam kami mengenai pasaran Malaysia.

Pada 31 Disember 2023, pendedahan KWAP dalam kelas aset ekuiti adalah RM81.38 bilion mewakili 48% daripada jumlah aset KWAP, yang mengekalkan kedudukannya sebagai kelas aset terbesar kami. Dalam peruntukan ini, aset ekuiti domestik sebanyak 70% yang membentuk majoriti daripada jumlah pelaburan ekuiti, dengan baki 30% dilaburkan dalam pasaran ekuiti antarabangsa. Daripada jumlah pendedahan ekuiti, 85% diuruskan secara dalaman dan bakinya diamanahkan kepada pengurus dana luar (EFM) kami.

Pada tahun ini, portfolio keseluruhan ekuiti kami merekodkan TWRR sebanyak 11.0%, yang mengatasi penanda aras campuran sebanyak 6.9% dan menjana nilai tambah sebanyak 403 mata asas. Portfolio ekuiti domestik kami berjaya mencatat TWRR sebanyak 4.4% berbanding dengan penanda aras pada 0.6%, iaitu pada 378 mata asas lebih tinggi. Portfolio ekuiti antarabangsa dalam mencapai TWRR sebanyak 29.1%, yang mengatasi pulangan penanda aras sebanyak 25.1% iaitu pada 396 mata asas. Ukuran prestasi ini menggariskan penekanan pada strategi pelaburan kami dalam mengekalkan portfolio berpelbagai yang merentasi pelbagai sektor dan negara, diiringi dengan pengimbangan semula yang aktif dan tepat pada masanya. Strategi kepelbagaian ini juga berjaya membantu kami mengemudi ketidaktentuan dalam pelaburan ekuiti dan mencerminkan keupayaan kami untuk menyesuaikan strategi pelaburan kami dalam pelbagai keadaan pasaran.

Di sebalik pasaran ekuiti domestik yang secara amnya tidak stabil, EFM ekuiti domestik kami secara kolektif mencapai TWRR sebanyak 6.9%, mengatasi penanda aras indeks FBM100 sebanyak 624 mata asas. Pada peringkat antarabangsa, EFM kami mencatat agregat TWRR sebanyak 29.4%, mengatasi penanda aras sebanyak 422 mata asas. KWAP telah mengadakan mesyuarat suku tahunan dengan semua EFM ekuiti untuk menilai prestasi dan pematuhan mereka, di samping berbincang mengenai strategi dan prospek pelaburan. Selain itu, lawatan ke premis-premis EFM juga dilakukan sepanjang tahun, manakala pemantauan bulanan yang lebih intensif telah dijalankan ke atas portfolio yang berada dalam senarai pantau.

Pendapatan tetap membentuk sebanyak 36% daripada jumlah saiz dana KWAP. Portfolio ini merangkumi kelaskelas sub-aset seperti Bon Berdaulat Domestik, Bon dan Pinjaman Korporat Domestik, serta Bon Antarabangsa yang berfungsi sebagai pemberat bagi prestasi pelaburan KWAP yang menjana pulangan stabil pada sepanjang

Jumlah Dana Tahunan TWRR

8.2%



Portfolio Ekuiti TWRR

11.0%



Portfolio Pendapatan Tetap TWRR

6.2%



tahun. Pada tahun 2023, portfolio pendapatan tetap mencapai TWRR sebanyak 6.2%, yang disebabkan oleh hasil pelaburan semula yang lebih tinggi dan kenaikan nilai pasaran portfolio ini pada sepanjang tahun. Strategi untuk portfolio ini kekal tertumpu pada memaksimumkan potensi kepelbagaiaan portfolio pendapatan tetap sambil memberi komitmen terhadap amalan-amalan pelaburan mampan.

Portfolio hartaanah kami yang mewakili 5% daripada jumlah saiz dana KWAP, merangkumi 21 hartaanah dalam pasaran domestik dan antarabangsa, empat tapak tanah dan pembangunan dalam negara, serta enam dana hartaanah. Kelas aset ini mencatat pendapatan bersih sebanyak RM225.22 juta atau 3.2% hasil daripada kos pelaburan. Pada tahun ini, kami mengembangkan portfolio ini dengan melaksanakan tujuh transaksi dengan pelaksanaan komitmen kira-kira RM2.38 bilion.

Dalam menggariskan komitmen teguh KWAP terhadap ESG, satu pencapaian penting telah dicapai di mana sembilan hartaanah memperoleh pensijilan akreditasi alam sekitar dan kecekapan tenaga. Salah sebuah aset pejabat kami iaitu 747 Collins Street di Melbourne memperoleh pensijilan NABERS 6.0 Energy dan NABERS 5.5 Water, yang mencerminkan dedikasi kami terhadap amalan mampan dan pemuliharaan sumber. Pencapaian ini mengukuhkan komitmen KWAP terhadap pelaburan yang bertanggungjawab demi masa hadapan yang lebih mampan.

Portfolio ekuiti persendirian KWAP adalah 5% daripada jumlah saiz dana. Portfolio ini kekal berdaya tahan sepanjang tahun 2023 dan telah memberi pulangan kukuh menerusi pemilihan teliti pengurusan dan kuartil yang terbaik. Portfolio ini mencatat purata Kadar Pulangan Dalam (IRR) bersih yang melebihi 16.1%, dan Gandaan Modal Dilabur (MOIC) bersih sebanyak 1.6 kali, yang mengatasi penanda aras pasaran ekuiti persendirian sebanyak 217 mata asas, yang menunjukkan keberkesanan pembinaan portfolio kami merentasi pelbagai sektor dan geografi.

Komitmen RM500 juta dalam Dana Perintis juga disuntik dalam kelas aset ini. Dana Perintis merupakan peruntukan yang tertumpu pada pembangunan pasaran domestik, syarikat pemula dan usahawan Malaysia, serta memaparkan komitmen kami dalam menyokong usaha berterusan Kerajaan bagi membangunkan ekosistem modal teroka tempatan. Ia juga berfungsi sebagai rangka kerja pelaburan yang memacu pemindahan pengetahuan dan membangunkan bakat tempatan.

Kami kekal optimistik dengan pertumbuhan aspek infrastruktur. Hasilnya, kami telah mengembangkan unit infrastruktur untuk berfungsi sebagai sebuah jabatan



RM225.22 juta

pendapatan bersih untuk portfolio hartaanah



Portfolio ekuiti persendirian IRR

16.1%

baharu yang tertumpu pada pengurusan portfolio infrastruktur sebagai kelas aset. Portfolio ini mewakili 2% daripada jumlah saiz dana KWAP. Pada tahun ini, pengurusan dana kuartil terbaik KWAP berjaya menjana IRR bersih sebanyak 13.9% dan MOIC bersih sebanyak 1.4 kali.

Program infrastruktur kami aktif dalam mengejar peluang pelaburan bersama dimana usaha ini telah membawa hasil dengan penutup kejayaan pelaburan pusat data hiperskala, yang sejajar dengan sudut strategik perkhidmatan misi kritikal dan pembangunan infrastruktur domestik kami. Pelaburan dalam kemudahan infrastruktur adalah penting bagi negara membangun untuk meningkatkan kesalinghubungan, aktiviti perdagangan dan produktiviti.

Tahun 2024 dijangka akan diwarnai oleh perubahan persekitaran makroekonomi dan geopolitik. Inflasi menunjukkan trend menurun, yang berpotensi untuk mendorong bank pusat utama termasuk Rizab Persekutuan AS mula mengurangkan kadar dasar. Walaupun demikian, kadar faedah yang secara amnya masih terhad itu berkemungkinan mempengaruhi prospek ekonomi global. Di samping itu, pilihan raya untuk pemilihan Presiden Amerika Syarikat yang akan berlangsung pada bulan November 2024 berpotensi memberi cabaran kepada ekonomi global dan pasaran kewangan.

Selain itu, pertumbuhan KDNK Malaysia dijangka akan bertambah baik, yang didorong oleh daya tahan berterusan dalam permintaan domestik serta pemulihan yang konsisten daripada sektor luar negara. Permintaan domestik terus disokong oleh pasaran buruh yang stabil dan kemajuan aktiviti pelaburan dan eksport dijangka pulih seiring dengan kitaran teknologi serta peningkatan dalam sektor pelancongan. Inflasi juga akan kekal terkawal berdasarkan pelaksanaan penetapan semula fiskal secara beransur-ansur yang merangkumi reformasi subsidi domestik dan kawalan harga.

Melangkah ke hadapan, kami yakin dengan strategi pelaburan dan pasukan kami yang berpengalaman akan terus mencipta nilai untuk pihak berkepentingan walaupun dengan persekitaran makroekonomi yang mencabar.

MODAL KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Senarai Pelaburan Hartanah KWAP

Kami telah melabur dalam 21 harta tanah dalam pasaran domestik dan antarabangsa serta empat tapak tanah dan pembangunan dalam negara.

Bil.	Hartanah	Geografi	Segmen Aset	Tarikh Pembelian	Jenis Pegangan
HARTANAH DOMESTIK					
1.	Menara Integra, Kuala Lumpur	Malaysia	Pejabat	31 Mac 2015	Pegangan Kekal
2.	Menara Capsquare, Kuala Lumpur	Malaysia	Pejabat	15 Disember 2016	Pegangan Kekal
3.	Pusat Komersil Mydin, Skudai, Johor	Malaysia	Runcit	22 Januari 2019	Pegangan Pajak
4.	Lot 20010, Jalan Stonor, Kuala Lumpur	Malaysia	Tanah	22 Disember 2015	Pegangan Pajak
5.	Lot 392, Jalan Changkat Kia Peng, Kuala Lumpur	Malaysia	Tanah	30 Oktober 2015	Pegangan Kekal
6.	Pulau Andaman, Pulau Pinang	Malaysia	Tanah	30 Mac 2017	Pegangan Kekal
7.	Compass, Kota Seri Langat, Selangor	Malaysia	Tanah	18 September 2020	20% Pegangan dalam Usahasama
8.	Pembinaan Khas untuk Penginapan Pekerja Bukit Minyak, Pulau Pinang	Malaysia	Penginapan Pekerja	4 Disember 2023	Pegangan Kekal
9.	AMS OSRAM FEK II Kemudahan Pembuatan Wafer, Kulim II High-Tech Industrial Park, Kedah	Malaysia	Perindustrian	15 Disember 2023	Pegangan Pajak
HARTANAH ANTARABANGSA					
10.	747 Collins Street, Melbourne	Australia	Pejabat	30 September 2013 dan 8 Februari 2018	Pegangan Kekal
11.	133 Lenore Drive, Erskine Park, Sydney	Australia	Logistik	30 November 2014	Pegangan Kekal
12.	38 - 46 Bernara Road, Prestons, Sydney	Australia	Logistik	30 Julai 2015	Pegangan Kekal

Bil.	Hartanah	Geografi	Segmen Aset	Tarikh Pembelian	Jenis Pegangan
HARTANAH ANTARABANGSA					
13.	145 Lenore Drive, Erskine Park, Sydney	Australia	Logistik	23 Disember 2015 dan 14 April 2017	Pegangan Kekal
14.	Amazon Coalville, Bardon	United Kingdom	Logistik	30 April 2021	Pegangan Kekal
15.	10 Gresham Street, London	United Kingdom	Pejabat	24 Oktober 2012	Pegangan Pajak
16.	100 Cheapside, London	United Kingdom	Pejabat	20 Disember 2019	Pegangan Pajak
17.	The Chimes, Uxbridge, London	United Kingdom	Runcit	20 Jun 2014	Pegangan Kekal
18.	The Mill House, Edinburgh	United Kingdom	Kediaman Pelajar	3 Ogos 2018	Pegangan Kekal
19.	800 Bristol Road, Birmingham	United Kingdom	Kediaman Pelajar	7 Ogos 2018	Pegangan Kekal
20.	Symons House, Leeds	United Kingdom	Kediaman Pelajar	29 Jun 2020	Pegangan Kekal
21.	Crown House, Sheffield	United Kingdom	Kediaman Pelajar	29 Jun 2020	Pegangan Kekal
22.	Vita Student, York	United Kingdom	Kediaman Pelajar	17 Oktober 2023	Pegangan Pajak
23.	82 Albion Gate, London	United Kingdom	Perumahan	27 Februari 2015	Pegangan Pajak
24.	9 Sherwood Court, Seymour Place, London	United Kingdom	Perumahan	27 Februari 2015	Pegangan Pajak
25.	Zalando Distribution Warehouse, Erfurt	Jerman	Logistik	5 Mei 2017	Pegangan Kekal

MODAL KEWANGAN (SAMBUNGAN)

ULASAN ANAK SYARIKAT

Untuk cabang pelaburan dalam pembangunan harta tanah kami, KWEST Sdn Bhd (KWEST) sedang mengendalikan dua projek dengan gabungan GDV yang berjumlah RM22 bilion iaitu Pulau Andaman Fasa 1 di Pulau Pinang dan Compass @ Kota Seri Langat. Projek-projek ini mempunyai Nilai Pembangunan Kasar (GDV) yang masing-masing berjumlah RM21 bilion dan RM1 bilion.

Pulau Andaman Fasa 1 adalah usaha sama antara pemaju Eastern & Oriental Berhad (80%) dan KWEST (20%), yang merupakan pembangunan pelbagai guna bersepadu di Pulau Pinang, berkeluasan 253 ekar.

Pada Mei 2023, pelaburan KWEST di Pulau Andaman Fasa 1 menerima Pensijilan Sementara Platinum GreenRE dalam kategori perbandaran. Pangapuri The Meg dan Arica juga memperoleh Pensijilan Sementara GreenRE Platinum dalam kategori kediaman, yang membuktikan dedikasi kami terhadap aspek kelestarian.

Arica, yang dilancarkan pada Mac tahun ini dengan 380 bilangan unit dan mempunyai Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM392 juta telah mencapai kadar jualan yang memberangsangkan sebanyak 87% pada akhir tahun yang sama dengan hanya lapan bulan selepas pelancaran. Ini adalah susulan daripada kejayaan The Meg yang mempunyai GDV RM700 juta dengan 1,020 bilangan unit yang telah habis dijual sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan sejak perasmianya pada Januari 2022.

Projek kedua KWEST, Compass @ Kota Seri Langat (Compass) adalah kerjasama antara Permodalan Nasional Berhad (60%), KWEST (20%) dan AREA (20%). Dengan keluasan 220 ekar, projek yang terletak di Banting, Selangor ini merangkumi Presint Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Ia menawarkan 62 unit kilang teres, berkembar, kilang-kilang berasingan, plot perindustrian dan Taman Perindustrian Terurus (MIP) yang bersedia untuk menjadi pusat pengusaha tempatan dan asing. Setakat 31 Disember 2023, Presint PKS ini telah mencapai kadar jualan sebanyak 37%.

Melangkah ke tahun 2024, KWEST akan melancarkan Rumah Teres Berhalaman Fera (51 unit) dan Rumah Berkembar Senna (18 unit), dengan GDV tergabung

berjumlah RM270 juta, serta sebuah kondominium (261 unit) dan kompleks pangapuri (528 unit) di Pulau Andaman, dengan GDV masing-masing sebanyak RM434 juta dan RM631 juta. Untuk Compass, pembinaan Presint PKS ini dijangka siap pada suku keempat tahun 2024. Selain itu, Compass akan memulakan proses kelulusan dengan pihak berkuasa berkaitan dan membangunkan pembangunan infrastruktur untuk premium insurans gadai janji (MIP). KWEST kekal komited dalam mengejar peluang pembangunan harta tanah, dengan penekanan khusus ke atas pasaran tempatan, sejajar dengan rangka kerja Ekonomi MADANI oleh Kerajaan.




Gambar artis untuk The Lume, Rumah Teres Berhalaman Fera dan Rumah Berkembar Senna di Pulau Andaman



Tapak Compass @ Kota Seri Langat pada Jun 2024

PENDEDAHAN GEOGRAFI KAMI



PENDEDAHAN PELABURAN
38
NEGARA

MODAL INTELEK

Kami menyedari betapa pentingnya melabur dalam modal intelek kerana ia merupakan elemen utama dalam penyampaian manfaat yang mampan. Aset tidak ketara kami yang merangkumi keupayaan inovasi dan nilai jenama memainkan peranan penting dalam merealisasi visi dan memenuhi mandat kami.

PEMIMPIN PEMIKIRAN

Ahli Lembaga telah meluluskan Rangka Kerja Pemimpin Pemikiran KWAP pada tahun ini, dengan harapan KWAP menjadi organisasi yang sedia masa hadapan. Rangka kerja ini bertindak sebagai pelan strategik untuk KWAP dan anak-anak syarikat operasinya bagi memulakan, mengerakkan dan memperkemaskan inisiatif-inisiatif kepimpinan pemikiran yang akan menyumbang kepada Kerajaan Malaysia, pihak berkepentingan KWAP dan masyarakat.

Dengan menerajui ekuiti jenama yang menyumbang kepada pembinaan negara, KWAP secara strategik menyasarkan penghasilan perkara-perkara berikut:

- Menjadi pemimpin ilmu dalam industri-industri yang berkaitan.
- Menjadi penasihat dan rakan industri yang dipercayai untuk penggubal dasar dan pembuat keputusan utama.

Melalui mandat KWAP serta usaha mengendalikan aspek kemampanan, Rangka Kerja Pemimpin Pemikiran dipacu oleh tiga teras utama iaitu:

<p>Menyokong Agenda Ekosistem Persaraan</p>	<p>Kajian dan pemahaman asas mengenai persekitaran persaraan bagi menyediakan sokongan yang berdasarkan fakta untuk reka bentuk polisi, termasuk meningkatkan sosioekonomi dan kesejahteraan pelanggan</p>
<p>Menggalakkan Pelaburan Pemangkin</p>	<p>Pelaburan pemangkin dalam pasaran domestik dan kajian mengenai pelaburan berimpak</p>
<p>Mencapai Agenda Kemampanan</p>	<p>Memenuhi Ikrar Kemampanan KWAP</p>

Tiga Pendekatan Utama yang distruktur sebagai pencapaian secara kolaboratif dan penghasilan penciptaan nilai adalah seperti berikut:



Rangka kerja ini disokong oleh empat teras, yang setiap satunya mempunyai ciri dan kekuatan yang tersendiri:

Tadbir Urus	Warga Kerja
<p>Penciptaan nilai di bawah Pemimpin Pemikiran merupakan mandat KWAP dan disokong oleh tadbir urus yang berkaitan</p>	<p>Menerapkan budaya secara menyeluruh yang berorientasikan matlamat dan membina keupayaan yang berpadanan dengan tujuan, merangkumi semua warga kerja KWAP</p>
Digital	Komunikasi yang Bersepadu
<p>Infrastruktur yang sesuai untuk pengurusan pengetahuan dan repositori yang cekap untuk pembangunan intelek serta libat urus luar yang strategik</p>	<p>Disokong oleh kaedah komunikasi yang cekap bagi memastikan penyampaian mesej yang konsisten kepada pihak berkepentingan yang disasarkan</p>

Pasukan Pemimpin Pemikir akan memacu penjanaan pemikiran dan inovasi selain memberi pencerahan mengenai amalan-amalan terbaik dalam industri pencen, arah aliran baharu muncul serta inisiatif-inisiatif kemampanan dan pembinaan negara yang terbaru.

PENJENAMAAN KWAP



Sebagai dana penceramah sektor awam yang terbesar, kami berusaha untuk memaksimumkan keupayaan serta memanfaatkan sumber dan kepakaran kami bagi memacu pembangunan ekonomi dan sosial. Demi mencapai objektif ini, kami melaksanakan beberapa rangkaian program jangkauan yang komprehensif, termasuk persidangan industri, forum, seminar dan acara-acara rangkaian eksklusif. Inisiatif-inisiatif strategik ini direka khusus bagi melibatkan pihak berkepentingan utama selain membuktikan komitmen kami dalam memastikan pertumbuhan negara.

Menerusi acara-acara dan program-program ini, kami menyediakan peluang berharga untuk kepimpinan pemikiran, pertukaran pengetahuan, dan pembinaan

hubungan dengan pihak berkepentingan dari pelbagai sektor. Setiap acara memberi peluang untuk memperkenalkan kepakaran kami, menyerlahkan sumbangan dan memajukan peranan kami sebagai pemain utama dalam industri pelaburan dan persaraan.

Dengan mewujudkan platform dinamik untuk libat urus ini, kami meningkatkan kebolehlihatan dan memperkuuh keupayaan kami untuk mendorong perubahan positif serta mempromosikan kerjasama. Pendekatan strategik kami menunjukkan komitmen KWAP dalam menerajui perbincangan dan membentuk masa hadapan pelaburan sektor awam, sambil mengukuhkan komitmen kami terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

Berikut adalah inisiatif-inisiatif pada tahun ini yang menggariskan visi strategik serta pencapaian kami dalam mencapai objektif yang ditetapkan.

ACARA-ACARA KORPORAT UTAMA



Perasmian Karnival MyPesara oleh Pengurus KWAP, Datuk Johan Mahmood Merican bersama-sama dengan ahli Lembaga KWAP, ahli panel pelaburan dan Ketua Pegawai Eksekutif kami.



Para peserta Larian MyPesara dalam pakaian berwarna-warni.

Inisiatif-inisiatif MyPesara

1. Karnival dan Larian MyPesara

Karnival MyPesara menggariskan komitmen KWAP dalam memperkayakan kehidupan para pesara menerusi satu platform dinamik agar mereka dapat kekal aktif, membina hubungan dan menikmati alam persaraan mereka. Diadakan pada 25 dan 26 November di Dataran Karnival Stadium Shah Alam, acara ini berjaya menarik lebih 8,000 pengunjung dan penglibatan lebih 50 pempamer termasuk KPJ Healthcare, Jabatan Perkhidmatan Awam, Grab, AKPK dan pelbagai Persatuan Pencen. Acara tahunan ini menggariskan komitmen KWAP dalam memastikan kualiti hidup yang memuaskan, sihat, dan lebih baik untuk para pesara, selari dengan peranan KWAP sebagai Teman Persaraan Anda.

Larian MyPesara yang berlangsung pada 25 November 2023 merupakan acara utama karnival ini, yang bertujuan untuk menghimpunkan peminat sukan terutamanya dalam kalangan para pesara yang masih aktif. Dengan kemasukan percuma untuk para pesara dan warga Malaysia yang berusia 55 tahun ke atas, acara ini telah menarik penyertaan daripada lebih 3,000 peserta dari seluruh Malaysia. Dengan kategori larian 500m, 5km dan 10km, acara ini menyaksikan pencapaian membanggakan oleh seorang pesara berusia 82 tahun yang menyertai kategori 3km. Beliau menjadi inspirasi kepada orang ramai dan menzahirkan erti kegigihan dan kecergasan yang ingin ditonjolkan dalam Larian MyPesara.

MODAL INTELEK (SAMBUNGAN)



Penerima hadiah sagu hati Anugerah MyPesara.



Dato' Mohd Shaiful Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) menyampaikan ucapannya.

2. Anugerah MyPesara

Anugerah MyPesara yang berlangsung pada 20 Disember merupakan platform bagi mengiktiraf sumbangan berharga para pesara perkhidmatan awam dan menjadi pendorong untuk aspirasi persaraan mereka. Dengan kerjasama JPA, KWAP berbesar hati memberi penghormatan kepada individu-individu ini dan terus menyokong mereka dalam menyumbang kepada masyarakat.

Anugerah MyPesara merangkumi tiga kategori: Pendidikan, Khidmat Sosial dan Masyarakat, serta Keusahawanan. Anugerah ini terbuka untuk warga Malaysia berusia 55 tahun ke atas, yang kini menerima wang persaraan bulanan daripada kerajaan, serta yang telah bersara daripada perkhidmatan awam Persekutuan dan Negeri, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan. Dalam acara Anugerah MyPesara ini, para pesara yang berikut telah diiktiraf untuk sumbangan mereka:

- i. Profesor Emeritus Datuk Dr. Kamaruddin bin Hussin, yang pernah berkhidmat sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), merupakan pemenang bagi Kategori Pendidikan. Beliau diiktiraf untuk penglibatan aktif dalam memajukan agenda pendidikan kebangsaan dan Negeri Perlis menerusi pelbagai usaha secara sukarela. Beliau juga menerima anugerah Utama dengan membawa pulang wang tunai sebanyak RM50,000 berserta trofi dan sijil penghargaan.
- ii. Dr. Loji Roji bin Saibi, mantan Pegawai Pendidikan Daerah Bintulu, menerima pengiktirafan dalam Kategori Khidmat Sosial dan Masyarakat. Beliau diiktiraf untuk komitmen dalam membantu masyarakat setempat menerusi pelbagai aktiviti bermanfaat termasuk pengendalian kelas-kelas Al-Quran serta projek-projek memperbaiki kuarters perumahan guru.
- iii. Encik Mohd Hedzir bin Borhan, mantan Penolong Pengarah Kastam, diiktiraf dalam Kategori Keusahawanan dalam usaha mewujudkan peluang-peluang penjanaan pendapatan untuk masyarakat menerusi perniagaan pembekal kayu balak milik beliau.

Pemenang setiap kategori menerima wang tunai sebanyak RM10,000, trofi dan sijil penghargaan. Pada masa yang sama, pemenang hadiah sagu hati menerima wang tunai RM3,000, trofi dan sijil penghargaan.



YB Tuan Rafizi Ramli bersama ahli Lembaga, ahli panel pelaburan dan Pengurusan Kanan KWAP semasa pelancaran Dana Perintis.

Pelancaran Dana Perintis

KWAP merasmikan Dana Perintis, dana yang bernilai RM500 juta bagi mendorong semangat inovasi dan keusahawanan di seluruh Malaysia. Inisiatif strategik ini bertujuan sebagai penggerak untuk negara ke arah kepimpinan ekonomi dengan menyokong perusahaan pemula dalam enam aspek utama: ekonomi digital, rangkuman kewangan, jaminan bekalan makanan, pendidikan, ekonomi penuaan dan peralihan tenaga.

Dirasmikan oleh Menteri Ekonomi, YB Tuan Rafizi Ramli, Dana Perintis menggariskan komitmen KWAP dalam memupuk ekosistem inovasi dan pertumbuhan yang dinamik. Dengan memperkasakan pengusaha tempatan dan menyediakan penyelesaian yang inovatif, dana ini bertindak memacu kemakmuran yang mampan dan menjadikan Malaysia sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi serantau. Menerusi inisiatif ini, KWAP menegaskan komitmennya dalam memupuk bakat, mempromosikan kemajuan teknologi dan mencipta persekitaran yang berkembang maju untuk perusahaan pemula.



YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan I merasmikan slogan KWAP Teman Persaraan Anda.

Lawatan Rasmi Timbalan Menteri Kewangan 1

Pada 7 April 2023, KWAP menerima kunjungan YB Datuk Seri Haji Ahmad Bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan I, di Pejabat Utama Menara Integra, Kuala Lumpur. Kunjungan rasmi ini bertujuan untuk memperkuuhkan kerjasama dengan Kementerian Kewangan serta menegaskan peranan KWAP dalam ekosistem persaraan di bawah Pelan Transformasi TERAS 5.

Berikutan kunjungan tersebut, satu sidang akhbar diadakan bersama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KWAP, Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed, dan Ketua Pegawai Pelaburan (CIO) KWAP, Encik Hazman Hilmi Sallahuddin. Persidangan ini tertumpu pada peningkatan kualiti persaraan menerusi program-program libat urus MyPesara. Sorotan utama acara adalah perasmian slogan baharu Teman Persaraan Anda oleh Timbalan Menteri, yang menekankan komitmen KWAP dalam menyokong pihak berkepentingan utama iaitu para pesara Malaysia menerusi program-program yang mempromosikan gaya hidup produktif dan persaraan yang mampan.



Forum Pencarum sulung KWAP 2023 dengan tema Merintis Evolusi Corak Kerja.

Forum Pencarum yang Pertama

Kami telah mengadakan Forum Pencarum 2023 yang pertama dengan tema Merintis Evolusi Corak Kerja pada 5 September 2023, yang bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Forum ini dirasmikan oleh mantan Timbalan Menteri Kewangan I, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan. Platform ini memberi peluang kepada majikan yang mencarum untuk berkongsi pengalaman, pandangan dan pengetahuan mengenai trend tempat kerja yang baharu muncul serta cabaran-cabarannya berkaitan Masa Hadapan Pekerjaan. Objektif utama forum ini adalah untuk berkongsi idea dan strategi agar majikan-majikan dapat menerima perubahan dan digitalisasi dengan berkesan.

Forum pertama ini melibatkan lebih 500 peserta termasuk majikan, wakil kementerian dan ahli-ahli Pejabat Setiausaha Negeri, dengan kadar kepuasan sebanyak 97%.



Barisan pengurusan KWAP dan pengurus dana luar yang dilantik semasa acara tahunan Mandat Ketua Pegawai Eksekutif.

Mandat CEO kepada Pengurus Dana Luar

Pada 10 Februari 2023, KWAP telah mengadakan sesi libat urus tahunan antara CEO dan pengurus dana luar yang dilantik. Sesi libat urus ini menghimpunkan pihak berkepentingan utama dalam ekosistem pelaburan KWAP bagi memupuk ketelusan, kesefahaman dan pertumbuhan kolaboratif. Pertemuan ini bertujuan untuk berkongsi pandangan mengenai prestasi portfolio bagi pelbagai kelas-kelas aset, memamerkan pencapaian-pencapaian utama sepanjang tahun, menggariskan harapan KWAP untuk tahun-tahun akan datang dan menyediakan platform untuk dialog terbuka antara pengurus luar dan barisan kepimpinan kanan KWAP.

Sesi ini membolehkan pengurus dana berbincang secara langsung dengan CEO, CIO dan pengurusan kanan KWAP, memberi peluang untuk mereka berkongsi pendapat, menyuarakan kebimbangan dan memperkuuhkan hubungan profesional. Ia juga merupakan peluang untuk KWAP mendapatkan maklum balas penting mengenai proses-proses pelaburan, kehendak-kehendak pelaporan dan maklumat berkaitan dengan pasaran daripada pengurus luar. Perbincangan mengenai rancangan masa hadapan menjadi penutup kepada sesi ini yang menyelaraskan visi strategik KWAP dengan keupayaan pengurus dana luar, yang merangkumi peluang-peluang pelaburan baharu muncul serta strategi-strategi inovatif bagi meningkatkan pulangan selain menguruskan risiko.

MODAL INTELEK (SAMBUNGAN)



Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed memberi ucapan pembukaan semasa Mesyuarat Agung Tahunan IIC Ke-4.

Mesyuarat Agung Tahunan IIC

Pada 21 Jun 2023, Majlis Pelabur Institusi (IIC) telah melantik CEO KWAP, Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed, sebagai Pengerusi Lembaga Majlis IIC. Berikutan pelantikan tersebut, KWAP menjadi hos untuk Mesyuarat Agung Tahunan ke-4 IIC dan Mesyuarat Majlis ke-29 di Menara Integra, Kuala Lumpur bagi membincangkan dan memaklumkan ahli-ahli mengenai aktiviti-aktiviti organisasi serta pelan perniagaan akan datang.

Penyertaan aktif KWAP dalam IIC menegaskan lagi komitmen kami dalam memupuk budaya kecemerlangan tadbir urus dan memacu inovasi dalam persekitaran pelaburan. IIC menyedari bahawa tadbir urus korporat membentuk asas kepada amalan-amalan mampan perniagaan, yang melangkaui teras pada kemampuan. Ia merupakan perkara penting dalam menangani hal-hal yang berkaitan dengan sosial dan alam sekitar secara efektif dalam kalangan badan-badan negara. Kami berlititzam untuk meningkatkan daya tarik dan daya saing pasaran modal Malaysia pada peringkat global, seterusnya menjadi negara peneraju dalam pelaburan yang bertanggungjawab dan mengamalkan amalan-amalan perniagaan mampan di rantau ini.



Majlis Menandatangani Pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Pengenalan Integrasi Data antara JPA, KWAP dan LPPSA.

Majlis Menandatangani Pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Pengenalan Integrasi Data antara JPA, KWAP dan LPPSA

Pada 20 Jun 2023, JPA, KWAP dan LPPSA memperbaharui memorandum persefahaman (MoU) mereka dalam majlis yang disaksikan oleh Timbalan Menteri Kewangan I, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan. Acara ini tertumpu kepada kemajuan dan kejayaan berikutan daripada inisiatif integrasi data mereka yang bermula dengan MoU tidak mengikat yang dimeterai pada Julai 2020.

MoU pada tahun 2020 adalah bertujuan untuk mewujudkan hubungan kerja dalam integrasi data antara KWAP dan LPPSA bagi meningkatkan proses-proses yang berkaitan dengan pembayaran semula pinjaman perumahan untuk para pesara. Integrasi ini berjaya dilaksanakan pada Disember 2022, lantas membuktikan impak transformatif projek tersebut.



Mesyuarat Lembaga ASSA ke-40 di Kuala Lumpur.

Persidangan ASEAN Social Security Association 2023

Pada 20 November 2023, Persidangan ASEAN Social Security Association (ASSA) 2023 dan Mesyuarat Lembaga ASSA ke-40 telah diadakan di Kuala Lumpur.

Persidangan yang bertemakan *Embracing Diversity, Building a Shared Future*, mendalami sistem keselamatan sosial yang inklusif dan mampan, yang menekankan pada peningkatan liputan, peruntukan persaraan yang mencukupi dan menggalakkan kemampaman. Persidangan ini menawarkan platform untuk menangani cabaran semasa, bertukar perspektif dan memupuk rangkaian dan kerjasama. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan I, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan dan dihadiri lebih 300 orang peserta, yang menghimpunkan perwakilan daripada lebih 20 institusi ahli ASSA di seluruh Asia Tenggara, pakar dari Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), serta pemimpin dalam keselamatan sosial.

Persidangan itu juga menandakan ulang tahun ASSA yang ke-25 yang meraikan komitmennya untuk mempertingkatkan inisiatif keselamatan sosial di seluruh rantau ASEAN. Selain itu, ia juga membuktikan kerjasama erat dan usaha kerjasama oleh KWAP, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Acara ini diketuai oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai Naib Pengurus ASSA 2022/2023 dan dihoskan bersama KWAP dan PERKESO.



YB Tuan Steven Sim Chee Keong bersama barisan Pengurusan Kanan KWAP.

Kunjungan Rasmi YB Steven Sim Chee Keong, Timbalan Menteri Kewangan II

Pada 3 Mei 2023, KWAP menerima kunjungan Timbalan Menteri Kewangan II, YB Tuan Steven Sim Chee Keong. Kunjungan ini bertujuan untuk memberi pemahaman yang menyeluruh mengenai struktur operasi dan pelaburan perniagaan KWAP, selain memupuk dan mengekalkan hubungan kukuh antara KWAP dan Kementerian Kewangan (MOF). Kunjungan rasmi ini merupakan peluang berharga untuk delegasi MOF agar lebih memahami fungsi-fungsi KWAP, khususnya dalam memajukan ekosistem persaraan dan Pelan Transformasi TERAS 5.

MODAL PEMBUATAN



Dalam persekitaran teknologi yang sering berubah-ubah, kami perlu sentiasa mengikuti perkembangan mengenai kemajuan digital. Di KWAP, kami menyedari kepentingan dalam memastikan aset digital kami sentiasa canggih dan selaras dengan kemajuan era moden. Kesedaran ini mendorong kami untuk meningkatkan keupayaan digital. Kami komited untuk terus melabur dalam sistem-sistem digital agar kami terus menjadi peneraju inovasi dan beradaptasi dalam era digital ini.

Dalam usaha ini, inisiatif kami tertumpu pada Pelan Hala Tuju Transformasi Digital kami yang komprehensif, yang merupakan satu pelan strategik yang memacu inisiatif-inisiatif digital kami pada masa akan datang. Berpandukan Strategi Transformasi Digital kami, pelan hala tuju ini menetapkan usaha pencapaian kecemerlangan digital dalam organisasi kami. Dengan memupuk budaya yang menyokong peluang-peluang digital, kami bukan sahaja menggiatkan kecekapan dan inovasi, malah kami juga menggalakkan persekitaran dinamik yang kondusif untuk

beradaptasi dalam dunia kini yang serba digital. Strategi Transformasi Digital kami disokong oleh lima teras:



Tadbir Urus dan Perkhidmatan Digital



Pengurusan Data



Daya Tahan Siber



Sistem Perniagaan Digital



Platform
Teknologi

Teras-teras ini menjadi asas kepada objektif-objektif transformasi digital kami, menerusi penyediaan rangka kerja yang berstruktur dalam misi kami untuk mencapai kecemerlangan digital. Kami bermatlamat untuk menerapkan budaya celik digital di KWAP dengan objektif untuk meningkatkan pengalaman pelanggan dan membolehkan kolaborasi yang lancar dalam organisasi serta bersama pihak berkepentingan, demi menjadikan KWAP sebuah organisasi yang sedia masa hadapan.

Matlamat Digital KWAP CELIK DIGITAL	Misi MEMACU KECEMERLANGAN DIGITAL										
<p>OBJEKTIF TRANSFORMASI DIGITAL</p>	<p>01 Menyokong peningkatan menerusi sistem-sistem digital</p> <p>02 Mempertingkatkan pengalaman digital pelanggan melalui interaksi digital dan pengetahuan¹ yang berdasarkan kecerdasan buatan (AI)</p> <p>03 Membaik pulih kepercayaan pelanggan menerusi daya tahan siber</p>										
<p>TERAS-TERAS STRATEGI TRANSFORMASI DIGITAL</p>	<p>pelaburan</p> <p>04 Memberi pelaburan dan perkhidmatan persaraan serta keupayaan analitik yang dipertingkatkan</p> <p>05 Meningkatkan produktiviti kakitangan melalui penggunaan alat-alat AI</p> <p>06 Menyokong usaha ESG menerusi pengurangan jejak tenaga alam sekitar dan tadbir urus digital yang baik</p>										
	<p>Teras-teras strategi transformasi digital merupakan elemen-elemen asas yang membantu bagi mencapai objektif-objektif transformasi digital</p> <table border="1"> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Tadbir Urus dan Perkhidmatan Digital</td> <td>Daya Tahan Siber</td> <td>Platform Teknologi</td> <td>Pengurusan Data</td> <td>Sistem Perniagaan Digital</td> </tr> </table>						Tadbir Urus dan Perkhidmatan Digital	Daya Tahan Siber	Platform Teknologi	Pengurusan Data	Sistem Perniagaan Digital
Tadbir Urus dan Perkhidmatan Digital	Daya Tahan Siber	Platform Teknologi	Pengurusan Data	Sistem Perniagaan Digital							

¹ Penggunaan pengetahuan yang dibantu oleh AI merujuk kepada penggunaan kecerdasan buatan sebagai alat atau bantuan dalam proses memperoleh dan mengaplikasikan pengetahuan.

Dalam memajukan keupayaan teknologi, kami menyedari akan kepentingan dalam membangunkan rangka kerja tadbir urus yang kukuh. Pada tahun ini, kami telah membangunkan Rangka Kerja dan Dasar Tadbir Urus Pengkomputeran Awan serta permulaan kerja dalam melaksanakan rangka kerja tadbir urus data. Semua rangka kerja ini menggariskan amalan-amalan terbaik untuk pengurusan data dan adaptasi pengkomputeran awan dalam organisasi kami.

Dengan kewujudan rangka kerja ini, strategi pengkomputeran awan kami kini boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan. Penggunaan infrastruktur yang berasaskan awan memberi kami kelebihan yang signifikan berbanding sistem-sistem tradisional di premis, khususnya dari segi kebolehskaalan dan kecekapan dalam menangani data kewangan dengan selamat. Pengkomputeran awan juga memberi kami kebolehcapaian yang tiada tandingan kepada sumber-sumber dan aplikasi, yang menggalakkan fleksibiliti dalam operasi.

Dalam dunia digital pada hari ini, kami terus menitik berat aspek risiko keselamatan. Untuk menangani cabaran ini, kami telah memperkenalkan Pelan Keselamatan Siber KWAP yang merangkumi satu set alatan keselamatan siber yang dicipta bagi mengukuhkan persekitaran digital kami serta mengurangkan sebarang potensi ancaman. Ini termasuk penggunaan keselamatan siber yang telah dipertingkatkan, serta pelaksanaan Respons Automatik Rangkaian Keselamatan dan Penyelamat Insiden Keselamatan Siber, di samping menaik taraf Pengesahan dan Tindak Balas Titik Akhir pada tahun tersebut.

Selain itu, sesi-sesi latihan yang meluas telah dilaksanakan dengan kadar penyertaan sebanyak 95.3% bagi meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan siber dalam kalangan tenaga kerja kami. Pelaburan dalam latihan ini telah memberi hasil yang ketara, dengan penurunan signifikan dalam sasaran terhadap serangan pancingan data. Purata sasaran kami terhadap serangan pancingan data telah menurun kepada 2.2%, yang merupakan satu pencapaian yang membanggakan berbanding 7.8%

pada tahun sebelumnya dan 15.6% pada awal tahun 2021. Kami berbesar hati untuk berkongsi bahawa tiada sebarang aduan besar dilaporkan mengenai pelanggaran privasi data sepanjang tahun ini. Komitmen kami terhadap kecemerlangan keselamatan siber juga terbukti dengan pensijilan ISMS ISO/IEC 27001:2013.

Komitmen kami terhadap kemajuan teknologi juga merangkumi penambahbaikan untuk platform teknologi yang bukan hanya melangkaui keselamatan siber. Kami percaya bahawa pelaburan dalam fungsi platform teknologi boleh meningkatkan keupayaan penciptaan nilai kami. Pada tahun ini, kami juga telah menaik taraf peranti audio dan video dalam bilik mesyuarat bagi meningkatkan keberkesanan mesyuarat dan menaik taraf RAM komputer riba kakitangan untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam melakukan kerja. Selain itu, kami telah melaksanakan 31 peningkatan sistem serta menaik taraf pusat penyimpanan data kami bagi menampung keperluan perniagaan yang semakin meningkat.

Turut menjadi keutamaan ialah pendigitalan proses kami yang telah mencungkil potensi kecekapan dan membolehkan penciptaan nilai yang lebih baik. Menerusi penggunaan tambahan sebanyak tiga Automasi Proses Robotik (RPA), kami berjaya mempermudahkan operasi harian dan meningkatkan produktiviti yang merentasi pelbagai fungsi.

Kesimpulannya, usaha transformasi digital di KWAP telah melakar beberapa pencapaian penting. Menerusi pembangunan rangka kerja tadbir urus yang padu, pelaksanaan langkah-langkah keselamatan siber yang maju dan peningkatan berterusan bagi platform teknologi, kami berjaya mengukuhkan infrastruktur digital organisasi dan bersedia untuk meraih kejayaan pada masa hadapan. Kami kekal berdedikasi dalam memacu kecekapan, memupuk inovasi dan menyampaikan nilai kepada pihak berkepentingan. Dengan budaya celik digital yang kukuh dalam organisasi, kami yakin KWAP mampu menyokong pembinaan negara dalam memberi manfaat yang mampan kepada pihak berkepentingan.


MODAL INSAN



WARGA KERJA KAMI

Warga kerja adalah aset kami yang paling bernilai. Sumbangan yang berterusan daripada mereka memacu organisasi ini ke hadapan, serta membuktikan semangat dan dedikasi yang mendukung kejayaan kami. Sebagai pemain penting dalam keseluruhan rantaian penciptaan nilai kami, komitmen padu dan kemahiran mereka menjadi asas pertumbuhan dan inovasi kami.


Jumlah Tenaga Kerja mengikut Lokasi¹



Purata Tahun Perkhidmatan



Kelayakan Profesional



Pengambilan dan Pusing Ganti

82	Kakitangan Baharu
35	Atrisi

Kadar Atrisi:
4.6%

STRATEGI MODAL INSAN

Strategi Modal Insan kami dicipta bagi memupuk tenaga kerja yang dinamik dan berfikiran maju, sejajar dengan nilai-nilai dan matlamat KWAP dalam memastikan kejayaan dan pertumbuhan yang berterusan. Pada asasnya, strategi ini tertumpu pada empat hasil sasaran yang menjadikan KWAP sebagai sebuah organisasi yang sedia masa hadapan.

Budaya mampan dan selari bagi menghasilkan tenaga kerja yang bermotivasi dan memberi komitmen

Pembangunan dan **pengurusan prestasi** yang kukuh dalam memperoleh pencapaian matlamat-matlamat perniagaan

Pengalaman digital sumber manusia yang dipertingkatkan dan memanfaatkan analistik data warga kerja

Menghasilkan **Tawaran Nilai untuk Kakitangan yang berkaitan dengan ESG** bagi menarik minat dan mengekalkan bakat-bakat

¹ Jumlah tenaga kerja Kumpulan KWAP

Kami menggariskan lapan Strategi Sumber Manusia untuk mencapai hasil-hasil sasaran kami:



DNA KWAP

- Memiliki ruang untuk berjaya
- Mempunyai niat yang betul
- Mewakili jenama KWAP

Teras Budaya Kerja




KEPELBAGAIAN, KEADILAN DAN KETERANGKUMAN

Kami komited dalam menyokong pasaran modal dengan tanggungjawab sosial. Di KWAP, kami melihat kekuatan dalam kepelbagaian serta memperjuangkan keadilan dan keterangkuman sebagai tonggak asas pembinaan negara. Dengan memperjuangkan nilai-nilai ini, kami bukan sahaja menyediakan tempat kerja yang lebih baik, tetapi juga memberi impak yang bermakna untuk masyarakat dan negara.

Pengagihan Tenaga Kerja

Mengikut Umur¹




Mengikut Generasi¹

2 <i>Baby Boomers</i>	128 Generasi X
428 Generasi Y	182 Generasi Z

Mengikut Jantina¹



Mengikut Kumpulan Etnik¹



¹ Jumlah tenaga kerja Kumpulan KWAP

MODAL INSAN (SAMBUNGAN)


MELABUR DALAM MODAL INSAN

Selain mengambil bakat-bakat yang terbaik, kami terus melabur untuk warga kerja kami dengan menyediakan latihan dan peluang-peluang pembangunan bagi mengasah kemahiran dan kecekapan mereka. Kami percaya pelaburan ini bukan sahaja meningkatkan prestasi kakitangan, tetapi juga meningkatkan kepuasan bekerja yang menyokong pertumbuhan kerjaya dan memperkuuh keupayaan mereka dalam mencipta nilai.

**Purata Jam Pembelajaran setiap Kakitangan
110.5 jam**

**Jumlah Perbelanjaan Latihan dan Pembangunan
RM3.30 juta**

Purata Jam Pembelajaran setiap Kakitangan mengikut Jawatan (Jam)



Hari Pembelajaran yang Dihadiri mengikut Kategori Program (%)




Skim Bantuan Pendidikan

Kami percaya dengan pembelajaran sepanjang hayat dan bermatlamat boleh memperkasakan tenaga kerja kami menerusi latihan dan pendidikan berkualiti tinggi yang disampaikan melalui Skim Bantuan Pendidikan (EAS) yang merupakan sebahagian daripada program pembelajaran dan pembangunan kakitangan. Skim ini dicipta bagi membantu kakitangan untuk menambah baik kemahiran dan seterusnya meningkatkan keupayaan mereka dalam mencipta lebih banyak nilai untuk organisasi selain meningkatkan pembangunan kerjaya mereka.

Di bawah EAS, kami memberi sokongan untuk pelbagai program profesional dan pengajian tinggi:

EAS yang pada awalnya terhad kepada pensijilan yang berdasarkan pelaburan kini telah berkembang bagi merangkumi pelbagai bidang dan kursus yang relevan dalam industri. Pada tahun ini, 23 peserta EAS telah berjaya menamatkan pengajian mereka (17 Ijazah Sarjana, dua Ijazah Sarjana Muda dan empat Kelayakan Profesional) manakala 13 kakitangan telah mendaftar dalam EAS untuk meneruskan pengajian mereka.



Program Pendidikan Peningkatan Kemahiran KWAP 2.0

Bagi memupuk rangkuman yang sejajar dengan UNSDG 4 untuk Pendidikan Berkualiti, Program Pendidikan Peningkatan Kemahiran KWAP direka khusus bagi menyokong pembelajaran dan pembangunan kemahiran kakitangan bukan eksekutif. Inisiatif ini bermatlamat untuk memupuk pembelajaran yang berterusan dan memberi laluan untuk kakitangan bukan eksekutif yang memiliki Diploma untuk meneruskan pelajaran ke peringkat Sarjana menerusi APEL A. Dengan kejayaan Program Pendidikan Peningkatan Kemahiran KWAP, kami meneruskan libat urus bersama Azman Hashim International Business School, Universiti Teknologi Malaysia (AHIBS, UTM) melalui program UPSKILL 2.0 pada tahun 2023.

Seramai 16 peserta yang berlatarbelakangkan bukan eksekutif, eksekutif dan eksekutif kanan telah berjaya menamatkan Program Pendidikan Peningkatan Kemahiran KWAP 2.0 pada tahun ini. Majlis Pengijazahan diadakan pada 23 Februari 2024, yang disaksikan oleh Pengurusan Kanan KWAP serta felo AHIBS, UTM.



Program Pendidikan Peningkatan Kemahiran KWAP, iaitu kerjasama antara KWAP dan UTM-AHIBS, menawarkan pembangunan khusus menerusi program mini MBA untuk tempoh setahun, yang bertujuan untuk meningkatkan kelayakan dan mendorong pertumbuhan kerjaya.



Gambar graduan daripada Program UPSKILL 2.0 KWAP.

The Learning Zone, Learning Management System (LMS) KWAP

Bagi memenuhi permintaan yang berterusan untuk pembelajaran digital, KWAP telah membangunkan LMS yang bertujuan untuk menyediakan tawaran-tawaran latihan konvensional selain berfungsi sebagai platform yang mempromosikan fleksibiliti dalam pembelajaran di mana kakitangan boleh terus menimba pengetahuan dan kemahiran tanpa had lokasi dan masa. Pada tahun ini, LMS telah menyediakan 60,000 kursus latihan untuk pengguna menerusi laman sesawang LMS.

Seramai 5,112 kakitangan telah mendaftar dalam LMS pada tahun 2023, dengan kadar 92.5%. Pelaksanaan LMS oleh Pejabat Integriti dan Tadbir Urus serta Jabatan Sumber Manusia yang khusus untuk kakitangan mereka telah mencatat kadar penyertaan yang membanggakan iaitu masing-masing sebanyak 95.4% dan 98.7%.

Program MySTEP KWAP 2023

Sebagai sokongan kepada inisiatif MySTEP, kami telah bekerjasama dengan rakan kongsi strategik untuk menyediakan peluang latihan kepada peserta MySTEP kami di KWAP dan bersama rakan kongsi strategik kami. Tempoh awal program MySTEP berlangsung dari Jun 2022 sehingga Jun 2023 dengan bilangan peserta MySTEP yang disasarkan oleh Kementerian Kewangan untuk KWAP adalah seramai 1,000 orang. Sehingga Jun 2023, kami telah berjaya merekrut 1,019 peserta MySTEP termasuk yang ditempatkan bersama rakan kongsi strategik kami. Dengan maklum balas positif daripada rakan kongsi strategik tersebut, kami telah melanjutkan program MySTEP dari Oktober 2023 sehingga Disember 2023 dan merekrut 484 peserta MySTEP tambahan yang menjadikan jumlah keseluruhan peserta MySTEP kepada 1,503 orang.



Malaysia Short-Term Employment Programme (MySTEP) adalah inisiatif Kerajaan Malaysia yang menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan latihan jangka pendek untuk warga Malaysia. Program ini bermatlamat untuk meningkatkan kebolehpasaran dan pengalaman profesional para peserta dengan menawarkan manfaat-manfaat yang komprehensif serta peluang-peluang latihan.

MODAL INSAN (SAMBUNGAN)

MEMPROMOSIKAN PENJENAMAAN MAJIKAN

Kami menyedari bahawa penjenamaan majikan yang kukuh adalah penting untuk menarik minat, mengekalkan dan memberi motivasi kepada bakat-bakat terbaik. Kami merupakan penerima anugerah untuk lima kategori dalam *HR Excellence Awards 2023* dan *the Employee Experience Awards 2023*, yang dianjurkan oleh *Human Resource Online*. Anugerah-anugerah ini mencerminkan usaha dan komitmen kami dalam memupuk tenaga kerja yang berharga.



HR Excellence Awards 2023 oleh Human Resource Online

HR Manager of the Year

[Anugerah Perak]

Puan Siti Sabariah Ahmad Murtazam

Excellence in Workforce Mobility [Anugerah Gangsa]

Excellence in Retention Strategy [Anugerah Gangsa]



Employee Experience Awards 2023 oleh Human Resource Online

Most Inspiring Leader

[Anugerah Emas]

Encik Ahmad Shakir Mohd Asri

Most Innovative & Sustainable Office Design [Anugerah Gangsa]

LIBAT URUS KAKITANGAN DAN MANFAAT

Kami menyedari akan perubahan penting dalam cara bekerja pasca pandemik COVID-19. Keutamaan kakitangan kini sudah berubah dengan penekanan ke atas aspek-aspek bukan kewangan seperti keseimbangan antara kerja dan kehidupan, budaya di tempat kerja, masa bekerja yang fleksibel serta kesejahteraan fizikal dan mental. Faktor-faktor ini terus membentuk dan mempengaruhi agenda tenaga kerja kami.

Oleh itu, kami komited untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif secara menyeluruh yang mengutamakan kesejahteraan kakitangan, memupuk budaya tempat kerja yang saling menyokong dan sejagat, serta menyediakan aturan kerja yang fleksibel bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang kian berubah. Matlamat kami adalah untuk mencipta persekitaran di mana kakitangan kami boleh berkembang maju secara peribadi dan profesional, dan seterusnya memastikan kepuasan mereka bekerja, melibatkan diri dalam sesi libat urus dan melakar kejayaan dalam organisasi kami.

Kesihatan dan Kesejahteraan

- Menyediakan peluang yang sama rata kepada kakitangan untuk kelayakan Saringan Kesihatan (tertakluk kepada terma dan syarat) bagi mempromosikan dan menyokong gaya hidup sihat.

Program Bantuan Kakitangan (AWP)

- AWP merupakan program tajaan majikan yang menyediakan sokongan profesional di tempat kerja dalam bentuk sesi rundingan peribadi secara maya atau fizikal bersama pakar kesihatan mental seperti ahli psikologi atau kaunselor kesihatan mental. Menerusi AWP, kami menyediakan akses kepada sokongan kesihatan mental untuk semua kakitangan.
- AWP telah dimanfaatkan oleh 20 orang kakitangan pada tahun 2023.

Aturan Kerja yang Fleksibel

- Memberi peluang pengurusan secara kendiri untuk kakitangan dengan memperkenalkan waktu bekerja yang fleksibel. Masa kerja fleksibel dan Aturan Kerja Hibrid (HWA) menyokong keseimbangan antara kerja dan kehidupan menerusi pengurusan masa yang lebih baik, mengurangkan tenaga fizikal untuk berulang alik ke tempat kerja, serta mengurangkan pelepasan karbon berikutan keperluan yang sedikit dalam menggunakan kenderaan.
- Inisiatif ini diperkenalkan bagi memenuhi keperluan untuk keseimbangan antara kerja dan kehidupan yang sejahtera dengan aturan kerja fleksibel di bawah Akta Kerja 1955.

Program Bina Pasukan KWAP 2023

Program Bina Pasukan KWAP yang berlangsung pada 24 Jun 2023 merupakan satu program secara fizikal KWAP yang pertama diadakan selepas pandemik COVID-19. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kerjasama, memupuk semangat berpasukan dan mengeratkan komunikasi dan setiaikawan dalam kalangan kakitangan.

646 orang kakitangan menyertai program ini yang mencapai sebanyak 87.6% kadar kepuasan yang menggariskan kejayaan program ini dalam mencapai matlamatnya.



Sebahagian kakitangan kami yang menyertai program bina pasukan.

Hari Budaya

Hari Budaya KWAP merupakan platform unik untuk kakitangan kami berkongsi idea, sentimen dan aspirasi dalam satu persekitaran yang terbuka. Inisiatif ini bertujuan untuk mencipta rangka kerja pembudayaan yang mencerminkan asas sebuah organisasi yang berdaya tahan, mampan dan berprestasi tinggi. Hari Budaya ini mencatatkan kadar penyertaan sebanyak 80.4% dimana pandangan penting daripada kakitangan disampaikan terus kepada barisan Pengurusan Kanan.

Pemukiman Budaya

Pemukiman Budaya bertujuan untuk mencapai muafakat bagi tiga Teras kepada Perubahan Budaya yang kritikal untuk KWAP iaitu Matlamat, Kepercayaan dan Setiakawan. Peluang ini diberikan kepada kakitangan yang bukan terdiri daripada barisan pengurusan kanan untuk mengendalikan pemukiman ini dan merungkai prinsip-prinsip asas yang mencerminkan tingkah laku yang diharapkan untuk Budaya KWAP 2.0.



Peserta-peserta Pemukiman Budaya KWAP.

MODAL INSAN (SAMBUNGAN)

HR Marketplace

HR Marketplace merupakan program HR yang dijalankan untuk kakitangan KWAP bagi menggalakkan penglibatan, memberi akses kepada perkhidmatan dan berfungsi sebagai platform untuk vendor tempatan menjual produk-produk mereka. *HR Marketplace* merupakan pusat sehenti bagi meningkatkan kesejahteraan kewangan, mempromosikan aspek kesihatan dan kesejahteraan, serta memperkayakan pengalaman kebudayaan. Konsep Bawa Beg Sendiri digalakkan sepanjang program ini bagi mendorong kakitangan untuk mempraktikkan amalan-amalan kelestarian dalam kehidupan seharian. *HR Marketplace* mencatat purata kadar kepuasan sebanyak 88.2% daripada kakitangan kami.

Victory Team Mingling at Department (Vitamin D)

Vitamin D merupakan inisiatif bina pasukan bersubsidi dimana setiap jabatan perlu melaksanakan aktiviti bina pasukan masing-masing sama ada dalam jabatan atau dengan kerjasama jabatan lain, yang selari dengan Teras 2 dan 3 Budaya KWAP iaitu Kepercayaan dan Setiakawan.



Sebahagian peserta dalam aktiviti *Vitamin D*.

PENGAMBILAN DAN PENGURUSAN BAKAT

Pameran Kerjaya

Dalam pencarian bakat-bakat terbaik, KWAP secara aktif menyertai pameran-pameran kerjaya, acara-acara jalinan rangaian dan persidangan industri bagi mengenal pasti dan menarik minat calon-calon cemerlang yang menepati nilai-nilai dan DNA organisasi kami.

Pameran Kerjaya Malaysia - UKEC 2023

Penyertaan KWAP dalam Pameran Kerjaya Malaysia merupakan salah satu program terbaik untuk mengenal pasti graduan Malaysia di United Kingdom dan mengetengahkan KWAP sebagai organisasi terbaik untuk memulakan kerjaya mereka. Pameran ini menjadi salah satu platform untuk KWAP mencari graduan yang berpotensi tinggi untuk menyertai Program KWAP Young Talent (KYT). Reruai kerjaya kami dikunjungi oleh sekitar 500 orang pelawat.



Reruai kerjaya KWAP di Pameran Kerjaya Malaysia - UKEC 2023.

Karnival Kerjaya Malaysia Madani (Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI)

Sempena acara Setahun Bersama Kerajaan MADANI, KWAP dan beberapa GLIC yang lain serta PETRONAS telah diamanahkan oleh pejabat Perdana Menteri untuk menyertai pameran kerjaya di Dewan Sri Putra, Bukit Jalil. Objektif utama pameran kerjaya ini adalah untuk menyediakan platform bagi memupuk keusahawanan belia serta menyediakan peluang-peluang kerjaya. Reruai kerjaya kami dikunjungi oleh sekitar 1,000 orang pelawat.



Reruai kerjaya KWAP semasa Karnival Kerjaya Malaysia MADANI.

Program KWAP Young Talent (KYT) 3.0

Program KYT merupakan program pengurusan pelatih KWAP yang dilancarkan pada tahun 2014. Program ini menyediakan peluang-peluang untuk peningkatan kerjaya dan pembelajaran menerusi pelbagai intervensi bagi meningkatkan kecekapan serta kepakaran kepimpinan dalam kalangan bakat-bakat muda kami. Selain itu, program ini merupakan usaha dalam mempersiapkan mereka untuk menjadi pakar dan pemimpin masa hadapan di KWAP.

Pada tahun ini, KWAP telah menerima 13 bakat muda dari universiti-universiti tempatan dan antarabangsa untuk Program KYT 3.0. Bagi memupuk pertumbuhan dan pembangunan mereka, individu-individu ini akan menjalani program latihan secara hibrid (maya dan bersemuta) yang komprehensif selama sebulan sebelum mereka ditempatkan di jabatan masing-masing. Kakitangan ini yang datang dari latar belakang yang berpelbagai dengan minda digital diharapkan dapat membawa perspektif baharu dalam KWAP, sejajar dengan visi kami untuk masa hadapan pekerjaan. Dengan kohort terkini, KWAP telah berjaya menempatkan 141 bakat muda sejak bermulanya program ini pada tahun 2014.



Kakitangan Program KWAP Young Talent (KYT) 3.0.

Pelan Penggantian

Pelan penggantian adalah penting bagi memastikan kesinambungan, kemampuan dan tadbir urus yang berkesan untuk aliran kepimpinan KWAP. Strategi-strategi ini dirangkumkan secara sistematik dalam KWAP dan anak-anak syarikatnya. Sekiranya berlaku kekosongan dalam jawatan kritikal di KWAP atau anak-anak syarikatnya, pelan penggantian ini akan diaktifkan serta-merta bagi memilih pengganti yang sesuai dan yang bersedia, serta memastikan peralihan yang lancar tanpa gangguan kepada operasi.

Pelan penggantian kami meliputi:

1. Perbincangan dan penamaan calon pengganti dalam kalangan Pengurusan dan Pengurusan Kanan;
2. Pengenalpastian calon pengganti berdasarkan kriteria;
3. Pengenalpastian calon pengganti yang berpotensi dengan kesediaan jangka pendek (satu sehingga dua tahun) atau jangka sederhana (tiga sehingga lima tahun) bagi memenuhi jangkaan untuk jawatan-jawatan kritikal; dan
4. Pemformalan calon pengganti yang dikenal pasti untuk jawatan-jawatan kritikal di KWAP menerusi kelulusan daripada Jawatankuasa Sumber Manusia.

Sebanyak 92.6% daripada jawatan-jawatan kritikal kami mempunyai sekurang-kurangnya seorang calon pengganti yang telah dikenal pasti dengan kesediaan jangka pendek dan sederhana.

MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN

PENGURUSAN CARUMAN




Kami dimandatkan untuk mengurus, mentadbir dan mengutip caruman bagi pihak Kerajaan Malaysia daripada majikan dan agensi-agensi pencarum mengikut akta-akta yang berkaitan.


Setakat 31 Disember 2023, terdapat 489 majikan aktif (2022: 487) yang mencarum untuk 177,716 kakitangan bertaraf pence. (2022: 176,913) KWAP telah mengutip caruman berjumlah RM2.71 bilion pada tahun ini berbanding RM2.64 bilion pada tahun sebelumnya.

Selaku badan berkanun yang diamanahkan untuk mengutip caruman persaraan, pemantauan proaktif kami memainkan peranan penting dalam mencegah potensi berlakunya ketirisan. Melalui usaha berterusan kami dalam mengurus dan mengutip caruman daripada majikan, kami telah mengadakan sesi libat urus dengan 36 majikan pada tahun ini, yang menghasilkan pemulangan semula caruman sebanyak RM0.81 juta. Setakat 31 Disember 2023, baki akaun tertunggak adalah sebanyak RM15,000, iaitu pengurangan sebanyak 88.6% berbanding RM130,000 pada tahun 2022.

Bilangan Majikan Pencarum




Bilangan Kakitangan Majikan Pencarum



Agihan Majikan Mengikut Negeri



Jumlah Kutipan Caruman



MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)

10 Pencarum Tertinggi

Bil.	Majikan	RM (juta)
1.	Universiti Teknologi Mara	175.76
2.	Majlis Amanah Rakyat	91.30
3.	Universiti Kebangsaan Malaysia	76.75
4.	Universiti Putra Malaysia	51.68
5.	Universiti Malaya	46.00
6.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	45.25
7.	Universiti Teknologi Malaysia	44.44
8.	Hospital Universiti Sains Malaysia	38.98
9.	Universiti Sains Malaysia	35.31
10.	Pusat Perubatan Universiti Malaya	30.51

PENGURUSAN PENCEN



Pencapaian Prestasi Indeks Tahap Perkhidmatan

KWAP diamanahkan sebagai ejen Kerajaan yang bertanggungjawab untuk mentadbir Perkhidmatan Pengurusan Pencen. Prestasi KWAP dipantau rapi, sejajar dengan Indeks Tahap Perkhidmatan (SLA) antara Kerajaan Malaysia dan KWAP. Antara peruntukan yang ditetapkan adalah SLA menggariskan tanggungjawab yang berkaitan dengan pengeluaran pencen, faedah yang disediakan sekiranya berlaku kematian semasa berkhidmat atau selepas bersara, faedah terbitan, bantuan mengurus jenazah serta tuntutan-tuntutan berkaitan. SLA adalah termasuk peratusan minimum sebanyak 95% yang dikawal selia oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada setiap bulan. Kami merekodkan prestasi cemerlang apabila berjaya mengatasi skor prestasi minimum yang ditetapkan secara konsisten, iaitu dengan purata prestasi berwajaran sebanyak 99.4% pada tahun 2023 berbanding dengan 98.4% pada tahun 2022.

Selain itu, kami kekal kukuh dengan komitmen bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pembayaran pencen dan menambah baik perkhidmatan untuk pihak berkepentingan termasuk pesara dan tanggungan mereka. Oleh itu, kami telah melaksanakan beberapa inisiatif yang berjaya meningkatkan fungsi serta kemudahan kepada perkhidmatan.

Perubahan Kaedah Pembayaran Pencen

Kami juga telah melaksanakan langkah proaktif yang mengubah kaedah pembayaran pencen daripada Skim B kepada Skim A. Kaedah ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan proses pembayaran pencen selain mengurangkan bilangan kes pencen yang luput.

Di bawah Skim A, pembayaran pencen dikreditkan secara terus ke dalam akaun bank pesara atau penerima, yang berbeza dengan Skim B di mana pesara atau penerima perlu datang ke kaunter bank pada setiap bulan untuk menuntut bayaran pencen mereka. Kegagalan untuk menuntut pencen tersebut selama tiga bulan berturut-turut akan menyebabkan pembayaran menjadi luput. Pada permulaan tahun 2023, terdapat 4,698 kes pencen luput yang berjumlah RM12.58 juta.

Langkah ini menyasarkan kumpulan pesara yang tertentu termasuk penerima pencen terbitan seperti kanak-kanak kurang upaya, penerima pencen berusia bawah 18 tahun, serta pemegang akaun bank bersama yang dijalankan dalam dua fasa. Hasilnya, 5,281 orang penerima bayaran pencen telah berjaya beralih kepada Skim A.

Penambahbaikan Sistem e-Hemodialisis: Penyelesaian Biometrik (Pengesahan Rawatan Atas Talian)

KWAP telah melaksanakan penambahbaikan ketara ke atas fungsi sistem e-Hemodialisis (eHemo) yang memberi impak positif kepada aspek tempoh proses pembayaran dan pengurusan rekod. Dalam usaha meningkatkan pengalaman pelanggan, KWAP menyedari keperluan untuk terus meningkatkan proses pengesahan di pusat-pusat dialisis yang tertentu.

Pada tahun ini, satu pasukan projek khusus telah dikenal pasti dan berjaya memasang 50 peranti biometrik di pusat-pusat dialisis yang terpilih di seluruh Lembah Klang sebagai sebahagian daripada program rintisnya. Sejak bermulanya projek ini pada 9 November 2023, peranti-peranti yang telah dipasang telah digunakan sepenuhnya oleh pusat-pusat yang terlibat, dengan 17,177 pengesahan oleh pesara dan penerima pencen terbitan yang layak.

Sejak pelaksanaannya, inisiatif ini telah memberi manfaat kepada para pesara, pusat-pusat dialisis dan KWAP selaku ejen yang bertanggungjawab ke atas pembayaran tuntutan perubatan dengan meminimumkan risiko tuntutan yang tidak sah, salah atau penipuan oleh panel dialisis, yang mengurangkan proses manual semasa penyerahan tuntutan oleh panel dialisis dan mempercepatkan tempoh pemprosesan tuntutan.




Wakil KWAP dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) semasa kunjungan ke Pusat Dialisis Avisena, Shah Alam berikutan kejayaan pemasangan peranti biometrik.

Pelaksanaan modul Peningkatan Fail Digital (DFE) dalam PG2 (sistem POWER Gen-2) untuk Pemprosesan Pencen

Bagi meneruskan usaha pendigitalan dalam pemprosesan dokumen untuk pembayaran pencen, kami telah memulakan projek Peningkatan Fail Digital (DFE) yang bermatlamat untuk meningkatkan keberkesanan keseluruhan proses dengan menyokong pendigitalan untuk pemprosesan dokumen.

Pada peringkat awal, sistem DFE berjaya dilancarkan pada bulan Julai 2023 dengan modul-modul terpilih di bawah pemprosesan pasca persaraan iaitu Kematian Dalam Persaraan, Hitung Semula Pencen, Penyelarasian Pencen dan Perubahan Syer untuk Pencen Terbitan.

Pendigitalan proses-proses pasca persaraan lain yang berjaya dilaksanakan pada tahun 2023 adalah termasuk pembayaran untuk:



Modul ini bertujuan untuk memodenkan dan memperkemas pemprosesan pencen dengan meningkatkan kecekapan, ketepatan, aksesibiliti dan keselamatan, sambil mengurangkan kos dan memastikan pematuhan pada peraturan. Sejak dilancarkan, modul ini telah memproses 26,826 dokumen.

MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)

Pelaksanaan Customer 360 Data Warehouse (DW)

Pembangunan *Customer 360 Data Warehouse* (DW) merupakan inisiatif susulan daripada semakan Gudang Data pada tahun sebelumnya. DW yang dipertingkatkan ini adalah sejajar dengan Teras 4 iaitu Strategi Transformasi Digital KWAP, yang bermatlamat untuk membangunkan gudang data berpusat bagi meningkatkan keupayaan analisis digital KWAP. Ini akan meningkatkan analitik yang kukuh ke atas proses-proses dan pesara kami selain membuka lebih banyak peluang perkhidmatan yang lebih baik untuk para pesara melalui saranan-saranan polisi yang berpacukan data dan peningkatan proses yang berterusan.

Jelajah MyPesara

Pada tahun 2023, kami telah melancarkan Program Jelajah MyPesara menerusi inisiatif kerjasama antara KWAP dan JPA. Program libat urus tahunan ini adalah khusus untuk pesara dan bakal pesara berusia 50 tahun ke atas. Ia merupakan platform penting untuk penyebaran maklumat dan kesedaran untuk hal-hal berkaitan dengan persaraan. Program ini tertumpu pada tiga tema utama iaitu perancangan kewangan, kesihatan, dan keusahawanan serta bermatlamat untuk menangani keperluan khusus para pesara dalam mencapai kehidupan pasca persaraan yang lebih baik.

Kami juga telah menziarahi pesara yang berpenyakit kronik dan berpendapatan rendah. Ini merupakan salah satu komponen penting dalam Jelajah MyPesara dan aktiviti libat urus KWAP, yang turut dijalankan dengan kerjasama kerajaan negeri dan persatuan pesara. Objektif utama lawatan ini adalah untuk meringankan cabaran yang dihadapi oleh mereka. Semasa lawatan ini, kami memberi sokongan yang diperlukan dengan

menyediakan barang keperluan asas untuk meringankan sedikit sebanyak beban mereka.

Program Pengesahan Faedah Terbitan

Sebagai komitmen kami dalam menyediakan khidmat pelanggan yang cemerlang, kami bergerak secara proaktif dengan menghubungi penerima pencegah terbitan yang berpotensi.

Program Pengesahan Faedah Terbitan ini merupakan khidmat nilai tambah yang disediakan oleh KWAP, yang bertujuan untuk mengenal pasti penerima pencegah terbitan berkelayakan yang belum memohon faedah terbitan mereka.

Pemeriksaan data awal mendedahkan bahawa tiada permohonan pencegah terbitan telah dikemukakan daripada lebih 3,000 penerima berpotensi. Oleh itu, usaha berhubung khusus dan khidmat sokongan telah dijalankan untuk mengesan mereka.

Program ini menggunakan dua pendekatan iaitu pengesahan data dalaman dan kunjungan secara bersemuka. Pendekatan pertama melibatkan panggilan telefon, kiriman surat dan dapatan semula data daripada fail pesara. Pendekatan kedua pula melibatkan kunjungan terus ke rumah.


Pada tahun ini, program ini telah dijalankan di lima negeri iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Seramai 799 penerima pencegah terbitan berjaya dikenal pasti dan didaftarkan sebagai penerima pencegah terbitan yang layak.

Inisiatif ini sejajar dengan komitmen kami untuk menjadi Teman Persaraan Anda, dalam usaha kami untuk terus menyokong para pesara serta tanggungan mereka.

Program Jelajah MyPesara Tahun 2023



Program Kerjasama Libat Urus Tahun 2023




MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)


DEMOGRAFI PENCEN PADA 31 DISEMBER 2023

Tinjauan Penerima Pencen


Jumlah Penerima Pencen



Penerima Pencen mengikut Tahun




Penerima Pencen mengikut Tahun dan Kategori




Penerima Pencen mengikut Kaum


Pesara



Penerima Pencen



Penerima Pencen Terbitan



Melayu
Cina


Bumiputera
India

Penerima Pencen mengikut Jantina


Pesara




Penerima Pencen mengikut Tahun



Penerima Pencen Terbitan





Penerima Pencen Terbitan mengikut Tahun




Penerima Pencen mengikut Lokasi dan Jantina

Pesara




MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)



Penerima Pencen Terbitan mengikut Lokasi dan Jantina



Penerima Pencen Agihan mengikut Umur



APLIKASI MUDAH ALIH MyPESARA




Bagi meningkatkan pengalaman persaraan untuk era digital, kami telah melancarkan aplikasi mudah alih MyPesara pada tahun 2017. Aplikasi MyPesara menyediakan akses pantas kepada maklumat yang berkaitan dengan persaraan dan berfungsi sebagai platform untuk pesara dan ahli keluarga mereka untuk sentiasa peka mengenai pengumuman dan aktiviti-aktiviti persaraan yang terkini. Selain itu, aplikasi ini juga berfungsi sebagai pusat maklumat mengenai manfaat persaraan, tip kesihatan, tip kewangan, peluang pekerjaan untuk warga emas dan lain-lain panduan mengenai kesejahteraan sosial.

Pada hari ini, aplikasi MyPesara menjadi platform penting untuk KWAP yang menyediakan maklumat berkaitan dengan pembayaran serta menyediakan pengumuman-pengumuman penting. Kami komited untuk menambah baik aplikasi MyPesara bagi meningkatkan pengalaman persaraan para pesara, sejajar dengan slogan kami iaitu Teman Persaraan Anda.

Gambaran Aplikasi Mudah Alih MyPesara

Jumlah Muat Turun 379,693 setakat 31 Disember 2023	Jumlah Pesara yang Berdaftar 131,906
Jumlah Pengguna Aktif 168,436 setakat 31 Disember 2023	Jumlah Bukan Pesara yang Berdaftar 36,530
Jumlah temu janji yang dibuat menerusi aplikasi 31 Disember 2023 1,328	Penarafan Aplikasi 4.56/5
Maklum Balas 5,350	



MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)

Mempertingkatkan Khidmat Pelanggan

Kami terus berusaha untuk meningkatkan kepuasan pelanggan dan tidak hanya selesa dengan perkhidmatan yang sedia ada. Kami gembira menerima jumlah 1,507 pujian dan pada masa yang sama kami mengambil maklum 797 aduan yang direkodkan sepanjang tahun. Semua aduan yang diterima telah diselesaikan dalam tempoh 8.6 hari bekerja, seterusnya mencatat skor 100% di bawah SLA. Jumlah aduan pada tahun ini menurun sebanyak 27% berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, pusat panggilan kami berjaya menjawab 97% daripada jumlah panggilan. Ini merupakan satu peningkatan yang membanggakan oleh pasukan khidmat pelanggan kami, berbanding dengan 84% pada tahun sebelumnya.

Baru-baru ini kami telah memperkenalkan beberapa ciri-ciri baharu termasuk sistem layan diri Respons Interaktif (IVR) dan tinjauan kepuasan pelanggan menerusi pusat panggilan. Sistem IVR mempercepatkan respons kepada pertanyaan lazim dan mengurangkan keperluan untuk pemanggil berhubung dengan wakil khidmat pelanggan. Ini membolehkan pegawai kami menumpukan lebih banyak masa untuk menangani kes-kes rumit. Selain itu, tinjauan kepuasan pelanggan membolehkan pemanggil untuk menilai perkhidmatan yang diterima dan memberi maklum balas demi peningkatan yang berterusan daripada perkhidmatan kami. Kami sentiasa meneroka peluang-peluang baharu untuk peningkatan yang diperibadikan, integrasi saluran berpelbagai dan lebih banyak penggunaan teknologi bagi meningkatkan pengalaman pelanggan dalam era digital ini.

INISIATIF TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



KWAP berusaha untuk mencapai misinya menerusi inisiatif-inisiatif libat urus dan pemerkasaan masyarakat, khususnya yang melibatkan para pesara dan tanggungan mereka. Ini merangkumi pelbagai acara-acara korporat, libat urus masyarakat, usaha kemampunan dan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR). Dengan menangani cabaran-cabaran sosial dan usaha dalam mencipta impak sosial, ekonomi dan alam sekitar yang positif untuk jangka panjang, KWAP berlitzam untuk meningkatkan kesejahteraan pihak berkepentingan serta kemajuan negara kita.

Inisiatif Cahaya Berembang

Inisiatif Cahaya Berembang yang berlangsung pada 23 Februari 2023 di Kampung Sungai Panjang, Sabak Bernam merupakan pencapaian yang membanggakan untuk KWAP. Inisiatif CSR ini disertai oleh 58 sukarelawan yang terlibat dalam pelbagai aktiviti termasuk mengecat semula jeti, menanam 150 pokok bakau di sepanjang sungai dan memperindah landskap Pusat Pemuliharaan Kelip-Kelip dengan 400 tumbuhan. Para sukarelawan juga berpeluang untuk bertemu dengan para pesara yang terpilih dan memberi maklumat ringkas mengenai fungsi KWAP, hal-hal berkaitan pencen, mempromosikan aplikasi MyPesara, platform media sosial KWAP serta program-program libat urus bersama pesara yang akan datang.

KWAP terus komited terhadap pelaksanaan usaha-usaha ini. Objektif kami adalah termasuk untuk meningkatkan populasi kelip-kelip menerusi inisiatif penanaman pokok tambahan, memupuk kemajuan sosioekonomi masyarakat pedalaman, membangunkan wilayah ini sebagai destinasi pelancongan utama di Malaysia dan meningkatkan sumbangan kami terhadap pemeliharaan alam sekitar pada masa hadapan.

Inspirasi Maya : Digital Untuk Semua

Program Inspirasi Maya: Digital Untuk Semua berlangsung pada 27 Februari 2023 di Dewan Orang Ramai Chengkau, Rembau, Negeri Sembilan. Inisiatif CSR ini telah meninggalkan impak positif kepada 100 kanak-kanak sekolah. Sumbangan KWAP iaitu 100 buah komputer riba dan komputer meja yang diperbaharui disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif kami, Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed dan disertai oleh Ketua Pegawai Digital, Encik Maz Mirza Aminurashid.

Seramai 13 sukarelawan KWAP terlibat dalam inisiatif ini, yang melibatkan kunjungan ke rumah tiga orang pesara di Rembau sebagai sebahagian daripada Program Menyantuni Pesara. Libat urus ini memupuk interaksi secara langsung dengan pihak berkepentingan, yang memberi perspektif bernilai dan membuktikan komitmen kami dalam mendekati masyarakat.

Sumbangan RM1 juta kepada Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin

Kami telah menyumbang sebanyak RM1 juta kepada Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin yang diuruskan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negara Malaysia. Sumbangan ini menggariskan komitmen kami terhadap Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu khususnya Matlamat 1: Tiada Kemiskinan, Matlamat 2: Kelaparan Sifar, Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik, Matlamat 10: Pengurangan Ketidaksamaan, Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh, dan Matlamat 17: Kerjasama mencapai Matlamat-Matlamat Ini. Ia juga sejajar dengan usaha kerjasama antara Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC). Cek diserahkan oleh Encik Hazman Hilmie Sallahuddin, Ketua Pegawai Pelaburan KWAP, kepada YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia di Seri Perdana, Putrajaya. Sumbangan ini menggariskan sokongan padu kami terhadap usaha kemanusiaan dan komitmen kami dalam mencipta impak positif di peringkat global.



Ketua Pegawai Pelaburan KWAP, Encik Hazman Hilmie Sallahuddin, menyampaikan cek contoh kepada Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, di Seri Perdana, Putrajaya.

Program Motivasi MySTEP Lembaga Kenaf Dan Tembakau Negara (LKTN) Bersama KWAP

Sejajar dengan usaha Kerajaan untuk menangani isu pengangguran dalam kalangan belia, KWAP telah menjalin kerjasama strategik dengan LKTN bagi menyediakan peluang pekerjaan jangka pendek untuk lebih 300 kakitangan di bawah program MySTEP. Kakitangan ini yang terdiri daripada pemegang sijil SPM, Diploma dan Ijazah secara amnya terlibat dalam Pentadbiran, Pemprosesan Fiber (*Operator*), pemantauan tanaman, IT dan R&D dalam operasi-operasi LKTN di Kelantan dan pelbagai lokasi di Semenanjung Malaysia.

Semasa program ini, satu sesi motivasi bertajuk *Break the Silence, Live the Best Life* disampaikan oleh Encik Zarif Affandi, sebagai dorongan untuk para peserta yang menghadapi cabaran dan mengejar kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan. Program ini diteruskan dengan kunjungan ke rumah pesara yang berpendapatan rendah bersama CEO kami, Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed dan wakil-wakil KWAP sebagai sebahagian daripada usaha CSR yang berterusan untuk pihak berkepentingan. Dengan peningkatan kos sara hidup pasca pandemik, inisiatif ini diharapkan dapat membantu mereka melalui sumbangan barang keperluan asas dan bantuan makanan.

Kunjungan Penanda Aras ke KWAP

Pada tahun ini, KWAP telah menerima beberapa kunjungan penanda aras yang melibatkan delegasi dari Maldives Pension Fund pada 11 Januari 2023 dan Kenya Pension Fund pada 14 Disember 2023. Matlamat utama kunjungan ini adalah untuk berkongsi pengetahuan mengenai pelaburan, tadbir urus, digitalisasi dan operasi persaraan antara KWAP dan organisasi-organisasi dana persaraan tersebut. Para peserta dapat mendalami skim persaraan mampan dan strategi KWAP bagi memastikan kesejahteraan berpanjangan untuk para pesara. Kunjungan-kunjungan tersebut juga melibatkan sesi penanda aras bagi mengkaji struktur dan fungsi korporat dalam ekosistem pelaburan dan persaraan.

MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)

Bursa Bull Charge

Penyertaan KWAP dalam acara *Bursa Bull Charge* 2023 merupakan penglibatan tahun ketujuh kami dalam inisiatif CSR anjuran Bursa Malaysia ini, yang mencerminkan komitmen teguh kami terhadap CSR khususnya yang berkaitan dengan teras Ekosistem Pelaburan di bawah Dasar CSR kami. Hal ini juga mencerminkan komitmen KWAP dalam memperkayakan masyarakat dan memupuk budaya kesejahteraan dan perpaduan dalam kalangan kakitangan kami.

Encik Hazman Hilmi Sallahuddin, Ketua Pegawai Pelaburan kami, mendapat kedudukan 20 teratas dalam Kategori CEO Veteran Lelaki 1.5km, manakala Encik Kamraj Shanmuganathan dari Jabatan Ekuiti mendapat kedudukan 10 teratas dalam Kategori Terbuka Lelaki 5km. Selain itu, 20 pelari lain juga telah menunjukkan semangat kesukanan yang cemerlang. Acara ini turut menyaksikan kumpulan pasukan sorak KWAP yang memberi sokongan kepada para pelari kami dan menaikkan lagi semangat setiakawan.

Agihan Bungkusan Prihatin MyPesara

Prihatin MyPesara KWAP merupakan inisiatif yang bertujuan untuk mengurangkan kesukaran yang dihadapi oleh pesara berpendapatan rendah di Lembah Klang. Berikut keluasan jangkauan kepada masyarakat miskin bandar pada tahun 2023, Prihatin MyPesara turut merangkumi perayaan-perayaan utama dan sambutan yang bersempena peristiwa-peristiwa utama seperti Hari Merdeka dan Hari Malaysia. Di bawah pengendalian oleh sukarelawan yang berdedikasi, hampir 1,000 pesara dan masyarakat yang terpilih telah mendapat manfaat daripada Prihatin MyPesara, yang menggariskan komitmen padu KWAP terhadap kebajikan dan perpaduan masyarakat.

Kasih KWAP

Diperkenalkan sejak tahun 2014, program Kasih KWAP menjawai semangat bulan Ramadan menerusi pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk menyokong masyarakat yang disasarkan. Sehingga kini, inisiatif ini telah memberi impak positif kepada lebih 3,000 individu termasuk kanak-kanak yang kurang bernasib baik, warga tua, golongan asnaf, pesara yang berpendapatan rendah serta tanggungan mereka, dan penduduk masyarakat setempat. Sejajar dengan Pelan Hala Tuju dan Strategi Penjenamaan kami, fokus inisiatif Ramadan dan sasaran penerima manfaat ini ialah pesara dan penerima pencen terbitan.

a) *The Path of Discovery* oleh Ustaz Mizi Wahid

KWAP telah menjemput penceramah terkenal, Ustaz Mizi Wahid untuk memberi empat sesi tazkirah Ramadan kepada kakitangan yang disiarkan secara langsung menerusi saluran Facebook kami. Antara topik yang dipilih adalah *You Are Enough: Developing a Healthy Self Image*, *Handling Uncertainties with Faith and Confidence*, *The Fault in Us: Being Honest with Ourselves and Working on Our Shortcomings*, dan *Breaking the Silence: Rising Above the Stresses of Everyday Life and Unconditional Love with the Almighty*.

b) Agihan Bungkusan Kurma

Lebih 2,000 bungkusan kurma telah diagihkan kepada kakitangan dan pihak berkepentingan kami sepanjang bulan Ramadan. Kurma telah dibungkus dalam beg mesra alam bagi mempromosikan tanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar.

c) Iqra Ramadan

Bagi mendorong produktiviti kakitangan dan pesara sepanjang bulan Ramadan serta meningkatkan pemahaman mereka mengenai surah-surah Al-Quran, empat sesi Iqra Ramadan telah dijalankan oleh ustaz yang bertauliah secara dalam talian. Surah-surah yang terpilih adalah termasuk Surah An-Nas, Surah Al-Ikhlas dan Surah Al-Kausar.

d) Ihya Ramadan

Di bawah inisiatif Ihya Ramadan, dua buah masjid iaitu Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam dan Masjid Jamek Sultan Hisamuddin di Sepang telah dipilih bagi membantu qariah untuk menyediakan bubur lambuk, hidangan berbuka puasa dan sesi tazkirah oleh ustaz jemputan. Hampir 3,000 hidangan bubur lambuk serta 1,300 hidangan berbuka puasa dan moreh telah diagihkan kepada kedua-dua masjid. Sukarelawan ditugaskan untuk membantu dalam kerja-kerja penyediaan dan pengagihan bubur lambuk kepada masyarakat sekeliling.

e) Lawatan Amal ke Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka

Sebagai salah satu daripada inisiatif Kasih KWAP, kami telah mengadakan lawatan amal ke Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka. Sukarelawan terlibat dalam pelbagai aktiviti termasuk menghias premis dengan hiasan sambutan perayaan Aidilfitri yang memupuk semangat perayaan dan kebersamaan.

Bungkusan kurma juga turut diagihkan kepada penghuni selain sesi tazkirah Ramadan sebagai santapan rohani bagi menghayati bulan mulia ini. Program ini diakhiri dengan hidangan berbuka puasa yang dikongsi bersama sukarelawan KWAP dan penghuni bagi memupuk semangat setiakawan dan perpaduan. Menerusi usaha dan memberi sokongan, KWAP memperjuangkan rasa belas kasihan, dan tanggungjawab sosial, yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang bingkas dan didukung oleh keprihatinan dan keharmonian.

KWAP Sejiwa Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan

Kami telah memperluaskan inisiatif KWAP Sejiwa dengan memperkenalkan pelbagai aktiviti yang mempromosikan prinsip-prinsip Malaysia MADANI.

Aktiviti-aktiviti ini termasuk Bengkel Pembuatan Wau yang dikendalikan oleh pesara yang berkemahiran dari sebuah kedai seni dan kraf, Pertandingan Video Patriotik dengan tema Tekad Perpaduan Penuhi Harapan, serta inisiatif Penyampaian Pakej Hari Jadi Edisi KWAP Prihatin-Merdeka. Sukarelawan telah mengagihkan pakej-pakej Merdeka dan Hari Malaysia kepada pesara yang lahir pada 31 Ogos dan 16 September di sekitar Lembah Klang.

Satu lagi penambahan kepada program ini adalah pelancaran Bazar MyPesara, yang merupakan usaha kerjasama dengan KPJ Healthcare yang diadakan sebagai platform untuk para pesara yang memiliki perniagaan kecil-kecilan di rumah untuk mempromosi produk-produk dan perkhidmatan mereka.

Seramai 22 sukarelawan KWAP telah menyertai Perarakan Hari Merdeka di Dataran Putrajaya buat julung kalinya, bersama organisasi-organisasi lain sebagai simbol perpaduan. Penyertaan ini merupakan usaha kerjasama dalam Kontinjen Gabungan GLIC, yang terdiri daripada KWAP, Perbadanan Nasional Berhad (PNB), Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dengan jumlah 150 perwakilan.

Inisiatif seperti KWAP Sejiwa menegaskan komitmen kami dalam memupuk semangat patriotik, perpaduan dan kemajuan dalam terus menyumbang kepada kemakmuran negara.

MODAL SEMULA JADI



Antara komitmen kami terhadap pelaburan mampan dan bertanggungjawab, kami bertekad untuk menangani isu perubahan iklim menerusi strategi penyahkarbonan secara menyeluruh. Menyedari akan impak daripada hasil jejak karbon, kami bertekad untuk mencapai pulangan yang mampan dengan bertanggungjawab. Sebagai pelabur jangka panjang yang bertanggungjawab, usaha menangani risiko iklim untuk masa kini dan masa hadapan adalah penting untuk model operasi kami.

GARIS PANDUAN DAN RANGKA KERJA ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG)

Kami terus mempraktikkan amalan-amalan baik ESG dalam seluruh aktiviti perniagaan dan operasi kami, yang merangkumi semua aspek teras iaitu pelaburan, operasi dan sokongan serta perkhidmatan persaraan. Kami menerapkan pertimbangan ESG dalam semua proses pembuatan keputusan yang berkaitan dengan pelaburan melalui garis panduan dan rangka kerja berikut:

- Dasar Pelaburan dan Garis Panduan Pelaburan
- Garis Panduan Kemampanan Kumpulan KWAP
- Garis Panduan ESG untuk Pelaburan
- Garis Panduan Mengundi KWAP
- Garis Panduan ESG untuk Pelaburan Pendapatan Tetap
- Metodologi Penjejakan ESG
- Garis Panduan ESG untuk Pelaburan Ekuiti Persendirian
- Pelan Hala Tuju Kemampanan KWAP
- Rangka Kerja Risiko Kemampanan
- Dasar Risiko Kemampanan

PERALIHAN KEPADA SIFAR BERSIH

Menyedari cabaran alam sekitar yang semakin membimbangkan, kami telah menetapkan sasaran tinggi dan menerima pakai pendekatan berpelbagai bagi mengurangkan pelepasan karbon dalam seluruh portfolio pelaburan kami.

Pada tahun 2023, kami telah memulakan pemeriksaan yang menyeluruh ke atas pelepasan jejak karbon bagi menentukan garis dasar untuk tahun 2022. Langkah ini merangkumi dua komponen iaitu Pelepasan bagi Perniagaan dan Pelepasan yang Dibiayai.

Komitmen kami untuk mencapai sifar bersih digariskan oleh pendekatan holistik kami termasuk penetapan sasaran jangka pendek bagi mengurangkan pelepasan karbon, melabur dalam penyelesaian isu iklim dan memajukan peralihan kepada ekonomi global sifar bersih.

SOROTAN UNTUK USAHA-USAHA BERKAITAN ALAM SEKITAR



Mewujudkan **Skop 1, 2, dan 3 untuk garis dasar pelepasan karbon**



Komitded untuk meningkatkan pelaburan dalam aset peralihan kepada **RM20 bilion** menjelang tahun 2030



Komitded kepada **Portfolio Sifar Bersih** menjelang **tahun 2050**



Lima daripada **21 hartaanah** kami memiliki **pensijilan hijau** dalam portfolio hartaanah yang diuruskan oleh kami secara langsung

Pada tahun 2023, kami telah merangkumkan semua pelepasan GHG daripada Skop 1, 2 dan 3 dalam pelaporan alam sekitar kami. Dengan menggunakan Protokol GHG dan metodologi pengiraan *Partnership for Carbon Accounting Financials* (PCAF), pendedahan pelepasan karbon KWAP adalah 6,369,232.09* tCO₂e berdasarkan Skop 1, 2 dan 3. Bagi menguruskan portfolio pelepasan karbon kami dengan lebih baik pada masa hadapan, kami telah menetapkan tahun 2022 sebagai garis dasar untuk pelepasan karbon. Garis dasar ini bertujuan untuk membantu kami menetapkan sasaran-sasaran bagi masa hadapan dalam mengurangkan pelepasan karbon serta membolehkan kami memantau kemajuan dengan lebih berkesan dalam usaha penyahkarbonan KWAP dan portfolio pelaburan kami. Ia akan menjadi parameter dalam mengukur prestasi strategi penyahkarbonan kami.

Kami menilai pelepasan karbon yang dihasilkan oleh pelaburan kami dengan menggunakan Piawaian Perakaunan dan Pelaporan GHG yang direka khas untuk industri kewangan, yang dibangunkan oleh PCAF.

Kelas-kelas aset yang relevan kepada KWAP:

 Ekuiti tersenarai dan bon korporat	 Pinjaman perniagaan dan ekuiti tidak tersenarai
 Projek Kewangan	 Hutang berdaulat

* Garis dasar pelepasan karbon Skop 1, 2 dan 3 telah ditetapkan berdasarkan data Tahun Kewangan 2022.

Jumlah pelepasan karbon yang dibayai secara mutlak oleh kami adalah 6,365,134.51 tCO₂e. Portfolio peminjaman KWAP mempunyai pendedahan kepada pelepasan karbon iaitu empat daripada tujuh kelas aset berdasarkan Piawaian Perakaunan dan Pelaporan GHG. Semua pelepasan karbon ini berjumlah RM145.04 bilion, yang mewakili 100% portfolio peminjaman dan pelaburan KWAP.¹

AKTIVISME DAN PENGURUSAN PEMEGANG SAHAM

Kami berhubung secara proaktif dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan mengenai isu-isu ESG yang menggunakan undian proksi dan pemilikan aktif bagi mempengaruhi hasil. Pendekatan kami yang berdasarkan ketelusan, akauntabiliti dan peningkatan yang berterusan mencerminkan komitmen kami dalam pelaburan yang bertanggungjawab. Ini sejajar dengan tumpuan kami terhadap kesihatan kewangan dalam jangka panjang untuk benefisiari kami serta kesejahteraan masyarakat. Melalui libat urus langsung dan undian proksi, kami menggesa syarikat-syarikat agar meningkatkan pendedahan mereka serta menangani cabaran-cabaran dan peluang-peluang kemampunan.


Pada tahun 2023, kami telah menggunakan sepenuhnya hak mengundi kami dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM). Kami telah membentangkan 127 resolusi kepada syarikat-syarikat penerima pelaburan dan yang telah mengundi, sejajar dengan Garis Panduan Mengundi KWAP yang telah diterbitkan.

Bagi menangani isu-isu tertentu dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan, kami telah memulakan perbincangan bersasar yang tertumpu pada tadbir urus dan inisiatif-inisiatif strategik mereka melalui:

1. Pengundian di AGM/EGM

KWAP menyedari akan tanggungjawab besar yang mengiringi peranan berpengaruh kami dalam persekitaran pelaburan. Sebagai pelabur yang teliti, kami memastikan peningkatan yang berterusan dalam kalangan syarikat-syarikat penerima pelaburan melalui amalan-amalan dan prestasi ESG dalam libat urus dengan mereka. Libat urus ini diterajui oleh barisan pengurusan dan para pegawai KWAP menerusi AGM/EGM serta mesyuarat-mesyuarat persendirian.

Pengundian di AGM/EGM



2. Libat Urus Syarikat

Pada Disember 2023, pegawai-pegawai KWAP telah menyertai Lawatan Penyelidikan ke Texas dan New York yang dikendalikan oleh Daiwa dan juga mengunjungi 17 syarikat untuk mengkaji kemajuan mereka dalam aspek kewangan dan ESG.

Berdasarkan pemerhatian umum, kami telah mengenal pasti faktor-faktor berikut yang berkaitan dengan ESG:

a. Alam Sekitar

Kebanyakan syarikat tersebut mempunyai sasaran iklim yang sejajar dengan SBTi. Pelan mitigasi syarikat-syarikat ini termasuk yang berkaitan dengan pengurusan sisa, perolehan pensijilan bangunan hijau dan menyumberkan tenaga tapak milik mereka daripada tenaga yang boleh diperbaharui.

b. Sosial

Fokus utama untuk Sosial merangkumi inisiatif-inisiatif Kepelbagai, Keadilan dan Keterangkuman khususnya:

- Mempelbagaikan komposisi pasukan kepimpinan utama agar lebih ramai pengarah daripada kalangan bukan berkulit putih.
- Merapatkan jurang gaji antara kakitangan lelaki dan perempuan agar mencerminkan gaji yang saksama antara kedua-dua jantina.
- Mendapatkan sumber atau membiayai perniagaan yang dimiliki oleh individu berkulit hitam atau warga Asia/Hispanik.

¹ Butiran lanjut mengenai usaha kemampunan KWAP boleh didapati dalam Laporan Kemampunan 2023 kami di laman sesawang kami di www.kwap.gov.my

MODAL SEMULA JADI (SAMBUNGAN)

c. Tadbir Urus

Secara amnya, ahli Lembaga di semua syarikat mempunyai fungsi pengawasan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan ESG. Selain itu, kebanyakan syarikat mengaitkan pelan pampasan tahunan eksekutif dengan prestasi ESG syarikat.

3. Pembinaan Kapasiti

- Program Ceramah

Pengurusan Kanan KWAP pernah menjadi penceramah jemputan dalam acara-acara ESG seperti:

- i. *Sustainable and Responsible Investment (SRI) 2022 Virtual Conference: Preserving the Climate through Sustainable Business and Living* anjuran SIDC.
- ii. *Asian Investor - Investing for The Future: ESG Opportunities and Implementations.*

- Sesi Perkongsian Ilmu Berkaitan dengan ESG

- i. Pada November 2023, KWAP telah menganjurkan *KWAP-Invesco LEAP Programme 2023 on Sustainable Investing Trends and Opportunities*. Topik-topik ESG yang dibincangkan termasuk Tinjauan ESG, Pelaburan Iklim, Ekonomi Kitaran dan Pelaburan Alam Semulajadi. Program ini dihadiri oleh 106 kakitangan daripada pelbagai jabatan.

4. Sesi Penglibatan Penganalisis

Penganalisis penyelidikan dalaman kami telah melaksanakan 573 sesi penglibatan, yang terdiri daripada 329 interaksi domestik dan 244 interaksi antarabangsa. Penglibatan ini merangkumi taklimat penganalisis, mesyuarat dalaman dan perbincangan dengan syarikat pelaburan, yang memberi penekanan khusus pada penilaian amalan ESG mereka.

Bilangan sesi libat urus



MELABUR DALAM ASET-ASET PERALIHAN

Pelaburan KWAP dalam Vantage Solar UK Limited (VSUK) pada tahun 2017 bersama Tenaga Nasional Berhad merupakan usaha pertama kami memasuki sektor penjanaan tenaga mampan dan boleh diperbaharui. VSUK memiliki dan mengendalikan 24 fotovoltaik solar dengan kapasiti 365 MW, yang meliputi seluruh United Kingdom. Pelaburan ini menggariskan komitmen kami terhadap kemampaman alam sekitar dalam pelaburan dan sebagai usaha kami memerangi perubahan iklim.

VSUK menjana 342.63 GWh daripada projek penjanaan kuasa PV solar berskala besar pada tahun 2023. Ini merekodkan sedikit penurunan sebanyak 6.4% tahun ke tahun, yang berpunca daripada sinaran tenaga suria yang lebih rendah. Ini bersamaan dengan tenaga yang diperlukan untuk menguasai isi rumah iaitu kira-kira 92,602 pada setiap tahun.

Kami percaya dengan kepentingan dalam menangani cabaran-cabaran kemampaman serta peralihan kepada sumber-sumber tenaga bersih dalam mengehadkan pemanasan global di bawah 1.5°C. Oleh itu, kami berhasrat untuk meningkatkan pelaburan dalam aset peralihan kepada RM20 bilion menjelang tahun 2030.

MEMPROMOSI BANGUNAN HIJAU DAN AMALAN PEMBANGUNAN HARTANAH YANG MAMPAAN

Lima daripada 21 hartaan KWAP telah menerima pensijilan hijau, manakala empat hartaan dalam proses mendapatkan pensijilan yang sama. Kami terus mendukung prinsip-prinsip ESG dalam pelaburan kami seperti yang termaktub dalam proses pelaburan kami.

Komitmen ESG dalam Hartanah KWAP:



Semua hartaan logistik dan pejabat yang sedia ada akan diiktiraf dengan **pensijilan hijau** menjelang **tahun 2030**.



KWAP akan **melabur dalam pejabat dan logistik yang mempunyai pensijilan hijau**.

Bangunan-bangunan Pejabat dan Logistik yang mempunyai Pensijilan Hijau dalam Portfolio KWAP

Lima daripada 21 hartaan memiliki pensijilan hijau.



MALAYSIA



Menara Integra, Kuala Lumpur (Pejabat)

LEED (Platinum Core & Shell)



Menara Capsquare, Kuala Lumpur (Pejabat)

Green Building Index Malaysia & LEED (Emas)



AUSTRALIA



747, Collins Street, Melbourne (Pejabat)

NABERS Energy (6.0) & NABERS Water (5.0)

Bangunan-bangunan Pejabat dan Logistik yang akan menerima Pensijilan Hijau

Empat hartaan akan diiktiraf oleh pensijilan hijau.



AUSTRALIA



133 Lenore Drive, Sydney (Logistik)

NABERS certification



145, Lenore Drive, Sydney (Logistik)

NABERS certification



38-46 Bernera Road, Sydney (Logistik)

NABERS certification



UNITED KINGDOM



100 Cheapside, London (Pejabat)

BREEAM (Excellent), LEED (Platinum) & EPC (B)



UNITED KINGDOM



10 Gresham Street, London (Pejabat)

BREEAM certification



JERMAN



Zalando, Erfurt (Logistik)

DGNB (Gold)



06

**MEMPERKAYAKAN
AKAUNTABILITI
DAN INTEGRITI**



PROFIL AHLI LEMBAGA



**DATUK JOHAN
MAHMOOD MERICAN**

*Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
Seksyen 6(4)(a) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007
Pengerusi*

Datuk Johan Mahmood Merican telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga KWAP pada 27 Februari 2023.

Beliau merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Sebelum pelantikan tersebut, beliau telah memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan sejak Mac 2022.

Datuk Johan pernah menyandang pelbagai jawatan Kerajaan termasuk Pengarah Belanjawan, Pejabat Belanjawan Negara di Kementerian Kewangan; Timbalan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi (EPU), dan Ketua Pegawai Eksekutif di Talent Corporation Malaysia. Sebelum beliau berkhidmat dalam Kerajaan pada tahun 2004, beliau telah bertugas selama sembilan tahun dalam sektor swasta dalam bidang kewangan korporat dan perakaunan.

Datuk Johan merupakan Akauntan Bertauliah di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) dan berkelulusan Ijazah Ekonomi dari University of Cambridge, United Kingdom.

**ENCIK ADNAN ZAYLANI
BIN MOHAMAD ZAHID**

*Wakil Bank Negara Malaysia
Seksyen 6(4)(b) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

Encik Adnan Zaylani telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2021. Beliau kini merupakan Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) sejak September 2023.

Sepanjang kerjayanya selama 29 tahun bersama BNM, beliau telah terlibat dalam pelbagai bidang perbankan pusat yang terdiri daripada pelaburan dan pasaran kewangan, dasar pertukaran asing, kewangan Islam dan pembangunan sektor kewangan. Beliau kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pasaran Kewangan, ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Perbadanan Pengurusan Kecairan Islam Antarabangsa, dan Lembaga Pengarah Pusat Pendidikan Antarabangsa dalam Kewangan Islam.

Encik Adnan Zaylani memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang Dasar Awam dari Blavatnik School of Government, University of Oxford. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana Sains dalam Ekonomi Pasaran Global dan Sarjana Muda Sains dalam bidang Ekonomi dari London School of Economics di United Kingdom.

PROFIL AHLI LEMBAGA (SAMBUNGAN)



**DATUK DR. SHAHRAZAT
BINTI HAJI AHMAD**

*Wakil Kementerian Kewangan
Seksyen 6(4)(c) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 11 Oktober 2023. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) di Kementerian Kewangan.

Datuk Dr. Shahrazat memulakan kerjaya pada awal tahun 1995 sebagai Penolong Setiausaha dan kemudiannya sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Syarikat-Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC). Beliau kemudian menyertai Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri dan memegang beberapa jawatan seperti Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Pengarah (Bahagian Penilaian Hasil), Pengarah (Bahagian Sosial), Pengarah (Bahagian Ekonomi), dan Timbalan Pengarah (Bahagian Infrastruktur) dari tahun 2010 sehingga tahun 2021. Beliau kemudian dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) di Kementerian Pertahanan dari November 2021 sehingga Oktober 2023 sebelum dipindahkan ke jawatan semasanya di Kementerian Kewangan.

Datuk Dr. Shahrazat juga berkhidmat sebagai Pengarah di Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN), Pengarah di Telekom Malaysia Berhad dan Pengarah di beberapa syarikat swasta di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Beliau memegang Diploma Lanjutan Perakaunan dari Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1993 dan kemudiannya memperoleh Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (Sains Sosial) dalam Ekonomi Antarabangsa dari International University of Japan dan Doktor Falsafah dari University of Kitakyushu, Japan.



**DATUK HAJAH NIK AMLIZAN
MOHAMED**

*Ketua Pegawai Eksekutif (Ahli Ex-Officio)
Seksyen 6(4)(d) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

**DATUK AHMAD TERRIRUDIN
BIN MOHD SALLEH**

*Wakil Kerajaan Persekutuan
Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

Datuk Hajah Nik Amlizan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif serta ahli Lembaga KWAP sejak 2 November 2020.

Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) sejak September 2018. Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Pelaburan KWAP dan berkhidmat di organisasi ini dengan memikul pelbagai peranan sejak mula menyertai KWAP pada tahun 2007.

Kerjaya profesional beliau menjangkau lebih 30 tahun dalam bidang perkhidmatan kewangan dan dana persaraan, mengawasi fungsi pelaburan yang merentasi semua kumpulan aset dan beliau turut mempunyai pengalaman luas dalam industri pengurusan dana, perubahan transformasi dan pengurusan perubahan serta tadbir urus korporat.

Beliau kini merupakan Penggerusi Majlis Pelabur Institusi Malaysia dan ahli Institut Integriti Malaysia. Beliau ialah ahli Lembaga di Prima Ekuiti (UK) Limited dan KWEST Sdn Bhd, yang kedua-duanya merupakan anak syarikat milik penuh KWAP.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi / Perakaunan dari Claremont McKenna College, Amerika Syarikat pada tahun 1991. Beliau juga telah menamatkan Program Pengurusan Lanjutan dari Harvard Business School pada tahun 2023 dan merupakan ahli Harvard Business School Alumni.

Datuk Ahmad Terrirudin telah dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 16 Oktober 2023. Beliau kini berkhidmat sebagai Peguam Negara Malaysia. Sebelum ini, beliau merupakan Peguam Cara Negara Malaysia.

Datuk Ahmad Terrirudin mempunyai pengalaman melebihi 28 tahun dalam perkhidmatan Kerajaan, khususnya dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan di mana beliau memegang pelbagai jawatan termasuk Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen, Pegawai Khas kepada Ketua Hakim Negara Malaysia, Timbalan Ketua Bahagian Sivil, Penasihat Perundangan Negeri Kedah, dan Ketua Pendaftar di Mahkamah Persekutuan.

Datuk Ahmad Terrirudin memiliki Ijazah Sarjana Muda Perundangan (Kepujian) dari Universiti Malaya.

PROFIL AHLI LEMBAGA (SAMBUNGAN)



**PUAN NOR YATI
BINTI AHMAD**

Wakil Kerajaan Persekutuan
Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

**DATO' AZMI
BIN ABDULLAH**

Wakil Sektor Swasta
Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Puan Nor Yati binti Ahmad dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 6 November 2023. Beliau kini berkhidmat sebagai Akauntan Negara Malaysia, berkuat kuasa pada 18 September 2023. Sebelum ini, beliau merupakan Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan pernah berkhidmat dalam pelbagai jabatan di peringkat negeri dan persekutuan sepanjang 28 tahun perkhidmatan beliau.

Kini, beliau merupakan Pengurus Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Kerajaan yang mengeluarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan ahli Lembaga di Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa. Puan Nor Yati Ahmad juga merupakan ahli Malaysia Institute of Accountant (MIA) dan Certified Practicing Accountant Australia (CPA Australia).

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Sarjana Perakaunan dan Kewangan dari University of Adelaide, Australia.

Dato' Azmi bin Abdullah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2021.

Beliau kini merupakan Pengarah di Ireka Corporation Berhad, ahli Lembaga Pengarah di Transnational Insurance Brokers Sdn Bhd, dan juga ahli Lembaga Pengarah di beberapa syarikat sendirian berhad.

Beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif pertama SME Bank melebihi empat tahun serta Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif di Bumiputera-Commerce Bank Berhad di mana beliau berkhidmat lebih 26 tahun dalam pelbagai jabatan. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Bank Muamalat Malaysia Berhad dari tahun 2009 sehingga tahun 2018.

Beliau memegang Ijazah Ekonomi B.A. (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ijazah Kehormat Kedoktoran dalam Pentadbiran Perniagaan dari UKM pada 16 Ogos 2006.



**YM RAJA TEH MAIMUNAH
BINTI RAJA ABDUL AZIZ**

Wakil Sektor Swasta

Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

YM Raja Teh Maimunah telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga sejak 1 Mac 2021.

YM Raja Teh Maimunah mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam perkhidmatan kewangan yang merangkumi Pelaburan, Borong, Islam dan Perbankan Digital. Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif AEON Bank. Sebelum pelantikan beliau yang terkini, beliau merupakan Pengarah Urusan Perbankan Borong, Kumpulan AmBank dan Ketua Pegawai Eksekutif AMLInvestment Bank dan sebelum itu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong Islamic Bank Berhad serta Ketua Pegawai Operasi Inovasi Digital dan Perbankan Transaksi di Kumpulan Perbankan Hong Leong. Terdahulu, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pasaran Islam Global di Bursa Malaysia, Ketua Pegawai Korporat dan Ketua Perniagaan Antarabangsa di Kuwait Finance House Malaysia, Pengarah Kanan Bank Alkhair Bahrain (sebelum ini dikenali sebagai Unicorn Investment Bank) dan Ketua Pelaburan Perbankan di RHB Sakura Merchant Bank (kini RHB Investment Bank).

YM Raja Teh Maimunah juga pernah berkhidmat dalam Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (agensi pengurusan aset dan pemulihan hutang negara Malaysia) semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1998 dan juga CIMB Investment Bank selama hampir 10 tahun dalam bahagian hutang dan permulaan ekuiti dan jualan ekuiti. Beliau memulakan kerjayanya di KPMG Peat Marwick Consultants.

Beliau telah dianugerahkan Ijazah Kedoktoran Kehormat Undang-undang dari University of East London, United Kingdom dan memperoleh LLB (Kepujian) dari universiti yang sama.

YM Raja Teh Maimunah merupakan ahli Lembaga Pemegang Amanah untuk Amanah Warisan Negara dan Penasihat Perbankan dan Kewangan Islamik kepada Yayasan Forum Ekonomi Islam Dunia. Beliau juga menganggotai Lembaga Penasihat untuk PichaEats yang merupakan sebuah perusahaan sosial.

PROFIL AHLI LEMBAGA (SAMBUNGAN)



**DATO' MAZNAH
BINTI ABDUL JALIL**

Wakil Sektor Swasta

Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Dato' Maznah binti Abdul Jalil dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2023.

Beliau memiliki lebih 30 tahun pengalaman dalam perbankan pelaburan dengan sebuah bank pelaburan dan Kumpulan Syarikat DRB-Hicom Berhad.

Kini, beliau merupakan Pengurus Panel Pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Beliau merupakan Pengarah di Malayan Flour Mill Berhad, Innature Berhad, Opus Asset Management Sdn Bhd, dan bekas Pengarah di Pavilion Reit Management Sdn Bhd. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat sebagai pengarah di pelbagai syarikat termasuk Boustead Heavy Industries Corporation Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, FELCRA, United Overseas Bank Berhad, dan Kumpulan Syarikat DRB-HICOM Berhad yang merangkumi sektor automotif, perkhidmatan, perkhidmatan kewangan, serta harta tanah dan infrastruktur. Beliau juga merupakan bekas Pengurus Awanbiru Technology Berhad dan ahli Lembaga Pengarah Tadbir Urus di Universiti Teknologi dan Sains Komputer (UNIMY).

Sebelum itu, beliau pernah memegang jawatan sebagai Naib Presiden Eksekutif di Kenanga Investment Bank Berhad, Ketua Kewangan Korporat dan Pelaburan Utama di bawah Hong Leong Financial Group, Pengarah Kumpulan Kanan - Kewangan dan Nasihat Korporat di DRB-HICOM Berhad, Pengarah Eksekutif Hal Ehwal Korporat di Master-Carriage (Malaysia) dan Pengurus Kewangan dan Nasihat Korporat di Amanah Merchant Bank Berhad.

Dato' Maznah merupakan Ahli Majlis Eksekutif Economic Club of Kuala Lumpur dan berkhidmat sebagai Pemegang Amanah Yayasan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik serta Ahli Seumur Hidup dalam Women's Institute of Management.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Northern Illinois University, Amerika Syarikat serta Ijazah Sarjana Sains dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Central Michigan University, Amerika Syarikat.



**ENCIK ABDUL RAHMAN
BIN MOHD NORDIN**

Wakil Pencarum

Seksyen 6(4)(g) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007



Encik Abdul Rahman telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2021.

Beliau kini merupakan Setiausaha Agung CUEPACS, dan telah memegang jawatan ini sejak tahun 2019. Beliau juga merupakan Presiden KESUKMA (Kesatuan Kakitangan Am Universiti Kebangsaan Malaysia) Universiti Kebangsaan Malaysia.

PELETAKAN JAWATAN/PERSARAAN AHLI LEMBAGA

Bil.	Nama Ahli Lembaga	Tarikh Peletakan Jawatan/Bersara
1.	Datuk Seri Asri bin Hamidon @ Hamidin	4 Januari 2023
2.	Dato' Sri Sharifah Sofianny binti Syed Hussain	28 Februari 2023
3.	Datuk Siti Zainab binti Omar	30 Mei 2023
4.	Datuk Dr. Yacob bin Mustafa	2 Ogos 2023
5.	Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin	25 September 2023
6.	Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim	15 Disember 2023

PROFIL AHLI PANEL PELABURAN



**DATO' MOHAMAD NASIR
BIN AB LATIF**

*Pengerusi Panel Pelaburan
Seksyen 7(2)(a) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

Dato' Mohamad Nasir bin Ab Latif dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2021.

Dato' Mohamad Nasir memulakan kerjayanya dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tahun 1982 dan memegang beberapa jawatan sebelum dinaikkan pangkat kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) pada Mei 2013. Jawatan yang disandangnya termasuk Pegawai Penguatkuasa Negeri antara 1990 hingga 1995, Pegawai Penyelidik Kanan, Pengurus dan Pengurus Kanan di Jabatan Penyelidikan Pelaburan dan Ekonomi antara 1995 hingga 2003, dan Pengurus Besar Jabatan Pelaburan Ekuiti Antarabangsa pada Julai 2009 sebelum menjadi Ketua Pelaburan KWSP pada tahun 2013. Beliau bersara sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) KWSP pada 31 Disember 2019.

Dato' Mohamad Nasir kini merupakan Pengerusi RHB Islamic Bank Berhad, PLUS Malaysia Berhad, United Plantation Berhad dan Malaysia Resources Corporation Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah RHB Bank Berhad dan Yinson Holdings Berhad.

Dato' Mohamad Nasir berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 1989. Beliau kemudiannya memperoleh Diploma Perakaunan dan Kewangan daripada Association of Chartered Certified Accountants pada 1996 dan Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan dari University of Sterling, United Kingdom pada tahun 1999.



**ENCIK MOHAMMAD REEZAL
BIN AHMAD**

*Wakil Kementerian Kewangan
Seksyen 7(2)(c) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

Encik Mohammad Reezal bin Ahmad dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2021.

Beliau kini berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha, (Dasar Cukai Tidak Langsung dan GST), Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Sebelum memegang jawatan terkini, beliau adalah Timbalan Ketua Ekonomi (Makroekonomi) di Bahagian Fiskal dan Ekonomi, MOF selepas memegang jawatan sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, MOF.

Encik Mohammad Reezal memulakan kerjayanya pada tahun 1999 sebagai seorang Akauntan dalam Kerajaan Negeri Kedah. Kemudian pada tahun 2000, beliau menyertai MOF sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Ekonomi dan Analisis Antarabangsa. Beliau pernah menjadi Ketua Strategi, Pejabat Dasar Fiskal di Bahagian Fiskal dan Ekonomi, MOF. Dari tahun 2000 hingga 2022, beliau telah berkhidmat dengan MOF selama 19 tahun dan memegang pelbagai jawatan terutamanya berkaitan

penggubalan dasar fiskal dan pengurusan makroekonomi serta memantau prestasi kewangan dan tadbir urus badan berkanun Kerajaan Persekutuan. Beliau turut berkhidmat dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Dasar dan Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala berkaitan dengan pemantauan pematuhan pada perjanjian perdagangan pelbagai hala dan rundingan perdagangan antarabangsa.

Encik Mohammad Reezal kini memegang jawatan sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif di Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, Lembaga Pelabuhan Kuantan, Westports Malaysia Sdn Bhd dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana dalam Dasar Awam dari National Graduate Institute for Policy Studies (GRIPS), Tokyo, Jepun pada tahun 2011.

PROFIL AHLI PANEL PELABURAN (SAMBUNGAN)



**DATO' NOORAZMAN
BIN ABD AZIZ**

Wakil Sektor Swasta
Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Dato' Noorazman bin Abd Aziz telah menjadi ahli Panel Pelaburan KWAP sejak 23 Julai 2019, mewakili sektor swasta.

Beliau kini merupakan Pengerusi CTOS Digital Berhad, Sun Life Malaysia Assurance Berhad, Sun Life Malaysia Takaful Berhad, selain menjadi ahli Lembaga Pengarah di Kumpulan Perangsang Selangor Bhd dan MUFG Bank (Malaysia) Berhad.

Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UEM, cabang yayasan Kumpulan UEM, dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Pusat Pendidikan Antarabangsa dalam Kewangan Islam (INCEIF). Pada tahun 2005, Dato' Noorazman telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Pencapaian Jurubank Asia pertama bagi Kewangan Islam.

Dato' Noorazman memulakan kerjayanya sebagai penganalisis pelaburan di Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) pada tahun 1982. Beliau meninggalkan PERNAS tiga tahun kemudian untuk memulakan kerjaya cemerlang selama 25 tahun bersama Citigroup dalam bidang perbankan korporat, pelaburan, perbendaharaan dan pasaran kewangan. Dalam tempoh inilah beliau dipinjamkan ke Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di mana beliau berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan

(LOFSA) dan Ketua Pegawai Operasi Bursa Saham Kuala Lumpur Berhad. Selepas tempoh pinjaman tersebut, beliau menyertai Citibank Berhad semula sebagai Pengarah Urusan, Ketua Korporat dan Bank Pelaburan. Pada tahun 2005, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Berhad dan kemudiannya menjadi Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Holdings Berhad. Beliau meninggalkan BIMB Holdings pada tahun 2007 untuk mengasas bersama dan menjadi Pengarah Urusan di FajrCapital Limited, firma ekuiti persendirian berasaskan Syariah berpangkalan di Dubai dan seterusnya menyertai Khazanah Nasional Berhad sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan sehingga beliau bersara pada Jun 2019.

Dato' Noorazman juga menganggotai lembaga penasihat firma ekuiti persendirian Ancora Fund Management Co., Indonesia dan Creador Sendirian Berhad yang berpangkalan di Malaysia.

Dato' Noorazman memegang Ijazah Sarjana Muda Kewangan dari Louisiana State University, Amerika Syarikat. Beliau mempunyai keahlian dalam badan-badan profesional seperti Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIIF), Malaysia, Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM), dan Australian Institute of Corporate Directors (AICD), Australia.



**DATO' MOHAMED ROSS
BIN MOHD DIN**

*Wakil Sektor Swasta
Seksyen 7(2)(e)) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

Dato' Mohamed Ross bin Mohd Din dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP sejak 1 Mac 2021.

Dato' Mohamed Ross memulakan kerjayanya di HSBC Bank Malaysia Berhad (HSBC) pada awal tahun 1972 dan berkhidmat dalam pelbagai kapasiti yang merangkumi Perbankan Korporat dan Runcit serta Pengurusan Cawangan. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Perbendaharaan dan Ketua Audit Kumpulan HSBC Malaysia antara 1987 dan 1996. Dalam tempoh ini, beliau juga berkhidmat selama setahun di Hong Kong, London dan New York dalam bidang Pertukaran Asing dan Perbendaharaan. Sebagai Pengarah Urusan pada tahun 2003, beliau bertanggungjawab ke atas francais perniagaan persisiran Islam HSBC di Malaysia sehingga beliau bersara pada 31 Disember 2007.

Selepas bersara, Dato' Mohamed Ross telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif dan Penasihat Kanan HSBC Amanah Takaful Malaysia Sdn Bhd sehingga Disember 2008. Pada masa yang sama dan sehingga April 2016, beliau juga merupakan Pengarah Bebas HSBC Amanah

Malaysia Berhad, di mana beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Risiko dan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonan.

Dato' Mohamed Ross menyertai CIMB Group Holdings Berhad sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada April 2016. Pada masa yang sama, beliau juga dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif CIMB Islamic Bank Berhad dan juga sebagai Pengurus pada Mei 2017. Beliau kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit Kumpulan dan ahli Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Pematuhan serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Kumpulan CIMB Group Holdings Berhad.

Dato' Mohamed Ross kini juga menganggotai dua Lembaga Penasihat yang menyelia Dana Ekuity Persendirian (Program Ekuinas OFM) sebagai ahli Bebas. Di samping itu, beliau juga memegang jawatan sebagai Pemegang Amanah dalam Lembaga Zakat Selangor dan Pengarah Bebas dalam Lembaga di sebuah syarikat Pengurusan Aset.

PROFIL AHLI PANEL PELABURAN (SAMBUNGAN)



ENCIK ANTHONY LIM CHOON ENG

Wakil Sektor Swasta

Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Encik Anthony Lim Choon Eng dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2021.

Selama 33 tahun kerjayanya, pengalaman Encik Anthony merentasi perbankan korporat dan pelaburan, pasaran modal dan pertambahanan, serta pengurusan risiko dan ekuiti persendirian. Beliau memulakan kerjayanya bersama Kumpulan Perbankan ANZ, Australia pada tahun 1987 sebagai peniaga dalam pasaran kadar faedah dan pasaran modal dan kemudiannya menyertai St. George Bank, Australia yang meliputi pasaran pendapatan tetap dan derivatif. Beliau kembali ke Malaysia pada tahun 1994 dan dilantik sebagai Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Futures Sdn Bhd untuk menubuhkan perniagaan derivatif kewangan di bawah Kumpulan Maybank.

Pada tahun 2000, beliau telah dilantik sebagai Naib Presiden Eksekutif/Ketua Kumpulan, Pengurusan Risiko dari 2005 hingga 2009 sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi, Maybank Investment Bank (terdahulu dikenali sebagai Aseambankers Malaysia Berhad) yang bertanggungjawab ke atas kewangan, teknologi maklumat, operasi dan pematuhan kawal selia dan pengurusan risiko. Beliau kemudiannya menyertai Implico GmbH, Jerman dan

Malaysia dari 2010 hingga 2014 sebagai Pelabur/Pengarah Ekuiti Persendirian. Pada 2011, beliau menyertai Sumitomo Mitsui Banking Corporation Berhad, Malaysia sebagai Pengarah Bebas dan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko, dan kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif untuk bank yang sama dari tahun 2015 sehingga tahun 2020.

Beliau juga merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Pengarah Bukan Eksekutif CGC Digital Sdn Bhd, yang merupakan anak syarikat CGC. Beliau juga merupakan pengarah bebas di Bank of America Malaysia Berhad.

Encik Anthony Lim berkelulusan Ijazah Sarjana dalam Kewangan Gunaan dari Macquarie University, Sydney dan merupakan Felo Institut Perbankan dan Kewangan Australia, Australia. Beliau merupakan Jurubank Bertauliah dengan Institut Jurubank Bertauliah Asia dan telah menghadiri kedua-dua Program Pengurusan Lanjutan dan Program Kepimpinan Kanan di Wharton School of Business, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat.



**ENCIK MOHAMED NAZRI
BIN OMAR**

*Wakil Sektor Swasta
Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

**DATUK HAJAH NIK AMLIZAN
MOHAMED**

*Ketua Pegawai Eksekutif
Setiausaha Panel Pelaburan
Seksyen 7(2)(d) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

Encik Mohamed Nazri bin Omar merupakan ahli Panel Pelaburan KWAP sejak 1 Mei 2016 hingga 29 Februari 2024 sebagai wakil daripada sektor swasta.

Encik Mohamed Nazri kini merupakan Pengarah Urusan Perbankan Korporat Kumpulan dan Pelaburan Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Berhad sejak 1 Mei 2014. Beliau memulakan kerjayanya di Citibank Berhad dan seterusnya berkhidmat di Macquarie Bank Limited serta RHB Sakura Merchant Bankers Berhad (kini dikenali sebagai RHB Investment Bank Berhad). Encik Mohamed Nazri berkhidmat dalam beberapa jawatan sementara di Kuwait Finance House (M) Bhd, termasuk Pengarah Perbankan Pelaburan dan Ketua Pasaran Modal dan Nasihat.

Encik Mohamed Nazri memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam jurusan Ekonomi (Kepujian) dan Kerajaan dari Cornell University, Amerika Syarikat.

Datuk Hajah Nik Amlizan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP sejak 2 November 2020. Profil penuhnya tersedia pada muka surat 91.

PROFIL PENGURUSAN KANAN

**DATUK HAJAH NIK
AMLIZAN MOHAMED***Ketua Pegawai Eksekutif***ENCIK HAIZAD RIZAL
BIN A AZIZ***Ketua Pegawai Kewangan*

Datuk Hajah Nik Amlizan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP pada 2 November 2020. Profil penuhnya tersedia pada muka surat 91.



Encik Haizad Rizal mempunyai pengalaman melebihi dua dekad dalam perkhidmatan kewangan dan telah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Kewangan di Sime Darby Oils, SME Bank Group dan Johawaki Group sebelum ini. Beliau memulakan kerjayanya di Ireland selama sembilan tahun dengan BDO Simpson Xavier, Daiwa Europe Fund Managers dan KPMG Ireland. Selepas itu, beliau menyertai RHB Banking Group pada tahun 2009 di mana beliau menyandang pelbagai jawatan.

Beliau juga merupakan Felo Akauntan Bertauliah (FCA) dari Institute of Chartered Accountants (ICAI), Ireland dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan dan Kewangan dari Dublin Business School. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan dan Kepimpinan di Said Business School, Universiti Oxford, United Kingdom.

**ENCIK HAZMAN HILMI
BIN SALLAHUDDIN***Ketua Pegawai Pelaburan***ENCIK MAZ MIRZA
BIN MOHD AMINURASHID***Ketua Pegawai Digital*

Encik Hazman Hilmi dilantik sebagai Ketua Pegawai Pelaburan KWAP pada 3 Januari 2022. Sebelum ini beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Damansara Assets Sdn Bhd (DASB) dan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif AMAL Malaysia Airlines yang merupakan sebuah syarikat milik penuh anak syarikat Malaysia Aviation Group. Sebelum itu, beliau telah berkhidmat selama 12 tahun di Khazanah Nasional Berhad di mana beliau memegang pelbagai jawatan di organisasi tersebut, termasuk sebagai Naib Presiden Khazanah Europe Investment Limited yang berpengkalan di London, Naib Presiden Khazanah Turkey Regional Office yang berpengkalan di Istanbul. Beliau mempunyai pengalaman yang merangkumi pelbagai sektor dalam ekuiti swasta dan pelaburan modal teroka yang bertumpukan pada strategi, pelaksanaan pelaburan, perjanjian rundingan dan perancangan bagi penciptaan nilai.

Beliau berkelulusan MEng (Kepujian Kelas Pertama) dalam Kejuruteraan, Ekonomi dan Pengurusan dari Balliol College, Universiti Oxford, United Kingdom, serta MSc dalam Penyelidikan Operasi dari London School of Economics and Political Science, United Kingdom.

Encik Maz Mirza dilantik sebagai Ketua Pegawai Digital KWAP pada 3 Oktober 2022. Encik Maz Mirza yang membawa lebih 25 tahun kapakaran dalam industri Teknologi Maklumat (IT) dan keselamatan siber sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Ketua IT di Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp). Sebelum menyertai MRT Corp, beliau berkhidmat sebagai Ketua IT di Puspakom. Sebelum itu, beliau juga pernah berkhidmat dalam beberapa anak syarikat Kumpulan Sime Darby selama 13 tahun.

Dengan pengalaman luas dalam membangunkan rangka kerja dan infrastruktur digital yang kukuh, Encik Maz Mirza telah melaksanakan inisiatif kecekapan organisasi melalui teknologi digital sepanjang kerjayanya. Beliau menyokong penggunaan sistem pengkomputeran awan dan menerajui penggabungan sistem perniagaan yang penting. Sebagai ahli terkemuka dalam pelbagai jawatankuasa dan forum industri, Encik Maz Mirza terus membentuk piawaian keselamatan siber organisasi, dan memacu projek-projek yang berwawasan.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Sains Komputer dari University of Cambridge, United Kingdom pada tahun 1997.



**ENCIK AZLAN
BIN HUSSIN**

Ketua Jabatan Ekuiti



**ENCIK MOHAMED KHABIR
REEZA BIN MUSTAFFA**

Ketua Jabatan Pendapatan Tetap



Encik Azlan mempunyai lebih dari 20 tahun pengalaman dalam pengurusan portfolio. Sebelum ini, beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif MIDF Amanah Asset Management Berhad di mana beliau berjaya mengembangkan aset di bawah pengurusan kepada RM4 bilion daripada saiz awal sebanyak RM300 juta.

Encik Azlan memulakan kerjayanya dengan SBB Asset Management (SBBAM) sebagai Penganalisis Pelaburan dan kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Naib Presiden Pelaburan yang menguruskan portfolio berjumlah RM800 juta.

Seterusnya, beliau menyertai AmanahRaya-JMF Asset Management sebagai Pengurus Besar untuk Pelaburan Ekuiti di mana beliau menguruskan portfolio bernilai RM1 bilion daripada dana amanah, kerajaan negeri, korporat dan termasuk KWSP. Beliau juga bertanggungjawab untuk menyediakan dasar dan garis panduan pelaburan keseluruhan untuk AmanahRaya Berhad.



**ENCIK SAIFULBAHRI
BIN HASSAN**

Ketua Jabatan Ekuiti Persendirian



**ENCIK AHMAD SHAKIR
BIN MOHD ASRI**

Ketua Jabatan Hartanah



Encik Saifulbahri mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam sektor berkaitan teknologi, daripada perkhidmatan informasi dan teknologi sehingga pembuatan. Beliau mempunyai pengalaman melebihi 15 tahun dalam pelaburan ekuiti persendirian dan modal teroka daripada pelbagai peringkat dalam pembangunan perniagaan sehingga keperluan pembiayaannya. Beliau juga aktif dalam meluaskan ekosistem pelaburan persendirian domestik dan antarabangsa dengan mempengaruhi penubuhan polisi hingga membina hubungan eko-sistem antarabangsa.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari University of Missouri-Kansas City, Amerika Syarikat dan memperoleh Ijazah Sarjana Pengurusan dari Islamic International University, Malaysia.

Encik Mohamed Khabir mempunyai pengalaman melebihi 15 tahun dalam pasaran kewangan yang merangkumi pelbagai institusi seperti kawal selia, pembangunan serta pengurusan dana.

Beliau memulakan kerjayanya di Bank Negara Malaysia dan kemudiannya berkhidmat di SME Development Bank di mana beliau mengetuai Jabatan Perbendaharaan dan Pelaburan.

Beliau kini merupakan Ketua di Jabatan Pendapatan Tetap KWAP di mana beliau menyelia pengurusan pelbagai produk termasuklah bon, pinjaman dan derivatif bagi portfolio domestik dan antarabangsa.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kewangan dari Universiti Teknologi Mara dan merupakan ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (PPKM).

Encik Ahmad Shakir mempunyai lebih 15 tahun pengalaman dalam pelbagai jawatan, dengan lebih dari 10 tahun dalam bidang pelaburan merentasi kelas aset yang berbeza. Beliau telah menyertai Jabatan Hartanah pada tahun 2019 selepas berkhidmat sebagai Pegawai Utama di Prima Ekuiti (UK) Limited, anak syarikat milik KWAP di United Kingdom. Terdahulu, beliau telah menyertai KWAP sebagai Pengurus Dana Ekuiti pada tahun 2014 selepas hampir tujuh tahun di Bank Negara Malaysia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan dari University of Warwick, United Kingdom. Encik Ahmad Shakir juga merupakan pemegang CFA.

PROFIL PENGURUSAN KANAN (SAMBUNGAN)



**ENCIK NAZAIFUL AFFENDI
BIN ZAINAL ABIDIN**

*Ketua Jabatan Strategi Portfolio
dan Penyelidikan*

Encik Nazaiful Affendi mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam pasaran modal termasuk peranan dalam penyelidikan, analisis pasaran dan strategi dengan pendedahan dalam ekuiti, pendapatan tetap dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai ahli ekonomi di Suruhanjaya Sekuriti.

Beliau berkelulusan BBA (Kepujian) dalam Kewangan/Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan memperolehi MBA dalam Kewangan dari institusi yang sama. Selain itu, beliau telah menghadiri Program Pembangunan Pengurusan Kanan ASEAN Ke-4 yang diadakan pada bulan Jun dan Julai 2011.



**ENCIK KHAIRUL AZWA
BIN KAMALUL BAHRIN**

*Ketua Jabatan Pengurusan Risiko
dan Pematuhan*

Encik Khairul Azwa mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam sektor kewangan, di mana 25 tahun daripadanya adalah dalam pengurusan risiko, tadbir urus dan pematuhan. Beliau memulakan kerjaya dalam Perbendaharaan Bank yang merangkumi perdagangan produk kewangan sebelum memegang pelbagai peranan dalam pengurusan risiko, termasuk pengurusan risiko derivatif, pengurusan liabiliti aset dan fungsi kawalan pertimbangan.

Peranan terkini beliau merangkumi semua aspek tadbir urus risiko dan pematuhan termasuk risiko Perniagaan, risiko Pelaburan, risiko Operasi, pengurusan kesinambungan perniagaan dan pematuhan.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perundangan (Kepujian) dari University of Liverpool serta Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Wales, United Kingdom. Beliau merupakan seorang Pengurus Risiko Kewangan Bertauliah (FRM) yang diakreditasi oleh Global Association of Risk Professionals (GARP). Beliau juga diterima sebagai ahli Bertauliah Chartered Institutes of Islamic Finance Professional dengan memegang gelaran sebagai Ahli Profesional Bertauliah dalam Kewangan Islam (CPIF).



**ENCIK MOHD FAIZAL
BIN MOHD YUSOF**

Ketua, Jabatan Strategi Korporat

Encik Mohd Faizal mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang perakaunan, strategi dan perancangan korporat, kewangan korporat dan khidmat nasihat kewangan. Beliau memulakan kerjaya di PricewaterhouseCoopers di mana beliau mempunyai lebih tujuh tahun pengalaman dalam menyediakan khidmat audit kewangan berkarakter dan khidmat nasihat kepada syarikat-syarikat multinasional, entiti-entiti tersenarai dan swasta khususnya dalam sektor perladaan, pengguna dan pembuatan industri, pembangunan harta tanah dan infrastruktur.

Beliau menyertai Felda Global Ventures (FGV) pada tahun 2010 di mana beliau memimpin pasukan kewangan korporat dalam Tawaran Awam Awal (IPO) untuk Malayan Sugar Manufacturing (MSM) Berhad dan FGV Berhad. Beliau kemudiannya menyertai KWAP sebagai Naib Presiden Kewangan Korporat pada tahun 2014.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan, dengan pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan dari Royal Melbourne Institute of Technology University, Australia. dan menjadi ahli CPA Australia sejak tahun 2005.



**PUAN SITI ILMIAH
BINTI RAMLI**

Ketua, Jabatan Sumber Manusia

Puan Siti Ilmiah mempunyai lebih 30 tahun pengalaman sebagai pengamal undang-undang dalam sebuah organisasi bukan bermotifkan untung dan pengamal sumber manusia di organisasi-organisasi tempatan dan asing di Malaysia. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat di Maybank Berhad.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perundangan (Kepujian) dari University of London, United Kingdom dan Sijil Amalan Perundangan dari Lembaga Kelayakan Profesional Undang Malaysia.



**ENCIK SYED ALI HAIDAR
BIN SYED SHAHABUDDIN**

*Ketua Jabatan Undang-Undang
Kumpulan*



**ENCIK HAMKHUSHAIRI
BIN JAHARI**

Ketua Jabatan Audit Dalam

Encik Syed Ali Haidar mempunyai lebih dari 27 tahun pengalaman dalam pelbagai peranan yang merangkumi amalan guaman, sektor komersial, industri perbankan dan industri dana Persaraan dari lapan tahun terakhir. Beliau memulakan latihan dan kerjayanya dalam amalan guaman pada tahun 1996 di Messrs Albar Zulkifly dan Yap, dan seterusnya di Messrs Lee Choon Wan & Co sebelum menubuhkan firma guaman di bawah nama Messrs Shahabuddin Hon & Aziz, di mana beliau mengamalkan undang-undang korporat dan komersial, badan penasihat korporat, perbankan korporat, pasaran modal dan litigasi sekuriti. Beliau kemudiannya mencebur sektor komersial dan berkhidmat sebagai Naib Presiden Eksekutif Perkhidmatan Korporat di sebuah syarikat sendirian berhad dalam pengurusan fasiliti tempat letak kenderaan dan penyelesaian digital. Sebelum menyertai KWAP pada April 2015, beliau berkhidmat di KAF Investment Bank Berhad selama 12 tahun sebagai Ketua Undang-Undang dan Hal Ehwal Korporat dan ahli lembaga pengarah KAF Research Sdn Bhd (sebuah syarikat penyelidikan pelaburan dalam KAF Group) dari tahun 2005 hingga awal 2015.

Beliau telah dipanggil ke Badan Peguam Malaysia dan diterima sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada Januari 1998.

Beliau lulus dengan LL.B (Hons) dari Universiti Glamorgan, Wales, United Kingdom pada tahun 1994 dan memperoleh Sijil Amalan Guaman, Lembaga Kelayakan Profesjon Undang-Undang, Malaysia pada tahun 1996.

Encik Hamkhushairi mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun bekerja dalam industri perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau adalah Pengurus Kanan Audit Negara di Standard Chartered Bank Malaysia Berhad dan Pengurus Risiko Kanan di Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat di Bank Negara Malaysia sebagai Penyelia Kanan untuk beberapa tahun.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan memperolehi Sijil Audit Dalam dan Risiko Perniagaan dari Institut Juruaudit Dalam Berkanun, United Kingdom. Beliau ialah Akauntan Berkanun di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Institut Juruaudit Dalam Berkanun, United Kingdom.



**ENCIK MUHAMAD HAFIZ
BIN ABAS**

*Ketua Jabatan Perkhidmatan
Persaraan*

Encik Muhamad Hafiz berpengalaman melebihi 20 tahun dalam bidang audit dalam, pengurusan risiko serta pengurusan operasi. Sebelum berkhidmat di KWAP, beliau merupakan ketua pengurusan risiko di RHB Insurance Berhad dan juruaudit dalam di Public Bank Berhad.

Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Ekonomi dari New York University, Amerika Syarikat dan memperoleh Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

PROFIL PENGURUSAN KANAN (SAMBUNGAN)

	<p>ENCIK MOHD NASIR BIN AB. HADI <i>Ketua Pejabat Integriti dan Tadbir Urus</i></p>	 <p>PUAN FAROZA BINTI MOHAMED SOHOR <i>Ketua Jabatan Caruman</i></p>
---	--	---

Sebelum menyertai KWAP, Encik Mohd Nasir merupakan Ketua Pendidikan Integriti dan Komunikasi, Kumpulan Integriti Petronas sejak tahun 2013.

Beliau mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun sebagai pengamal anti rasuah sewaktu berkhidmat dengan MACC sejak tahun 1984 hingga tahun 2005. Beliau telah dipinjamkan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) sebagai Ketua Penolong Setiausaha pada tahun 2001 sehingga 2003.

Beliau mempunyai lapan tahun pengalaman sebagai pengamal Perhubungan Perindustrian sewaktu berkhidmat di Bahagian Hal Ehwal Dalam Tenaga Nasional Berhad (TNB) dari tahun 2005 sehingga 2013. Beliau telah menjadi Ahli Panel Mahkamah Perindustrian Kuala Lumpur dari tahun 2010 sehingga tahun 2012.

Beliau merupakan Ahli Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACeIO) sejak tahun 2012 dan Presiden ACeIO dari tahun 2016 hingga 2018. Beliau merupakan lepasan Ijazah Sarjana Muda LL.B (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).

	<p>PUAN NAJIHAH BINTI MOHAMAD NORWI <i>Ketua Jabatan Akaun dan Kewangan</i></p>	 <p>ENCIK MD HAYRANI BIN MIRESO <i>Ketua Jabatan Perbendaharaan Korporat</i></p>
---	--	---

Puan Najihah mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun sebagai akauntan korporat dalam pelbagai sektor iaitu insurans, IT, utiliti dan infrastruktur. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan akauntan korporat di MMC Berhad.

Beliau merupakan seorang Akauntan Bertauliah dengan lulusan CPA Australia dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan dan Kewangan) dari Monash University, Australia.

Puan Faroza mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun dalam Tadbir Urus, Transformasi, Penambahbaikan Proses Perniagaan, Sistem Maklumat Pengurusan dan Pengurusan Data.

Sebelum menyertai KWAP pada tahun 2013, beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Sistem Maklumat Pengurusan di Asian Finance Bank Berhad (AFB), sebuah Bank Islam yang disokong oleh Qatar Islamic Bank Group dan kini dikenali sebagai MBSB Bank Berhad.

Sebelum itu, beliau telah berkhidmat di AmBank Malaysia di mana beliau mengurus dan menerajui pinjaman berkanun tidak berbayar dan laporan pengurusan untuk perbankan pelanggan dengan melaksanakan peningkatan aplikasi perniagaan untuk produk konvensional dan perbankan Islam.

Beliau memegang Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Sains Gunaan Pelaburan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2008 dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kewangan) dari Oklahoma State University, Oklahoma Amerika Syarikat pada tahun 1996. Beliau juga memperolehi Diploma Perbankan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada tahun 1992.

Encik Md Hayrani menyertai KWAP pada tahun 2007. Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman sebagai akauntan serta dalam pengurusan perbendaharaan dan pendapatan tetap dalam sektor perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai pengurus di Bahagian Perbendaharaan, Jabatan Perbendaharaan dan Pelaburan di Bank Simpanan Nasional.

Beliau memperolehi Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan berkelulusan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan ahli Akauntan Berkanun di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (AGI Malaysia).



**ENCIK ABDUL RAZAK
BIN JABAR**

*Ketua Jabatan Strategi Digital dan
Perkhidmatan*



**PUAN NOR FARIDAH
BINTI AMIN**

*Ketua Jabatan Komunikasi
Strategik*

Encik Abdul Razak mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam industri Teknologi Maklumat. Sebelum KWAP, beliau merupakan perunding kanan di sebuah syarikat tempatan dan syarikat multinasional yang melaksanakan perisian dan sistem dalam industri perkhidmatan kewangan.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Sistem Maklumat) dari Charles Sturt University, Australia. Beliau juga merupakan Juruaudit Utama Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO 27001 yang diperakui, dan mempunyai sijil di ITIL v3 Foundation dan COBIT v5.

Beliau merupakan graduan pemasaran dengan pengalaman melebihi 20 tahun dalam bidang jualan, pemasaran dan promosi, komunikasi dan pengurusan acara.

Sebelum menyertai KWAP, beliau pernah berkhidmat di Asia Unit Trusts Berhad dan Prudential BSN Takaful, bagi mengendalikan pemasaran, penjenamaan dan komunikasi.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Pemasaran dari Institut Teknologi MARA, Shah Alam.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

LEMBAGA

Komposisi Lembaga

Lembaga KWAP terdiri daripada ahli-ahli yang berkelayakan, berpengalaman dan berkemahiran tinggi dengan pelbagai latar belakang, mewakili Kerajaan, sektor swasta, Bank Negara Malaysia (BNM) dan wakil pencarum yang penting untuk pencapaian strategik keseluruhan KWAP.

Seksyen 6 Akta 662 (Akta KWAP) menetapkan bahawa Lembaga harus terdiri daripada ahli-ahli berikut, yang dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) Pengerusi, yang merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan;
- (ii) Seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- (iii) Seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli *ex officio*;
- (v) Tiga (3) orang wakil Kerajaan Malaysia;
- (vi) Tiga (3) orang dari sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, penbankan dan kewangan; dan
- (vii) Seorang wakil daripada pencarum kepada Dana Persaraan selain daripada wakil Kerajaan Malaysia

Profil ringkas setiap Ahli Lembaga dibentangkan pada muka surat 85 sehingga 95 dalam Laporan Tahunan Bersepadu ini.

Pada tahun 2023, ahli-ahli Lembaga yang berikut telah meletakkan jawatan atau bersara:

- (i) Datuk Seri Asri bin Hamidon (@ Hamidin) (Pengerusi) meletakkan jawatan pada 4 Januari 2023. Datuk Johan Mahmood Merican kemudian dilantik sebagai Pengerusi Lembaga yang baharu pada 27 Februari 2023;
- (ii) Tempoh jawatan Dato' Sri Sharifah Sofianny binti Syed Hussain berakhir pada 28 Februari 2023. Kementerian Kewangan kemudian melantik Dato' Maznah binti Abdul Jalil sebagai salah seorang wakil sektor swasta pada 1 Mac 2023;

- (iii) Satu lagi tempat ahli Lembaga yang kosong di bawah Seksyen 6(4)(e) Akta berikutnya persaraan Datuk Zainab binti Omar pada 30 Mei 2023 telah diisi oleh Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh, Peguam Negara Malaysia, yang berkuat kuasa dari 16 Oktober 2023;
- (iv) Sementara itu, satu lagi perwakilan dari Kerajaan Malaysia iaitu Datuk Dr. Yacob bin Mustafa telah bersara pada 2 Ogos 2023. Beliau digantikan oleh Puan Nor Yati binti Ahmad, Akauntan Negara Malaysia baru, yang dilantik pada 6 November 2023;
- (v) Berikutnya pelantikan beliau sebagai Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, wakil MOF iaitu Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin telah meletakkan jawatan pada 25 September 2023. Beliau digantikan oleh Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan), yang berkuat kuasa dari 11 Oktober 2023; dan
- (vi) Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim telah meletakkan jawatan pada 15 Disember 2023.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Bagi mengikut Akta KWAP dan sebagai salah satu daripada tadbir urus korporat dan amalan-amalan terbaik seperti disyorkan oleh Kod Tadbir Urus Korporat (MCCG), yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta Prinsip-Prinsip Tadbir Urus yang Baik untuk Syarikat-Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (PGG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP adalah berbeza dan terpisah.

Pengerusi bertanggungjawab terutamanya untuk menjalankan dan memastikan keberkesanan mesyuarat Lembaga manakala Ketua Pegawai Eksekutif, yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan, bertanggungjawab terhadap operasi harian, pentadbiran dan pengurusan KWAP yang termasuk pemantauan keseluruhan operasi perniagaan dan pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Lembaga dan Panel Pelaburan yang mengikut Akta KWAP.

Seksyen 9 (1) Akta KWAP menyatakan bahawa Lembaga hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif dengan terma dan syarat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan. Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang diberikan atau ditetapkan ke atas beliau oleh Akta ini atau sebagaimana yang diberikan atau ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh pihak pengurusan dalam mengendalikan pentadbiran harian KWAP dan kakitangannya. Ketua Pegawai Eksekutif juga ialah seorang ahli ex-officio Lembaga serta Setiausaha Panel Pelaburan.

Tanggungjawab dan Akauntabiliti Lembaga

Di bawah Seksyen 6 Akta KWAP, Lembaga harus bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan KWAP. Lembaga adalah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir, menetapkan hala tuju strategik dan mengawasi pengurusan KWAP dengan memberi fokus terhadap melindungi dan meningkatkan kepentingan pencarum dan pihak berkepentingan.

Selaras dengan tanggungjawab berkanun dan sebagai salah satu daripada fungsinya, Lembaga merangka dan menentukan pentadbiran dan pengurusan dasar-dasar dan prosedur-prosedur untuk memastikan KWAP mencapai objektif dengan berjaya dan cemerlang.

Inisiatif Sejarar dengan Prinsip-prinsip Tadbir Urus yang Baik untuk Syarikat-syarikat Pelaburan berkaitan Kerajaan (PGG)

Dalam meneruskan inisiatifnya pada tahun 2022, hasil daripada Penilaian Keberkesanan Lembaga dan Panel Pelaburan (BEA) telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan (BNRC) dan Lembaga pada Mei 2023. BEA telah dijalankan untuk kehematan dan amalan terbaik, dalam memastikan ahli Lembaga dan Panel Pelaburan KWAP sentiasa memperbaik dan melaksanakan peranan dan fungsi dengan berkesan.

Ini juga sejajar dengan Prinsip-Prinsip Tadbir Urus Baik Bagi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (PGG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada April 2022, yang menyatakan bahawa penilaian ke atas ahli Lembaga yang dijalankan oleh pakar-pakar bebas dilaksanakan sekali pada setiap tahun.

Komponen Lembaga yang Berkesan

Menstruktur Lembaga yang Berprestasi Tinggi

KWAP berhasrat untuk mewujudkan struktur Lembaga yang selaras dengan keperluan organisasi. Bagi membolehkan Lembaga beroperasi dengan berkesan dan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya dalam hal-hal berkaitan, jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga membantu dalam memenuhi fungsi pengawasan. Terma rujukan bagi setiap Jawatankuasa Lembaga mentakrif peranan jawatankuasa dengan komposisi untuk melengkapkan keperluan Lembaga. Ahli-ahli Lembaga dipilih berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh Akta KWAP. Prestasi Lembaga, secara keseluruhan dan setiap ahli individu, dinilai dan dikaji secara berkala.

Memastikan Keberkesanan Operasi dan Interaksi Lembaga

Keberkesanan operasi dan interaksi Lembaga memerlukan mesyuarat yang produktif. KWAP memastikan semua maklumat Lembaga adalah berkualiti dan terkini, yang selaras dengan tadbir urus yang baik dan amalan terbaik agar Lembaga boleh membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diterima. Kepercayaan diperolehi melalui interaksi yang positif, dinamik dan komunikasi terbuka antara Lembaga dengan pihak Pengurusan.

Memenuhi Peranan dan Tanggungjawab Asas Lembaga

Lembaga memberi panduan kepada pihak Pengurusan dalam membangunkan strategi korporat dan hala tuju dasar dan menetapkan sasaran bagi prestasi dan pengurusan. Ia mendukung pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh di samping mengamalkan fungsi pemantauan. Ia juga mengawasi kemajuan pemimpin masa hadapan organisasi dan tenaga kerja bagi memastikan kesinambungan dan menguruskan risiko organisasi. Lembaga memastikan tanggungjawab kepada pihak berkepentingan dipenuhi dengan menerima pakai perspektif mereka apabila membuat keputusan serta mengimbangi kepentingan pihak berkepentingan yang sah.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

Mesyuarat Lembaga

Akta KWAP menetapkan Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap suku tahun. Walau bagaimanapun, seperti lazimnya, Lembaga berusaha untuk bermesyuarat secara kerap dengan minimum lapan kali setahun, untuk perancangan hala tuju strategik KWAP, perancangan perniagaan dan bajet, laporan prestasi serta untuk mengkaji semula prestasi KWAP. Mesyuarat tambahan diadakan untuk membincangkan hal-hal yang penting dan memerlukan perhatian segera. Notis yang mencukupi diberikan tepat pada masanya bagi semua mesyuarat berjadual dan tambahan bagi Lembaga.

Pada tahun kewangan 2023, 9 mesyuarat Lembaga dan tiga Mesyuarat Lembaga Khas telah diadakan. Prosiding untuk semua mesyuarat Lembaga termasuk isu berbangkit, soalan-soalan yang dikemukakan dan maklum balas yang berkaitan turut dibentangkan dan direkod dalam minit-minit mesyuarat Lembaga dan jawatankuasa yang berkenaan. Sekiranya perlu, keputusan akan dibuat melalui pengedaran pekeliling. Keputusan melalui pengedaran pekeliling memerlukan kelulusan majoriti mudah yang akan dilaporkan semasa mesyuarat Lembaga yang berikutnya untuk makluman.

Kehadiran Mesyuarat

Komitmen Lembaga dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka digariskan oleh kehadiran mereka di mesyuarat-mesyuarat Lembaga seperti yang dinyatakan di bawah. Bilangan mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2023 berserta rekod kehadiran dinyatakan dalam jadual di bawah:

Ahli-Ahli Lembaga sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023	Lembaga	Jawatankuasa Lembaga Audit		Jawatankuasa Lembaga Integriti		Lembaga Risiko dan Pematuhan	Lembaga Pencalonan dan Imbuhan	Jawatankuasa Lembaga Perolehan
Datuk Johan Mahmood Merican Pengerusi (*Dilantik pada 27 Februari 2023)	7/11							
Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad (*Dilantik pada 11 Oktober 2023)	1/4	0/1				1/1		
Datuk Ahmad Terirudin bin Mohd Salleh (Dilantik pada 16 Oktober 2023)	2/4	1/1	1/1					0/1
Puan Nor Yati binti Ahmad (Dilantik pada 6 November 2023)	2/2	1/1	1/1					
Encik Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid	7/12				6/6	4/6	5/6	
Dato' Azmi bin Abdullah	12/12	6/6	1/1	6/6	6/6			
YM Raja Teh Maimunah binti Raja Abdul Aziz	9/12		2/4	4/6			6/6	

Ahli-Ahli Lembaga sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023	Lembaga	Jawatankuasa Lembaga Audit	Jawatankuasa Lembaga Integriti	Lembaga Risiko dan Pematuhan	Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan	Jawatankuasa Lembaga Perolehan
		4/4	1/1	5/5	4/4	5/5
Dato' Maznah binti Abdul Jalil <i>(Dilantik pada 1 Mac 2023)</i>	10/11	4/4	1/1	5/5	4/4	5/5
Encik Abdul Rahman bin Haji Mohd Nordin	12/12		4/4		5/6	6/6
Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed	10/12					
Datuk Seri Asri bin Hamidon @ Hamidin <i>Pengerusi</i> <i>(Meletak jawatan pada 4 Januari 2023)</i>	Tiada mesyuarat diadakan pada 2023 sehingga perletakan jawatan beliau.					
Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim <i>(Meletak jawatan pada 15 Disember 2023)</i>	11/12		3/3			
Datuk Dr. Yacob bin Mustafa <i>(Bersara pada 2 Ogos 2023)</i>	6/6	3/5	2/2			
Datuk Siti Zainab binti Omar <i>(Bersara pada 30 Mei 2023)</i>	4/4	1/2	1/1			3/3
Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin <i>(Meletak jawatan pada 25 September 2023)</i>	6/7	3/5		3/4	5/5	
Dato' Sri Sharifah Sofianny binti Syed Hussain <i>(Tempoh jawatan berakhir pada 28 Februari 2023)</i>	1/1	1/1		1/1	1/1	1/1

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

Pihak Lembaga juga bertanggungjawab untuk kejayaan jangka masa panjang KWAP dan kepada pihak berkepentingan dalam memastikan KWAP diurus dengan berkesan dan mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan. Pihak Lembaga menunaikan tanggungjawab ini melalui mesyuarat Lembaga dan memberi fokus kepada beberapa bidang khusus seperti strategi, tadbir urus dan prestasi.

- Kad Skor Korporat dan Keputusan Kewangan KWAP bagi 2022;
- Pelan Perniagaan dan Kad Skor Korporat KWAP dan Perancangan Sumber Manusia untuk Tahun Kewangan 2024;
- Strategi Pelaburan dan Sasaran Pulangan 2024;
- Penyata Kewangan Teraudit KWAP bagi Tahun Kewangan 2022;
- Bajet Perbelanjaan KWAP bagi Tahun Kewangan 2024;
- Pembentukan Penyata Dasar Pelaburan KWAP;
- Rangka kerja Tadbir Urus Korporat KWAP;
- Pelan Hala Tuju Kemampanan KWAP;
- Cadangan Pindaan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) - Cadangan Pelaksanaan Akhir KWAP;
- Strategi Transformasi Digital untuk KWAP;
- Pindaan Dasar Pemberi Maklumat KWAP;
- Pindaan Dasar Anti Rasuah dan Sogokan KWAP;
- Semakan Semula Terma-terma Rujukan untuk Jawatankuasa-jawatankuasa Pengurusan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan);
- Dasar Imbuhan Lembaga, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga, dan Panel Pelaburan;
- Penubuhan Syarikat Tujuan Khas (SPV) di bawah Pengambilalihan Hartanah KWAP;
- Pelantikan Wakil Lembaga dalam Syarikat-syarikat Subsidiari dan Bersekutu KWAP;
- Model Perolehan KWAP yang Dipertingkatkan;
- Rangka kerja dan Dasar Risiko Kemampanan;
- Rangka kerja dan Dasar Tadbir Urus Pengkomputeran Awan; dan
- Rangka kerja Pemimpin Pemikiran KWAP.

Selain daripada kelulusan kertas kerja, pihak Lembaga KWAP juga membincangkan laporan-laporan yang dibentang bagi pemberitahuan secara bulanan atau suku tahunan seperti yang berikut:

- Makluman mengenai laporan-laporan prestasi dan aktiviti- aktiviti pelaburan;
- Makluman mengenai laporan-laporan kewangan;
- Makluman mengenai ulasan prestasi Jabatan Perkhidmatan Persaraan;
- Laporan suku tahunan caruman pencen;
- Laporan suku tahunan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan;
- Laporan Kemajuan Pelaksanaan TERAS 5;
- Makluman mengenai Kemas Kini Integriti, Tadbir Urus, dan Langkah-langkah Anti Rasuah oleh KWAP dan Syarikat-syarikat Subsidiarinya; dan
- Makluman mengenai Pelan Tindakan Prinsip-prinsip Tadbir Urus Baik untuk Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (PGG).

PANEL PELABURAN

Akta KWAP menetapkan penubuhan Panel Pelaburan, badan yang bertanggungjawab bagi hal-hal berkenaan dengan pelaburan dana, yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(1) Akta KWAP. Panel Pelaburan secara amnya bertanggungjawab untuk mengesyorkan dasar-dasar dan strategi-strategi pelaburan yang relevan untuk kelulusan Lembaga. Selain itu, Panel Pelaburan mempunyai kuasa dan had seperti yang dinyatakan di bawah Akta KWAP, Dasar Pelaburan KWAP, Garis Panduan Pelaburan dan/ atau lain-lain dasar berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

Komposisi Panel Pelaburan

Panel Pelaburan terdiri daripada ahli-ahli berikut, sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 7(2) Akta, dan akan dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) Pengerusi yang juga merupakan Pengerusi Lembaga atau seorang individu lain yang mungkin dilantik oleh Menteri Kewangan (Seksyen 7(2)(a) Akta KWAP);
- (ii) Wakil daripada Kementerian Kewangan (Seksyen 7(2)(c) Akta KWAP);
- (iii) Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang akan menjadi Setiausaha Panel Pelaburan (Seksyen 7(2)(d) Akta KWAP); dan

- (iv) Empat orang individu lain daripada sektor awam atau swasta dengan pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, perbankan dan kewangan (Seksyen 7(2)(e) Akta KWAP).

Profil ringkas bagi setiap Ahli Panel Pelaburan dibentang pada muka surat 96 sehingga 101 dalam Laporan Bersepadu ini.

Tugas Utama dan Tanggungjawab Panel Pelaburan

Panel Pelaburan ditadbir oleh Seksyen 7(1) Akta dan bertanggungjawab terutamanya bagi meluluskan hala tuju strategik KWAP yang berkaitan dengan semua hal-hal pelaburan termasuk strategi dasar pelaburan, garis panduan dan pengagihan aset, serta hala tuju atau keputusan-keputusan untuk semua cadangan-cadangan pelaburan. Dalam melaksanakan fungsinya jika diperlukan, Panel Pelaburan akan melaporkan aktiviti-aktivitinya kepada Lembaga dan akan bertindak mengikut dasar umum yang mungkin dikeluarkan oleh Lembaga dan seterusnya diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Mesyuarat Panel Pelaburan

Pada tahun 2023, 12 mesyuarat Panel Pelaburan dan tiga Mesyuarat Khas Panel Pelaburan telah diadakan. Ringkasan kehadiran mesyuarat Ahli-ahli Panel Pelaburan dibentangkan seperti dalam jadual berikut:

Kehadiran Mesyuarat Panel Pelaburan:

Nama	Kehadiran
Dato' Mohamad Nasir bin Ab Latif <i>Pengerusi</i>	15/15
Encik Mohammad Reezal bin Ahmad	14/15
Dato' Noorazman bin Abd Aziz	15/15
Dato' Mohamed Ross bin Mohd Din	11/15
Encik Mohammed Nazri bin Omar	7/15
Encik Anthony Lim Choon Eng	14/15
Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed	10/15

JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi membantu Lembaga dalam menjalankan tugasnya, ahli Lembaga telah mewujudkan pelbagai jawatankuasa bagi menyelia perkara-perkara khusus yang berkaitan dengan operasi KWAP iaitu Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Integriti, Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Pematuhan Lembaga, Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan, dan Jawatankuasa Lembaga Perolehan. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga diberikan kuasa untuk bertindak bagi pihak Lembaga menurut Terma Rujukan yang disediakan dalam Piagam Lembaga dan Panel Pelaburan.

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Lembaga, pelbagai perkara telah dibincangkan, disahkan, diluluskan dan dicadangkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Susulan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Lembaga, Pengerusi setiap Jawatankuasa Lembaga akan memberi pihak Lembaga ringkasan keputusan utama, perkara-perkara yang dibincangkan dan minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga serta mesyuarat-mesyuarat Panel Pelaburan akan dibentangkan kepada pihak Lembaga untuk makluman. Oleh itu, ahli-ahli bukan jawatankuasa sentiasa dimaklumkan dengan usaha yang dilaksanakan oleh setiap Jawatankuasa Lembaga.

Butiran aktiviti Jawatankuasa Lembaga semasa tahun kewangan 2023 digarisaskan seperti di bawah:

Jawatankuasa Lembaga Audit

Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) ditubuhkan bagi menyelia proses laporan kewangan dan rangka kerja kawalan dalaman Kumpulan KWAP selain membantu Lembaga dalam menilai kecukupan kawalan dalam proses-proses dan prosedur-prosedur yang dilaksanakan agar seajar dengan undang-undang, peraturan dan kawal selia yang berkaitan serta arahan-arahan dan garis panduan yang ditetapkan oleh badan-badan kawal selia yang berkaitan.

Keahlian

Sehingga kini, BAC terdiri daripada lima orang ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan empat ahli yang dilantik oleh Lembaga:

1. Dato' Azmi bin Abdullah – Pengerusi;
2. Dato' Maznah binti Abdul Jalil
(Dilantik pada 31 Mac 2023)
3. Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh
(Dilantik pada 30 November 2023)

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

4. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad
(Dilantik pada 30 November 2023)
5. Puan Nor Yati binti Ahmad
(Dilantik pada 30 November 2023)
6. Dato' Sri Sharifah Sofianny binti Syed Hussain
(Tamat penggal pada 28 Februari 2023)
7. Datuk Siti Zainab binti Omar
(Bersara pada 30 Mei 2023)
8. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa
(Bersara pada 2 Ogos 2023)
9. Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin
(Meletak jawatan pada 25 September 2023)

Lima mesyuarat BAC dan satu mesyuarat BAC Khas telah diadakan sepanjang tahun 2023.

Ringkasan Akitiviti BAC:

Antara perkara-perkara utama yang dibincangkan oleh BAC pada tahun 2023 adalah:

- (i) Penyata Kewangan Disatukan KWAP bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022;
- (ii) Perancangan Audit Dalam 2023;
- (iii) Keputusan Kad Skor Jabatan Audit Dalam 2022;
- (iv) Inisiatif-inisiatif Jabatan Audit Dalam pada 2023;
- (v) Laporan Aktiviti Audit; dan
- (vi) Kajian semula audit dalam dan isu audit beberapa jabatan dalam KWAP.

JAWATANKUASA LEMBAGA INTEGRITI

Jawatankuasa Lembaga Integriti (BIC) ditubuhkan bagi membantu Lembaga dalam menyelia pelaksanaan fungsi-fungsi integriti, pencegahan rasuah, dan tadbir urus di dalam KWAP dan/atau anak-anak syarikat KWAP, mengikut kes dan pemantauan isu-isu berkaitan, dan memastikan tindakan-tindakan yang mencukupi untuk meningkatkan integriti dan tadbir urus yang baik dalam organisasi.

Keahlian

Sehingga kini, BIC terdiri daripada empat ahli Lembaga, iaitu Pengurus dan tiga ahli yang dilantik oleh Lembaga:

1. Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim - Pengurus;
(Meletak jawatan pada 15 Disember 2023)
2. Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh
(Dilantik pada 30 November 2023)
3. Puan Nor Yati binti Ahmad
(Dilantik pada 30 November 2023)
4. YM Raja Teh Maimunah binti Raja Abdul Aziz
5. Encik Abdul Rahman bin Mohd Nordin
6. Dato' Azmi bin Abdullah
(Dilantik pada 27 September 2023 dan berhenti sebagai ahli sementara pada 30 November 2023)
7. Dato' Maznah binti Abdul Jalil
(Dilantik pada 27 September 2023 dan berhenti sebagai ahli sementara pada 30 November 2023)
8. Datuk Siti Zainab binti Omar
(Bersara pada 30 Mei 2023)
9. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa
(Bersara pada 2 Ogos 2023)

Empat mesyuarat BIC telah diadakan sepanjang tahun 2023.

Ringkasan Akitiviti BIC:

Antara perkara-perkara utama dibincangkan oleh BAC pada tahun 2023 adalah:

- i) Cadangan untuk Meluluskan Pindaan Dasar Pemberi Maklumat KWAP; dan
- ii) Kemas Kini Kemajuan dan Cadangan Pemanjangan Tempoh untuk Inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Anti Rasuah Organisasi KWAP 2021 - 2025.

JAWATANKUASA LEMBAGA RISIKO DAN PEMATUHAN

Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Pematuhan (BRCC) ditubuhkan bagi membantu Lembaga menyemak strategi-strategi pengurusan risiko, menentukan kebolehterimaan risiko, menyemak rangka kerja pengurusan risiko, dasar-dasar dan had, menyemak pendedahan risiko dan menyelia keseluruhan pengurusan risiko.

Keahlian

Sehingga kini, BRCC terdiri daripada lima orang Ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan empat ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

1. Dato' Maznah binti Abdul Jalil – Pengerusi
(Dilantik sebagai Pengerusi pada 31 Mac 2023)
2. Dato' Sri Sharifah Sofianny binti Syed Hussain – Pengerusi;
(Tempoh pelantikan tamat pada 28 Februari 2023)
3. Dato' Azmi bin Abdullah
4. Encik Adnan Zaylani bin Mohd Zahid
5. YM Raja Teh Maimunah binti Raja Abd Aziz
6. Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin
(Meletak jawatan pada 25 September 2023)

Enam mesyuarat BRCC dan satu mesyuarat Khas diadakan sepanjang tahun 2023.

Ringkasan Aktiviti BRCC:

Isu-isu utama yang dibincangkan oleh BRCC pada tahun 2023 ialah:

- a) Cadangan untuk Meluluskan Semakan Keahlian Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan (RCC) dalam Terma-terma Rujukan (TOR);
- b) Cadangan untuk Meluluskan Matriks dan Parameter Risiko yang Disemak;
- c) Cadangan untuk Meluluskan Kad Skor Jabatan untuk Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan bagi tahun 2023;
- d) Cadangan untuk Meluluskan Penubuhan Rangka Kerja dan Dasar Risiko Kemampunan;

- e) Cadangan untuk Meluluskan Semakan Penyata Kebolehterimaan Risiko KWAP dan Pemformalan Petunjuk Risiko Utama dan Pelan Pengendalian Risiko;
- f) Cadangan untuk Meluluskan Semakan Garis Panduan Risiko Pelaburan;
- g) Cadangan untuk Meluluskan Pembubaran Dasar dan Garis Panduan Nilai Kredit Berisiko; dan
- h) Cadangan untuk Meluluskan Pelan Perniagaan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan untuk tahun 2024.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan (BNRC) telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam menjalankan fungsi-fungsi dan tanggungjawab utamanya untuk menetapkan rangka kerja dasar-dasar yang relevan dalam menentukan pelantikan dan ganjaran barisan pengurusan dan kakitangan KWAP, serta mengesyorkan kepada Lembaga mengenai prestasi yang berkaitan dengan kaktungan.

KEAHLIAN

Sehingga kini, BNRC terdiri daripada lima orang ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan empat ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad - Pengerusi
(Dilantik pada 11 November 2023)
- (ii) Dato' Azmi bin Abdullah
- (iii) Encik Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid
- (iv) Encik Abdul Rahman bin Mohd Nordin
- (v) Dato' Maznah binti Abdul Jalil
(Dilantik pada 1 Mac 2023)
- (vi) Dato' Anis Rizana Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin – Pengerusi
(Meletak jawatan pada 25 September 2023)
- (vii) Dato' Sri Sharifah Sofianny binti Syed Hussain - Ahli
(Tempoh pelantikan tamat pada 28 Februari 2023)

Lima mesyuarat BNRC dan satu mesyuarat khas BNRC telah diadakan sepanjang tahun 2023.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

Ringkasan Aktiviti BNRC:

Antara kertas cadangan dan makluman yang dibincangkan dan disahkan oleh BNRC sepanjang tahun 2023 adalah:

- a) Bayaran Bonus tahun pada tahun 2022 dan Kenaikan Gaji Tahunan pada tahun 2023;
- b) Pembaharuan Beberapa Kontrak Pekerjaan Ketua Jabatan KWAP;
- c) Cadangan untuk Mewujudkan Polisi Gangguan di Tempat Kerja untuk KWAP;
- d) Cadangan untuk Meluluskan Dasar Imbuhan untuk Lembaga, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan;
- e) Cadangan Strategi Modal Insan untuk KWAP;
- f) Makluman mengenai Hasil daripada Latihan Penilaian Keberkesanan Lembaga dan Panel Pelaburan KWAP pada tahun 2022.

JAWATANKUASA LEMBAGA PEROLEHAN

Jawatankuasa Lembaga Perolehan (BPC) ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya untuk menilai cadangan perolehan yang berkaitan dengan operasi.

Keahlian

Sehingga kini, BPC terdiri daripada lima orang ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan empat ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

1. YM Raja Teh Maimunah binti Raja Abd Aziz – Pengerusi
(Dilantik sebagai pengerusi pada 27 September 2023)
2. Dato' Maznah binti Abdul Jalil
(Dilantik pada 31 Mac 2023)
3. Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh
(Dilantik pada 30 November 2023)
4. Encik Adnan Zaylani bin Mohd Zahid
5. Encik Abdul Rahman bin Mohd Nordin
6. Datuk Siti Zainab binti Omar – Pengerusi;
(Bersara pada 30 Mei 2023)
7. Dato' Sri Sharifah Sofianny binti Syed Hussain
(Tempoh tamat pada 28 Februari 2023)

Empat mesyuarat BPC dan dua mesyuarat khas BPC telah diadakan sepanjang tahun 2023.

JAWATANKUASA LEMBAGA TATATERTIB

Jawatankuasa Lembaga Tatatertib (BDC) bertanggungjawab membincangkan kes-kes disiplin dan mengambil tindakan-tindakan sewajarnya ke atas kakitangan sejarah dengan Dasar dan Garis Panduan Disiplin KWAP.

Keahlian

Tiada ahli dilantik oleh Lembaga Pengarah kerana tiada mesyuarat BDC diadakan sepanjang 2023.

Komposisi BDC

BDC haruslah dianggotai oleh tiga ahli Lembaga iaitu Pengerusi yang merupakan pengerusi BNRC dan dua lagi ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga.

PELANTIKAN DAN IMBUHAN AHLI-AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Seperti yang ditetapkan di bawah Akta KWAP, ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dilantik bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan setelah tamat tempoh tersebut, ahli-ahli layak untuk dilantik semula. Imbuhan ahli Lembaga dan Panel Pelaburan ditentukan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Pada tahun 2023, ahli Lembaga telah menerima imbuhan sebanyak RM1,030,599 manakala Panel Pelaburan pula sebanyak RM521,860.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

TINJAUAN

Sejajar dengan peranan KWAP dalam aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan sepanjang 17 tahun ini, profil risiko KWAP juga turut berkembang, daripada segi saiz dan kerumitan organisasi. KWAP menyedari persekitaran luar yang dinamik turut membawa pelbagai ancaman dan peluang kepada KWAP dalam memenuhi misi dan visi. Kami telah melabur dalam kapasiti dan keupayaan bagi menyokong KWAP dalam mencapai matlamat-matlamat strategik. Kami komited untuk terus melangkah ke hadapan, menilai risiko, menangani ancaman, dan merebut peluang penciptaan nilai, serta melindungi KWAP dan pihak berkepentingan.

TANGGUNGJAWAB

Lembaga menyedari tanggungjawabnya untuk menyemak dan mengekalkan proses kawalan dalaman yang kukuh serta amalan-amalan pengurusan risiko yang teguh dalam memastikan tadbir urus korporat yang baik. Kedua-dua elemen ini dicipta untuk mengurus dan mengurangkan risiko dalam julat toleransi yang boleh diterima, sambil mematuhi mandat berkanun, matlamat, serta dasar dan prosedur KWAP.

Lembaga juga menyedari akan kepentingan proses yang berterusan dalam menilai keberkesanannya dan integriti kawalan-kawalan dalaman menerusi pengenalpastian, penilaian dan pengurusan risiko-risiko yang dihadapi oleh KWAP. Dalam mempertimbangkan kekangan yang wujud dalam mana-mana bentuk kawalan dalaman, proses ini direka untuk menguruskan, bukannya untuk menghapuskan risiko kegagalan dalam mencapai matlamat dan objektif KWAP.

Kawalan dalaman disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa agar sejajar dengan perubahan-perubahan dinamik dalam persekitaran perniagaan atau risiko-risiko yang dihadapi oleh KWAP. Lembaga menyedari akan tanggungjawab barisan pengurusan dalam melaksanakan dasar-dasar, prosedur-prosedur dan proses-proses Lembaga demi kawalan dalaman yang kukuh dan pengurusan risiko yang berkesan.

Dalam menguruskan risiko dan proses-proses kawalan dalaman, KWAP menggunakan model tiga barisan pertahanan iaitu:

- (i) Tanggungjawab utama, atau barisan pertahanan pertama, adalah pada individu dan fungsi yang bertanggungjawab menguruskan risiko secara langsung dalam unit-unit perniagaan. Mereka bertanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko menerusi pelaksanaan kawalan dalaman yang kukuh dalam aktiviti harian mereka.

- (ii) Barisan pertahanan kedua melibatkan fungsi-fungsi pengurusan risiko, pematuhan dan kawalan yang menyokong dan menyelia barisan pertahanan pertama. Peranan mereka adalah untuk membimbing, memantau dan memastikan pengurusan risiko yang berkesan serta proses kawalan yang kukuh adalah tersedia.
- (iii) Barisan pertahanan ketiga adalah fungsi audit dalam yang memberikan Lembaga jaminan bebas dan objektif mengenai keberkesanannya dan kecukupan proses-proses tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

Kami melabur dalam tenaga kerja kami, membangunkan dasar-dasar tadbir urus yang jelas serta memastikan proses-proses operasi yang kukuh dan peka terhadap risiko (dengan pelaburan signifikan dalam sistem untuk memastikan kawalan dan automasi yang mencukupi). Ini disokong oleh struktur tadbir urus yang memisahkan barisan pelaporan antara jabatan bagi menghindari konflik kepentingan dan memastikan kebebasan serta integriti fungsi-fungsi dan peranan-peranan yang berbeza dalam KWAP.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Rangka kerja pengurusan risiko adalah berasaskan gunapakai Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) sebagai strategi teras keseluruhan perniagaan. KWAP menggunakan Piawaian Organisasi Antarabangsa (ISO) 31000:2018 Piawaian ERM (Piawaian ISO) sebagai rangka kerja yang memberi panduan kepada organisasi ini dalam menguruskan risiko. Pendekatan ini dicipta bagi mengenal pasti peristiwa-peristiwa yang berpotensi untuk menjelaskan KWAP dan mengurus risiko dalam julat risiko KWAP, serta memberi jaminan yang wajar bahawa KWAP mampu mencapai objektif-objektif organisasinya.

TADBIR URUS RISIKO

Kami kekal berhemah dalam menguruskan risiko untuk aktiviti-aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan kami, yang dibimbing oleh pihak atasan seperti yang termaktub dalam *Risk Appetite Statement* (RAS) KWAP. RAS mentakrif pendekatan keseluruhan KWAP terhadap aktiviti-aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan, justeru membimbing strategi dan proses pembuatan keputusan KWAP. RAS juga menggariskan keupayaan dan kapasiti KWAP dalam mengambil risiko pelaburan dan daripada segi toleransi risiko. RAS disokong oleh struktur tadbir urus yang kukuh dan dipertingkatkan dengan beberapa siri rangka kerja, dasar-dasar, garis panduan serta prosedur operasi standard.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN (SAMBUNGAN)

Dalam menguruskan portfolio pelaburan kami, KWAP memanfaatkan teknologi yang terbaik dalam menangani pelbagai analisis portfolio dan senario bagi memenuhi keperluan pengurusan risiko pelaburan KWAP. KWAP menggunakan sistem risiko pelaburan yang disepadukan dengan sistem pengurusan pelaburan dan menyedia data pasaran untuk tujuan analisis risiko, di mana langkah-langkah risiko utama dijana dan digunakan untuk pelaporan dan pemahaman pengurusan.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Pengenalan

Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan (RMCD) melapor terus kepada Lembaga KWAP menerusi Lembaga Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan (BRCC) yang bertanggungjawab untuk menyemak strategi-strategi pengurusan risiko, menentukan kebolehenerimaan risiko, menyemak rangka kerja, dasar-dasar dan had-had pengurusan risiko, menyemak pendedahan risiko, dan menyelia pengurusan risiko keseluruhan di KWAP. RMCD membantu dan memantau pelaksanaan pengurusan risiko yang berkesan serta menyediakan penyeliaan bebas ke atas aktiviti-aktiviti pengurusan risiko di KWAP.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA PADA TAHUN 2023

Proses-proses Pengurusan Risiko Perniagaan yang Dipertingkatkan

Pada tahun 2023, selepas rangkuman piawaian ISO 31000:2018, kami menyelaraskan semula dasar pengurusan risiko secara strategik kepada dasar Korporat KWAP dan mengintegrasikan dalam Kad Skor Seimbang (BSC) KWAP. Beberapa inisiatif telah diperkenalkan bagi meningkatkan lagi pemantauan dan penilaian risiko dalam keseluruhan perniagaan iaitu Kapasiti Risiko, Kebolehenerimaan Risiko, Penunjuk Risiko Utama (KRI) dan Matriks Risiko. Ini sejajar dengan komitmen KWAP untuk terus memupuk, meningkatkan dan mendukung infrastruktur dan budaya risiko kami.

Libat Urus dan Ceramah Kesedaran Berkaitan dengan Pengurusan Risiko

KWAP sentiasa mempertingkatkan kesedaran risiko dan memaklumkan organisasi serta kakitangan mengenai perkembangan dan amalan-amalan terbaik dalam semua aspek. Kami telah menjalankan pelbagai aktiviti bagi mempromosikan kesedaran pengurusan risiko dan amalan-amalan pengurusan risiko yang kukuh di KWAP, yang termasuk:

1. Hari Risiko dan Pematuhan pada 29 November 2023 untuk semua kakitangan KWAP dengan dua sesi perkongsian utama oleh pakar-pakar industri luar seperti yang berikut:
 - i. *Ethical Leadership: Empowering Decision Makers in the Workplace.*
Ceramah ini menekankan kepentingan etika di KWAP dan cara mengamalkannya dalam tugasannya harian.

RMCD beroperasi berdasarkan rangka kerja berstruktur yang merangkumi tiga bahagian penting: Bahagian Risiko Perniagaan, Bahagian Risiko Pelaburan dan Bahagian Pematuhan. Setiap segmen ini memainkan peranan penting dalam memastikan keteguhan dan integriti operasi organisasi ini, seperti yang berikut:

- Bahagian Risiko Perniagaan: Mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko-risiko yang berpotensi untuk menjelaskan fungsi keseluruhan dan objektif-objektif strategik perniagaan. Bahagian ini juga menguruskan risiko operasi dan kesinambungan perniagaan KWAP.
- Bahagian Risiko Pelaburan: Menilai dan menguruskan risiko yang berkaitan dengan aktiviti pelaburan, melindungi aset-aset kewangan dan mengoptimumkan pulangan.
- Bahagian Pematuhan: Memantau kehendak-kehendak kawal selia dan dasar-dasar dalaman, memastikan pematuhan kepada piawaian perundangan serta garis panduan industri.

Bahagian-bahagian ini bekerjasama untuk memperkuuh rangka kerja pengurusan risiko organisasi, justeru memupuk daya tahan dan kemampuan dalam persekitaran perniagaan yang dinamik.

Libat Urus dan Ceramah Kesedaran Berkaitan dengan Risiko

ii. *Gearing up for 2024: Moody's Sectoral Trends, Risks and Rewards.*

Sesi maklumat bagi memperkasakan kakitangan dengan peluang-peluang dan cabaran-cabaran dalam pasaran kewangan dan persekitaran perniagaan bagi tahun 2024 dan selanjutnya.

2. Ceramah “*Know Your Counterparty (KYC) Session: Sanctions Awareness and Adverse Media*” diadakan pada 6 Disember 2023 bagi meningkatkan pemahaman mengenai hal-hal pematuhan dalam kalangan kakitangan KWAP dan menyampaikan perkembangan terkini dalam industri.

3. KWAP telah menerbitkan empat artikel menerusi laman sesawang KWAP, LinkedIn dan Instagram pada tahun 2023 yang meliputi topik-topik berikut:

i. “*Navigating the Future of Pension Sustainability Vol 1.*”

ii. “*Navigating the Future of Pension Sustainability Vol 2.*”

iii. “*ESG in Focus: Unpacking Risks and Opportunities in Sustainable Business Practices.*”

iv. “*Investing in a Sustainable Future: How Green Bonds are Making a Difference.*”

4. KWAP juga telah meningkatkan profil libat urus awamnya yang berkaitan dengan pengurusan risiko dan tadbir urus dengan menyertai *Securities Industry Development Corporation (SIDC) Compliance Roundtable 2023* pada 21 November 2023 dan Karnival MyPesara pada 26 November 2023. Kedua-dua acara ini menekankan KWAP sebagai sebuah organisasi yang mengutamakan integriti dengan budaya pematuhan yang kukuh.

Lawatan Risiko dan Pematuhan ke Hartanah KWAP / Syarikat-syarikat Bersekutu / Pelaburan Berpotensi

Kami telah membuat lawatan ke harta-hartaan dan pejabat-pejabat pengurus dana kami (pasaran awam dan swasta) bagi menjalankan penilaian risiko bebas dan penyeliaan risiko ke atas harta-hartaan dan pengurus-pengurus dana luar tersebut. Pada tahun 2023, kami juga telah melaksanakan lawatan ke pengurus-pengurus dana ekuiti persendirian serta pemerolehan hartaan terkini yang berpotensi, bagi lebih memahami pasaran ini dan aset-aset tertentu. Lawatan-lawatan bersama pengurus aset, para penasihat pelaburan dan para pengurus dana ini bertujuan untuk memastikan keberkesanan dalam pengurusan pelaburan, risiko dan pematuhan serta pelaksanaan pengenalpastian risiko dan ketersediaan kawalan dan mitigasi.

PENGURUSAN RISIKO PERNIAGAAN (ERM)

Prinsip asas dalam menguruskan risiko di KWAP dikawal oleh prinsip-prinsip dan komponen-komponen utama dalam Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) yang dijelaskan dalam kedua-dua Rangka Kerja ERM dan Polisi ERM bagi menyokong pengurusan risiko yang cemerlang dan holistik dalam KWAP.

KWAP menggunakan Piawaian ERM ISO 31000:2018 (Piawaian ISO) sebagai rangka kerja yang memacu pengurusan risiko organisasi. KWAP berjaya menyemak

dan memperkemas rangka kerja ERM yang terkini agar sejajar dengan peruntukan-peruntukan dalam piawaian-piawaian ISO. Dokumen yang telah disemak ini juga menjelaskan tentang prinsip-prinsip, komponen-komponen utama, dan proses-proses yang menjamin keberkesanan dalam pengurusan risiko yang boleh diakses oleh semua kakitangan KWAP, yang sejajar dengan inisiatif jangka panjang RMCD bagi memupuk budaya risiko yang sihat dalam organisasi.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN (SAMBUNGAN)

Bagi menyokong dan melengkapi rangka kerja dan dasar ERM, terdapat dua pendekatan dalam menguruskan risiko perniagaan KWAP:

Profil Risiko Korporat (CRP)

CRP digunakan sebagai platform dengan pendekatan konsisten dalam mengenal pasti, menilai, mengurus dan melapor risiko-risiko yang relevan dengan KWAP dalam usaha mencapai objektif-objektif strategik dan hasil-hasil sasaran.

Profil Risiko Jabatan (DRIP)

Pengurusan risiko pada peringkat jabatan di KWAP dijalankan pada setiap tahun menerusi penilaian DRIP yang mewajibkan penyertaan daripada semua jabatan dan fungsi, yang diwakili oleh Pegawai Perhubungan Risiko (RLO). Semasa penilaian DRIP, RLO dari setiap jabatan dan fungsi dalam organisasi menjalankan penilaian ke atas bidang tanggungjawab masing-masing bagi mengenal pasti risiko-risiko yang berpotensi, menilai keberkesanan kawalan-kawalan yang sedia ada bagi menguruskan risiko-risiko tersebut, serta mencadangkan penambahbaikan atau kawalan tambahan sekiranya wajar. KWAP memanfaatkan DRIP sebagai pendekatan proaktif dalam pengurusan risiko, yang membolehkan jabatan dan fungsi mengenal pasti serta menangani isu-isu berpotensi sehingga ke perincian terkecil sebelum menjadi masalah yang serius.

Pendekatan ini membantu menangani semua risiko-risiko berkaitan aktiviti organisasi, justeru memberi manfaat dalam bentuk pembuatan keputusan strategik berdasarkan maklumat, kejayaan pelaksanaan perubahan, dan peningkatan keberkesanan operasi.

Pendekatan-pendekatan ini harus menangani semua risiko yang berkaitan dengan aktiviti KWAP dan seterusnya memberi manfaat dalam bentuk pembuatan keputusan strategik yang lebih baik, kejayaan pelaksanaan perubahan dan peningkatan kecekapan operasi.

PENGURUSAN RISIKO OPERASI (ORM)

ORM di KWAP mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko yang berkaitan dengan operasi perniagaan. Ia merupakan asas ERM yang bertujuan untuk mengurus potensi kerugian dan kerugian sebenar yang berikutan daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, warga kerja, sistem, ataupun akibat peristiwa luar. Ia termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penipuan, kerosakan fizikal, gangguan perniagaan, kegagalan transaksi, pelanggaran undang-undang dan kawal selia serta ancaman kesihatan dan keselamatan kakitangan. Pengurusan risiko operasi yang tidak optimum boleh menjelaskan reputasi KWAP.

Pelaporan Insiden Risiko Operasi

KWAP menggunakan pelaporan Insiden Risiko Operasi (ORE) untuk bertindak balas dan mengurus kerugian operasi yang berikutan daripada kejadian risiko sebenar. Selain memantau insiden yang berkaitan dengan risiko, laporan ORE juga digunakan untuk mengenal pasti punca insiden tersebut serta membuat peningkatan sewajarnya bagi menghindari insiden yang sama berulang. Pelaksanaan ORE yang berkesan bukan sahaja akan menghasilkan tindak balas risiko yang lebih baik, tetapi juga pengurusan risiko yang lebih kukuh.

Pada tahun 2023, tiada peristiwa risiko telah menjelaskan operasi KWAP kerana sebahagian besar ORE telah berjaya diselesaikan dengan segera. Langkah-langkah proaktif yang diambil bagi menangani ORE adalah termasuk:

- Perbincangan dengan pelbagai pihak bagi mengurangkan risiko dan menghindari insiden untuk berulang;
- Analisis punca utama dan pengesahan untuk proses utama peristiwa risiko bagi meningkatkan kawalan risiko dan memastikan peranan dan tanggungjawab yang jelas daripada pihak-pihak terlibat;
- Menyampaikan ORE yang dilaporkan kepada Jawatankuasa Kepimpinan Kanan (SLC), Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan (RCC), dan mesyuarat-mesyuarat BRCC bagi memastikan semua isu telah ditangani sewajarnya; dan
- Menjejak dan memantau ORE yang tertunggak dengan pihak-pihak berkaitan bagi memastikan tindakan mitigasi tersedia bagi mengurangkan insiden untuk berulang.

Program Pengurusan Risiko Penipuan

Program Pengurusan Risiko Penipuan (FRMP) diwujudkan bagi menzahirkan jangkaan Lembaga dan Pengurusan Kanan serta komitmen mereka terhadap integriti dan nilai-nilai etika yang berkaitan dengan pengurusan risiko penipuan dan rasuah di KWAP. FRMP KWAP merangkumi dasar dan garis panduan, program latihan dan kesedaran, serta penilaian risiko penipuan dan rasuah jabatan.

Sejajar dengan penubuhan Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO) pada tahun 2019, Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dirangkumkan dalam rangka kerja pengurusan risiko. RMCD dan IGO bekerjasama dalam menilai risiko penipuan dan rasuah serta menjalankan bengkel-

bengkel untuk semua jabatan, fungsi dan anak syarikat KWAP pada setiap tahun. Kedua-dua jabatan ini terus menerapkan kesedaran mengenai risiko penipuan dan rasuah semasa program latihan dan sesi-sesi cabaran bersama semua jabatan, fungsi dan anak syarikat KWAP.

Pada tahun 2023, bagi menanda aras pencapaian kami berbanding dengan amalan industri terbaik, KWAP telah mendapatkan perkhidmatan perunding luar bagi menjalankan semakan bertema ke atas FRMP. Objektifnya adalah untuk meningkatkan amalan-amalan pengurusan risiko penipuan dan rasuah KWAP serta merangkumkan amalan-amalan peneraju industri. Perunding luar tersebut memberi khidmat nasihat sokongan dan saranan bagi meningkatkan pelaksanaan keseluruhan untuk pengurusan risiko penipuan dan rasuah di KWAP, serta memberi jaminan bahawa kami berada pada landasan yang betul dan beroperasi dalam amalan-amalan industri terbaik.

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN (BCM)

BCM terus menjadi tumpuan utama di KWAP. Pengurusan krisis, perancangan di luar jangka dan pembangunan senario adalah untuk memastikan kesinambungan dan pemulihian proses-proses perniagaan kritikal KWAP yang berpunca daripada gangguan atau krisis. KWAP telah mengautomasi rangka kerja pengurusan kesinambungan perniagaan dan melaksanakan proses pengurusan kesinambungan perniagaan yang praktikal dan mampan.

Pada tahun 2023, selaras dengan pengembangan perniagaannya, KWAP berjaya mengendalikan beberapa program BCM yang bukan sahaja menguji kesinambungan operasi KWAP, tetapi juga mengenal pasti jurang-jurang dan kelemahan. Hasil penemuan BCM ini dilaporkan kepada RCC dan BRCC mengikut Dasar BCM KWAP. Berikut adalah program-program BCM yang telah berjaya dikendalikan:

- Latihan BCM terancang dan mengejut, yang melibatkan sistem dan fungsi-fungsi perniagaan yang kritikal dalam persekitaran langsung dan tidak langsung.
- Latihan berkala ‘Call Tree’ bagi menguji tindak balas kakitangan dalam komunikasi kecemasan.
- Mobilisasi kakitangan KWAP ke tapak alternatif bagi melaksanakan pemulihian sistem dan fungsi perniagaan kritikal.

- Bengkel Toleransi Kehilangan Data bagi mengenal pasti tahap maksimum kerugian data yang boleh diterima oleh KWAP selepas gangguan peristiwa.
- Semakan tahunan ke atas semua Penilaian Risiko (RA) perniagaan dan Analisis Impak Perniagaan (BIA) jabatan.

RISIKO PELABURAN

Pengurusan Risiko Pasaran

KWAP memantau risiko pasaran dengan teliti untuk melindungi aset kewangannya daripada kerugian yang tidak dijangka akibat turun naik dalam kadar faedah, harga ekuiti dan kadar pertukaran mata wang. Pendekatan proaktif ini membolehkan KWAP menyesuaikan strategi pelaburan dengan sewajarnya, serta memastikan ketahanan dalam keadaan pasaran yang dinamik. Dengan menilai dan mengurangkan risiko pasaran secara berterusan, KWAP bertujuan untuk mengoptimumkan pulangan sambil mengekalkan amalan pengurusan risiko secara berhati-hati.

Pengurusan risiko pasaran di KWAP berdasarkan dasar Risiko Pasaran, garis panduan, sistem risiko dan kawalan risiko yang sedia ada, yang dilaksanakan untuk menyokong pengurusan risiko pasaran yang kukuh dan secara menyeluruh. Di samping itu, RMCD menyediakan semakan risiko yang bebas terhadap cadangan pelaburan, dan juga pelaporan risiko pelaburan secara berkala kepada pihak pengurusan atasan.

Kawalan Risiko Pasaran

Kawalan Risiko Pasaran mewakili satu siri had risiko yang dilaksanakan untuk menguruskan aktiviti pengambilan risiko pasaran. Ia disemak dan diselaraskan secara berkala untuk mencerminkan perubahan dinamik strategi dan persekitaran pelaburan KWAP. Kawalan risiko pasaran utama digambarkan seperti di bawah:

Had Nilai pada Risiko	Untuk mengukur dan menguruskan kerugian yang berpotensi berlaku daripada perubahan kadar dan harga pasaran untuk satu tempoh tertentu, dalam satu tahap kepastian. Ini membantu KWAP untuk memahami cara-cara menangani risiko berdasarkan garis panduan daripada Lembaga KWAP.
------------------------------	--

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN (SAMBUNGAN)

Had Durasi yang Diubah suai	Untuk menguruskan sensitiviti dan perubahan nilai sekuriti atau portfolio sebagai tindak balas kepada perubahan dalam kadar faedah. Ia juga mengikuti tanggapan bahawa kadar faedah dan harga bon bergerak secara berasingan. Ia juga merupakan analisis sensitiviti yang digunakan untuk menentukan kesan perubahan 1% dalam kadar faedah terhadap harga bon.
Latihan Ujian Tekanan	Untuk menilai tahap kerapuhan portfolio pelaburan terhadap peristiwa tekanan pasaran yang lepas serta senario sebarang kebarangkalian.
Produk Linding Nilai dan Derivatif	Bagi melindung nilai pendedahan risiko pasaran ke atas pelaburan KWAP, terutamanya pergerakan mata wang dan kadar faedah. Instrumen derivatif yang digunakan bagi menguruskan pendedahan tersebut adalah termasuk pertukaran silang mata wang (<i>Cross Currency Swaps</i>), swap kadar faedah (<i>Interest Rate Swaps</i>) dan kontrak hadapan mata wang asing (<i>FX Forward</i>). KWAP menggunakan <i>FX Forward</i> bagi melindungi nilai dan mengurangkan turun naik mata wang ke atas pelaburan asing KWAP.

PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit ditakrifkan sebagai kehilangan prinsipal atau pendapatan daripada kegagalan peminjam, rakan niaga atau penerbit sekuriti yang memenuhi obligasi kontrak selaras dengan syarat yang dipersetujui.

Pengurusan risiko kredit bertujuan untuk mengekalkan pendedahan risiko kredit pada tahap yang boleh diterima dan memastikan bahawa pulangan yang diterima adalah selari dengan risiko yang diambil. RMCD bertanggungjawab dalam membangunkan, mempertingkatkan dan menyampaikan polisi-polisi, garis panduan dan kaedah-kaedah pengurusan risiko kredit yang berkesan dan konsisten dalam seluruh KWAP bagi memastikan piawaian yang sewajarnya tersedia untuk mengenal pasti, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan risiko-risiko tersebut. Ini dilaksanakan terutamanya menerusi Polisi-Polisi Pengurusan Risiko Kredit dan Garis Panduan Pengurusan Risiko Kredit. Amalan-amalan industri terbaik diterapkan menerusi kemas kini yang berterusan mengenai polisi-polisi, garis panduan, dan proses-proses risiko kredit dengan matlamat untuk mengurangkan penjejasan dan kerugian kredit.

KWAP telah menyenaraikan had-had dan garis panduan berkaitan untuk risiko kredit:

Had Risiko Kredit	Analisis Kredit
Risiko Dimanfaatkan Bagi memastikan aktiviti pemanfaatan KWAP kekal dalam tahap risiko yang boleh diterima berdasarkan jumlah tahap KWAP, tahap kelas aset dan tahap portfolio	Penumpuan Risiko kerugian yang timbul daripada kedudukan signifikan dalam pendedahan aset, produk atau pasaran tunggal
Risiko Pihak Rakan Niaga Risiko kepada setiap pihak dalam kontrak bahawa pihak rakan niaga tidak dapat memenuhi obligasi kontrak	Pemantauan Penarafan Menyemak model pemarkahan penarafan kredit dalaman dan luar untuk bon korporat, pinjaman, dan rakan niaga tanpa penarafan
Risiko Pengeluar Kemungkinan kerugian disebabkan oleh penjejasan atau penurunan penarafan kredit pengeluar sekuriti	Analisis Kredit Menjalankan penilaian terperinci bagi mengukur kemampuan pengeluar memenuhi obligasi hutangnya dengan mengekalkan pendedahan risiko kredit pada parameter yang boleh diterima
	
Semakan Kredit Penilaian cadangan kredit akan disemak sebelum dibentangkan kepada pihak pengurusan dan jawatankuasa	

PENGURUSAN RISIKO PASARAN PERSENDIRIAN

Pelaburan pasaran persendirian KWAP merangkumi Ekuiti Persendirian (PE), Infrastruktur, Hartanah dan Pembangunan Hartanah.

Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur

Pengurusan risiko ekuiti persendirian dan pelaburan infrastruktur langsung lazimnya tertumpu kepada penilaian pra-pelantikan pengurus dan strategi-strategi pelaburan. Pencarian pengurus yang betul adalah kunci kepada portfolio pelaburan yang berjaya dan efektif. Aktiviti-aktiviti pasca pelaburan tertumpu kepada pengurusan dan pemantauan risiko operasi untuk dana-dana yang berpotensi mendarangkan risiko serta kemungkinan kepada hapis kira dan kerugian disebabkan ketidakpatuhan kepada had risiko. Keupayaan untuk keluar daripada dana ekuiti persendirian dan pelaburan infrastruktur adalah sangat terhad berikutan ciri-ciri ketidakcairan kelas aset. Oleh itu, pemantauan dan pengurusan aktif adalah kunci untuk mengekalkan portfolio yang sihat.

KWAP terus membina pengetahuan dan kemahirannya dalam meningkatkan pengurusan risiko pasaran-pasaran ini yang telah berkembang dan menarik minat pelabur berbanding aset-aset tradisional seperti ekuiti dan bon, serta industri pendapatan tetap yang lain.

Hartanah

KWAP mempunyai pelaburan harta tanah berpelbagai dalam dan luar negara. Pembinaan portfolio adalah penting dalam sektor ini yang bergantung kepada kepelbagaian geografi dan jenis aset yang dapat memberi kepelbagaian risiko dan mengurangkan jumlah risiko harta tanah individu ke tahap risiko portfolio yang lebih rendah. Pelaburan harta tanah ini bersifat jangka panjang di mana risikonya lebih tertumpu pada penstrukturran berbanding urus niaga. Selain terdedah kepada pergerakan harga harta tanah, pengurusan pajakan sewa dan kos operasi juga penting dalam mengekalkan aliran pendapatan yang berterusan. Aktiviti pengurusan risiko untuk portfolio pelaburan harta tanah tertumpu pada penilaian pra-pelaburan menerusi semakan risiko bebas serta pemantauan pasca pelaburan menerusi had risiko.

PENGURUSAN RISIKO KEMAMPAAN

Risiko kemampaman ditakrif sebagai potensi yang memberi impak negatif ke atas keuntungan organisasi yang timbul daripada impak negatif kemampaman dan impak iklim.

Beberapa tahun kebelakangan ini, isu kemampaman dan ESG telah menjadi tumpuan utama di peringkat global, negara dan organisasi. Bagi menyokong agenda kemampaman negara, KWAP telah membangunkan Pelan Hala Tuju Kemampaman KWAP.

Pelan ini menggariskan komitmen kami dalam memenuhi lima Ikrar Kemampaman yang termaktub. Rangka Kerja Risiko Kemampaman (rangka kerja) dan Dasar Risiko Kemampaman (Dasar) yang diperkenalkan pada tahun 2023 merupakan dokumen pentadbir yang mendokong Pelan Hala Tuju Kemampaman KWAP.

Rangka Kerja dan Dasar Risiko Kemampaman merupakan elemen penting dalam rangkuman risiko kemampaman dalam proses Pengurusan Risiko Perniagaan Patuh kepada ISO 31000 kami, yang membawa pendekatan sistematis dalam mengenal pasti, menilai dan bertindak balas terhadap risiko-risiko kemampaman dalam operasi pelaburan dan perniagaan bagi memastikan objektif kemampaman kami tercapai. Secara ringkasnya, Rangka Kerja dan Dasar Risiko Kemampaman menangani risiko-risiko yang berkaitan dengan ESG dan iklim, konteks kawal selia, prinsip-prinsip risiko kemampaman serta penyeliaan tanggungjawab dan pengurusan risiko.

Dengan membangunkan dan mematuhi rangka kerja dan Dasar Risiko Kemampaman, kami menunjukkan komitmen kami terhadap negara dan matlamat kemampaman kami sendiri menerusi pendekatan yang proaktif bagi mengenal pasti dan menguruskan semua bentuk risiko kemampaman yang berkaitan.

PEMATUHAN

Fungsi pematuhan dalam organisasi kekal sebagai fungsi teras yang amat penting dalam KWAP. Kegagalan fungsi pematuhan dalam kes berprofil tinggi di Malaysia dan luar negara telah menekankan impak ketidakpatuhan terhadap kewangan dan reputasi.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN (SAMBUNGAN)

Pematuhan berfungsi sebagai satu fungsi bebas yang mengenal pasti, menilai, menasihati, memantau dan melaporkan isu-isu risiko pematuhan iaitu risiko sekatan undang-undang atau kawal selia, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi akibat kegagalan mematuhi semua undang-undang, peraturan, kod tatalaku dan piawaian atau amalan terbaik.

Objektif utama pematuhan bukan sahaja untuk memelihara reputasi KWAP agar sentiasa berdaya saing, tetapi juga untuk mengekalkan dan meningkatkan reputasi dan nilai saham KWAP. Bagi mencapai objektif ini, misi dasar KWAP adalah untuk menilai dan menguruskan risiko pematuhan organisasi bagi memenuhi kehendak kesemua pihak berkepentingan. Rangka Kerja Pematuhan menyediakan asas kepada aspirasi ini yang dilaksanakan pada tahun 2010 dan disemak semula pada tahun 2022 di mana asas-asas fungsi pematuhan dirangka. Dalam menguruskan pelaksanaan Rangka Kerja Pematuhan, Pematuhan merupakan cabang teras kepada tiga barisan pertahanan model.

Skop Pematuhan

a) Pematuhan Kawal Selia

Ini merangkumi kawal selia dan garis panduan luar yang wajib dipatuhi oleh KWAP seperti Akta Parlimen, Keputusan Kementerian Kewangan, kawal selia yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan lain-lain badan kawal selia. Kehendak-kehendak kawal selia ini akan diterapkan dalam proses-proses dan amalan-amalan dalaman bagi memastikan pematuhan kepada peraturan kawal selia tersebut.

b) Pematuhan Dalaman

Ini merangkumi pematuhan kepada Rangka Kerja, Polisi-Polisi, Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan oleh KWAP.

Tugas memastikan pematuhan kawal selia/dalaman diamanahkan kepada Unit Perniagaan selaku barisan pertahanan pertama, dan sebarang potensi ketidakpatuhan harus dikenalpasti sebelum peristiwa tersebut berlaku, dan perlu ditangani serta dilaporkan kepada unit Pematuhan. Ini akan diutamakan mengikut piawaian tadbir urus korporat yang baik.

Proses Pematuhan

Aktiviti-aktiviti pematuhan saling berhubung kait dengan perkembangan pematuhan dalam peringkat global, keperluan undang-undang sedia ada serta polisi dan prosedur KWAP. Rajah di bawah menunjukkan proses pematuhan dan pendekatan am yang diambil dalam pengurusan risiko pematuhan.



Pengenal-pastian	Mengenal pasti peraturan kawal selia yang relevan dan kehendak-kehendak dalaman yang perlu dipatuhi oleh unit-unit perniagaan.
Penilaian	Menilai peraturan kawal selia yang relevan serta kehendak-kehendak dalaman bagi memastikan pematuhan kepada unit-unit perniagaan.
Perakuan	Pengesahan separuh tahun dan/atau tahunan menerusi Senarai Semak Pematuhan Kendiri dan pengisyntihar sebarang insiden ketidakpatuhan semasa tempoh laporan.
Pemantauan dan Pelaporan	Memantau kawalan dan proses. Melaporkan sebarang insiden ketidakpatuhan kepada Barisan Pengurusan.
Pengesahan	Menjalankan semakan pematuhan berkala bagi menilai ketepatan Senarai Semak Pematuhan Kendiri yang telah diluluskan menerusi semakan sampel.

Nilai Pematuhan

Seiring dengan perubahan model perniagaan, kemunculan teknologi baharu dan peningkatan pelaburan baharu kelas aset, kecekapan operasi juga menerima tumpuan hebat. Sebelum ini, KWAP tidak pernah terdedah kepada banyak risiko. Sehubungan dengan itu, pihak Lembaga dan pengurusan kanan telah menyatakan sokongan dan kerjasama penuh bagi menjadikan pematuhan sebagai satu keutamaan. Pihak Lembaga dan pengurusan kanan menjalankannya dengan menetapkan arahan daripada peringkat atasan bagi mematuhi segala undang-undang dan peraturan-peraturan serta mengamalkan tingkah laku beretika. Semua tenaga kerja KWAP menyedari bahawa Lembaga dan pengurusan kanan tidak memberi kompromi terhadap pelanggaran pematuhan ini. Unit Pematuhan menjadi titik rujukan dan penasihat strategi utama bagi inisiatif yang diusahakan oleh KWAP.

Budaya pematuhan ini juga telah diperluaskan kepada EFM kami. EFM kami perlu mengisyiharkan secara bulanan pematuhan mereka kepada Perjanjian Pengurusan Pelaburan KWAP dan melaporkan dengan segera kepada KWAP mengenai sebarang pelanggaran terhadap Mandat Pelaburan yang telah diluluskan. Ini bagi memastikan bahawa semua EFM sentiasa mematuhi garis panduan yang dikenakan ke atas mereka. Selain itu, EFM juga dikehendaki untuk mengisyiharkan secara bulanan mengenai parameter kehendak-kehendak pematuhan terkandung di dalam sistem yang berkaitan.

Dasar Tembok Penghalang

KWAP telah melaksanakan Dasar Tembok Penghalang sejak tahun 2014. Dasar Tembok Penghalang KWAP diperkenalkan untuk mewujudkan prosedur mengawal aliran maklumat bukan umum yang material dan maklumat yang sensitif dalam KWAP untuk mengurangkan risiko perdagangan dalaman dan potensi pelanggaran undang-undang dan peraturan. Ia juga untuk membantu dalam memastikan bahawa pemilikan maklumat bukan umum yang material dan maklumat yang sensitif tidak menimbulkan risiko ataupun risiko percanggahan tanggapan antara kepentingan awam, kepentingan KWAP dan kepentingan peribadi warga kerja.

Senarai Semak Pematuhan Kendiri secara Automatik

KWAP telah melaksanakan senarai semak pematuhan kendiri secara automatik di mana semua proses pengesahan dilakukan menerusi satu sistem pematuhan. Sistem pematuhan ini merangkumi kehendak-kehendak kawal selia dan dalaman. Senarai semak pematuhan kendiri akan dilengkapkan oleh pegawai perhubungan

pematuhan jabatan berkenaan dan diluluskan oleh Ketua Jabatan mereka menerusi sistem tersebut. Pengesahan ini dilakukan secara dwi tahunan untuk semua jabatan-jabatan yang berkaitan dengan pelaburan dan secara tahunan untuk jabatan-jabatan lain termasuk anak-anak syarikat KWAP.

Latihan Semakan Pematuhan

Bagi memastikan kami benar-benar yakin dengan proses pematuhan, KWAP telah memulakan inisiatif Semakan Pematuhan, di mana latihan semakan berkala dijalankan ke atas jabatan dalam KWAP. Tujuan latihan ini adalah untuk memastikan ketepatan daripada senarai semak pematuhan diri yang diisyiharkan dan dikemukakan oleh jabatan masing-masing melalui sistem pematuhan. Latihan ini dijalankan dengan melaksanakan ujian sampel ke atas keperluan yang ditetapkan dalam senarai semak pematuhan kendiri.

Lawatan Risiko dan Pematuhan ke EFM

KWAP telah melawat EFM yang berkaitan sejak tahun 2017 dan berjaya melengkapkan kitaran pertama lawatan ke EFM domestik pada tahun 2020. Lawatan ini bertujuan untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti dan amalan-amalan EFM mematuhi mandat-mandat Pelaburan yang diluluskan selain memastikan bahawa kawalan risiko dalam mereka adalah tersedia. Selain itu, lawatan ke EFM antarabangsa memberi peluang kepada KWAP untuk mempelajari amalan-amalan terbaik bagi kawalan risiko dan pematuhan.

Saringan Know Your Counterparty (KYC)

Pasukan pematuhan menjalankan saringan dan pemeriksaan KYC untuk rakan niaga KWAP. Latihan saringan ini adalah untuk mengenal pasti jenayah kewangan iaitu Pencegahan Pengubahan Wang Haram / Pencegahan Pembentukan Keganasan (AML/CFT) risiko kawal selia dan risiko bereputasi untuk rakan niaga yang mungkin berupaya meletakkan KWAP dalam kerumitan. Ini merupakan satu langkah yang diambil dengan pematuhan dalam memastikan pasukan mengenal pasti tanda bahaya dalam saringan KYC yang menyemak identiti atau latar belakang sebenar rakan niaga, mengesan potensi penipuan kewangan, pendedahan politik atau rasuah, dan menghalang KWAP daripada dipergunakan untuk aktiviti jenayah seperti pengubahan wang haram. Pada tahun 2023, pasukan Pematuhan mengambil inisiatif untuk menyemak dan mempertingkatkan proses saringan KYC, termasuk dokumen-dokumen intelek serta mekanisme-mekanisme kawalan yang berkaitan.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN (SAMBUNGAN)

Prinsip-prinsip Tadbir Urus yang Baik (PGG)

PGG dilancarkan pada 15 April 2022 oleh Kementerian Kewangan (MOF). Ia dibangunkan bagi menyokong inisiatif dalam mempertingkatkan piawaian-piawaian dan amalan-amalan tadbir urus dan kemampunan di semua Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC). PGG berfungsi sebagai rujukan tunggal bagi amalan-amalan dasar tadbir urus dan kemampunan yang wajib digunakan oleh GLIC.

Pasukan Pematuhan kami telah menerajui inisiatif untuk mengenal pasti jabatan-jabatan yang relevan di KWAP bagi memenuhi keperluan PGG. Kami kemudiannya

merancang program untuk membanteras jurang yang dikenal pasti dan memastikan pematuhan dengan tempoh masa yang ditetapkan oleh PGG (tarikh akhir adalah pada 15 April 2025). Setakat 31 Disember 2023, KWAP telah menyelesaikan 97% daripada rancangan tindakan yang dikenal pasti dan menyasarkan untuk siap sepenuhnya menjelang suku keempat tahun 2024.

Kesimpulannya, Pengurusan Risiko dan Pematuhan menyediakan landasan untuk KWAP sebagai organisasi untuk beroperasi, berinovasi dan berusaha untuk mencapai objektif strategiknya.

RISIKO DAN PELUANG-PELUANG UTAMA PADA TAHUN 2024

KWAP menyedari dengan kewujudan pelbagai risiko yang boleh menjelaskan ekonomi dan pasaran kewangan global pada tahun 2024 dan tahun-tahun akan datang. Pembuatan jangkaan tinjauan dan trajektori risiko bagi tahun tertentu adalah satu tugas yang mencabar. Di sebalik tinjauan geopolitik yang tidak menentu ke atas ekonomi global, beberapa risiko yang berpotensi menimpa KWAP pada tahun 2024 dan seterusnya adalah termasuk:

Risiko	Penerangan	Tindakan Utama
 Faktor ekonomi dan ketidaktentuan	Ekonomi global beransur pulih daripada pandemik COVID-19, walaupun kesannya masih terasa. Impak jangka panjang pandemik kekal signifikan. Cabaran-cabarannya baharu adalah termasuk inflasi, peningkatan kadar faedah, gangguan rantai bekalan, turun naik pasaran saham dan perubahan dasar dagangan yang mungkin akan menjelaskan tinjauan ekonomi pada tahun 2023. Selain itu, pandemik COVID-19 masih segar dalam ingatan dan kemunculan varian baharu mungkin mendatangkan risiko luar jangka kepada kesihatan awam serta pemulihan ekonomi.	Penilaian dalaman dan libat urus luar kerap dijalankan bagi menilai risiko faktor ekonomi atau geopolitik serta potensi impak ke atas pelaburan. Pemantauan yang berterusan ke atas perkembangan pasaran dijalankan bagi memantau tanda-tanda ketidaktentuan ekonomi.
 Risiko geopolitik	Ketegangan yang semakin memuncak antara kuasa-kuasa besar global seperti Amerika Syarikat, China dan Rusia telah menyebabkan peningkatan dalam risiko geopolitik, dan impak jangka panjang ketegangan ini akan berlanjutan melangkaui tahun 2023. Konflik serantau di Timur Tengah, Afrika Utara, dan Afrika, serta peningkatan bencana alam turut mengancam kestabilan global. Pemanasan global telah meningkatkan kekerapan dan keburukan bencana alam, yang berpotensi menyebabkan lebih banyak konflik serantau dan kejadian alam yang serius.	KWAP terus mempertingkatkan proses pelaburannya dengan mengintegrasikan ESG ke dalam semua pelaburan serta menghindari pelaburan dalam syarikat-syarikat pembuatan senjata dan lain-lain industri yang sensitif. KWAP juga mengambil pendekatan yang seimbang dalam menilai dan bertindak balas terhadap potensi impak pelaburan.

Tindakan-tindakan utama dijelaskan pada muka surat 33 sehingga 37 dalam Laporan Tahunan Bersepadu .

Tindakan-tindakan utama dijelaskan pada muka surat 33 sehingga 37 dalam Laporan Tahunan Bersepadu .

Tindakan-tindakan utama dijelaskan pada muka surat 33 sehingga 37 dalam Laporan Tahunan Bersepadu .

Risiko	Penerangan	Tindakan Utama
 Risiko keselamatan siber	<p>Kebergantungan yang semakin tinggi kepada teknologi dan infrastruktur digital turut meningkatkan risiko serangan siber. Dengan evolusi teknologi yang semakin canggih, risiko-risiko berkaitan keselamatan siber juga meningkat justeru mengakibatkan kerugian disebabkan kecurian atau keganasan siber termasuk penurunan produktiviti peningkatan jenayah siber. Penjenayah siber dan pakar keselamatan siber dijangka akan menggunakan kecerdasan buatan yang memacu perubahan drastik dalam sektor ini.</p>	<p>Rangka Kerja dan Program Keselamatan Siber dibangunkan bagi menguruskan risiko serangan siber serta memperkuatkukan kawalan keselamatan pemantauan dalam melindungi KWAP.</p> <p><i>Tindakan-tindakan utama dijelaskan pada muka surat 33 sehingga 37 dalam Laporan Tahunan Bersepadu.</i></p>
 Risiko kemampunan	<p>Ini terdiri daripada dua jenis risiko iaitu risiko ESG yang merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan alam sekitar, sosial, atau tadbir urus. Ini mungkin boleh menjelaskan keuntungan organisasi berikutan daripada kesan negatif kemampunan, serta risiko yang berkaitan dengan iklim yang merangkumi potensi impak negatif fizikal ke atas organisasi yang menjelaskan kehidupan, mata pencarian, kesihatan, aset-aset ekonomi dan budaya, serta infrastruktur. Cabarannya terletak pada usaha untuk mengurangkan impak dasar bagi jangka pendek sambil menguruskan manfaat untuk jangka panjang.</p>	<p>Rangka Kerja Risiko Kemampunan (rangka kerja) dan Dasar Risiko Kemampunan (Dasar) dibangunkan sebagai dokumen pentadbir yang mendokong Pelan Hala tuju Kemampunan KWAP .</p> <p><i>Tindakan-tindakan utama dijelaskan pada muka surat 33 sehingga 37 dalam Laporan Tahunan Bersepadu.</i></p>

Dengan mengambil kira faktor-faktor ini, KWAP akan terus mengurangkan risiko dan membina kebingkasan pada tahun 2024 menerusi pelaburan berterusan dalam infrastruktur dan teknologi risiko, keselamatan siber, kemampunan dan perancangan di luar jangka. Kami akan terus memperkuatkukan kerjasama dan komunikasi dalam KWAP bagi memastikan ketangkasaran dan daya responsif yang tertinggi terhadap perubahan keadaan pasaran.

KWAP menjangkakan transformasi digital yang berterusan secara dalaman dan merentasi organisasi, penerimaan amalan kemampunan yang dipercepatkan melalui penubuhan Rangka Kerja Risiko Kemampunan dan Dasar Risiko Kemampunan, serta penekanan yang meningkat terhadap tanggungjawab sosial dan alam sekitar.

Sejajar dengan guna pakai Piawaian Pengurusan Risiko Perniagaan ISO31000, KWAP akan terus melaksanakan inovasi ke atas Infrastruktur Risiko menerusi pengenalan langkah-langkah mitigasi risiko yang baharu serta rombakan ke atas tadbir urus risiko bagi memastikan semua risiko diuruskan dengan wajar dan segera.

Kesimpulannya, masa hadapan dan sebarang peristiwa yang tidak dijangka boleh memberi impak ke atas tinjauan risiko dan hala tuju pada tahun 2024. KWAP akan terus bersedia dan beradaptasi dengan perubahan sekeliling serta membuat keputusan yang tepat berdasarkan maklumat terkini dan nasihat daripada pakar.

PENYATA AUDIT DALAM

GAMBARAN KESELURUHAN

Jabatan Audit Dalam menyediakan perkhidmatan perunding secara bebas, dengan objektif yang terjamin untuk menambah nilai dan menambah baik operasi KWAP. Misi audit dalaman adalah untuk meningkatkan dan melindungi nilai organisasi dengan memberi jaminan objektif dan berdasarkan risiko, nasihat dan wawasan. Fungsi audit dalaman membantu mencapai objektif dengan membawa kaedah berdisiplin dan sistematik untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan.

KEBEBAAN DAN OBJEKTIVITI

Ketua Audit Dalam melapor secara fungsinya kepada Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) dan pentadbirannya kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Aturan pelaporan semasa bagi Audit Dalam membolehkan tanggungjawab aktivitinya dipenuhi dan tidak mengganggu tanggungjawab hakiki Ketua Audit Dalam kepada BAC.

Status bebas Jabatan Audit Dalam tidak dipertikaikan sepanjang tahun lalu. Tiada sekatan terhadap skop kerja, sumber dan akses Jabatan Audit Dalam sepanjang tahun tersebut.

Ketua Audit Dalam menyedari bahawa sekiranya sekatan besar terhadap skop fungsi audit dalam berlaku, ia akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Lembaga Audit.

SKOP KERJA

Skop fungsi audit dalam termasuk, tetapi tidak terhad, kepada pemeriksaan objektif ke atas bukti untuk tujuan memberi penilaian bebas kepada BAC, barisan pengurusan dan pihak luar tentang kelengkapan dan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dalam KWAP.

Skop kerja sekunder Jabatan Audit Dalam merangkumi perkara berikut:

- Menjalankan penyiasatan khas; dan
- Bertindak sebagai pemerhati dalam jawatankuasa-jawatankuasa projek terpilih yang diwujudkan untuk membangunkan atau melaksanakan sistem-sistem atau proses-proses baharu. Penyertaan sedemikian adalah terhad kepada memberi nasihat dalam hal-hal kawalan dan tidak menghalang Audit Dalam daripada mengaudit sistem atau proses tersebut.

Audit Dalam terus mengamalkan pendekatan perancangan audit berdasarkan risiko dan mengutamakan fungsi-fungsi audit dalam mengikut peringkat risiko audit. Sebanyak 12 laporan audit diterbitkan pada pada tahun 2023 yang merupakan jumlah yang sama untuk laporan audit pada tahun 2022. Status isu-isu audit tertunggak dilaporkan kepada pihak pengurusan pada setiap bulan dan kepada BAC pada setiap suku tahun. Jabatan Audit Dalam terus memantau pelaksanaan pelan tindakan sebagaimana dipersetujui oleh pihak pengurusan. Bagi tahun 2023 dan 2022, tiada pelan tindakan tertunggak dilaporkan kepada BAC.

PENCAPAIAN TAHUN 2023

Pada tahun 2023, Jabatan Audit Dalam telah menambah baik Garis Panduan Metodologi Audit, matriks kecekapan kakitangan, serta satu Pelan Pembelajaran dan Pembangunan yang bersasar. Selain itu, Jabatan Audit Dalam juga telah mengendalikan dua sesi kesedaran mengenai amalan-amalan tadbir urus yang baik dan pencegahan pengubahan wang haram untuk semua kakitangan KWAP. Sesi ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mereka mengenai kepentingan amalan tadbir urus yang baik serta pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan untuk keganasan. Jabatan Audit Dalam juga telah berjaya melaksanakan Program Juruaudit Jemputan yang bertindak sebagai latihan kepimpinan untuk pemimpin masa hadapan KWAP.

INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Di KWAP, kami memegang komitmen yang teguh terhadap integriti dan terus menentang rasuah dalam segala bentuk. Kami melaksanakan kawalan dan langkah-langkah yang relevan untuk mencegah rasuah, mempromosikan kepentingan integriti secara berterusan dalam kalangan kakitangan dan pihak berkepentingan kami, serta mengamalkan amalan tadbir urus yang baik untuk melindungi kepentingan organisasi bagi memastikan kemampunan perniagaan. Untuk tahun 2023, hal ini dibuktikan menerusi pencapaian-pencapaian dan/atau usaha-usaha yang berikut:

Penarafan Semula Risiko Tahun 2023 - Badan Berkanun Persekutuan (BBP) Kementerian Kewangan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Pada tahun 2020, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menarafkan KWAP sebagai organisasi Berisiko Tinggi. Namun, berikutan penilaian untuk tahun 2023, KWAP telah diklasifikasi semula sebagai organisasi Berisiko Rendah. Penilaian ini membuktikan komitmen KWAP dalam melaksanakan langkah-langkah kawalan pencegahan rasuah sepanjang tiga tahun lepas.

ISO 37001: SISTEM PENGURUSAN PENCEGAHAN RASUAH (ABMS)

KWAP telah diberi pensijilan ISO 37001: Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah (ABMS) 2016 sejak 3 Disember 2021. Ini membuktikan usaha berterusan kami dalam memastikan operasi perniagaan yang efisien menerusi pengurusan risiko-risiko rasuah dan penyelewengan. Pada tahun 2023, KWAP telah menyiapkan audit pengawasan ABMS yang kedua, yang merangkumi jabatan-jabatan yang beroperasi di pejabat Kuala Lumpur dan Cyberjaya serta anak-anak syarikat KWAP iaitu KWEST Sdn Bhd dan Prima Ekuiti (UK) Limited.



PELAN PENCEGAHAN RASUAH ORGANISASI KWAP 2021 - 2025

KWAP telah melancarkan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi (OACP) 2021 - 2025 pada 24 Februari 2021. Pelan ini mengandungi 57 inisiatif yang dijangka dilaksanakan sepenuhnya dalam tempoh lima tahun. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk menangani isu-isu dan risiko-risiko integriti, tadbir urus, dan rasuah di KWAP. Setakat penghujung tahun 2023, yang merupakan tahun ketiga pelaksanaan pelan ini, 70% atau 40 daripada keseluruhan inisiatif tersebut telah dilaksanakan.

DASAR PENCEGAHAN RASUAH DAN PENYELEWENGAN

Beberapa dasar-dasar, prosedur-prosedur dan garis panduan baharu dan sedia ada telah dibangunkan dan disemak agar kekal relevan dan berkesan untuk pencegahan rasuah dan tadbir urus yang baik. Ini merangkumi:

i. Dasar Surat Sokongan

Dasar baharu ini diperkenalkan sebagai sebahagian daripada Dasar Pencegahan Rasuah dan Penyelewengan KWAP (Dasar ABC) yang menegaskan pendirian KWAP mengenai penerimaan, pengeluaran dan permohonan Surat Sokongan daripada/kepada mana-mana individu/organisasi luar.

ii. Dasar Pemberian Maklumat

Dasar ini dipinda bagi mempertingkatkan keberkesanan mekanisme pemberian maklumat sedia ada, terutamanya yang berkaitan dengan perbincangan dan pembuatan keputusan untuk kes-kes pemberian maklumat.

iii. Dasar Pencegahan Rasuah dan Penyelewengan

Takrifan “rasuah” diperhalusi agar menjadi lebih jelas, dan menyumbang kepada penambahbaikan proses Penilaian Risiko Penipuan dan Rasuah.

INTEGRITI DAN TADBIR URUS (SAMBUNGAN)

iv. Kod Etika dan Tatalaku Perniagaan KWAP

Kod baharu ini, yang dijangka akan dilancarkan pada tahun 2024, menetapkan jangkaan terhadap tatalaku kakitangan KWAP yang berkaitan dengan tugas mereka di KWAP.

LATIHAN DAN KESEDARAN INTEGRITI, TADBIR URUS DAN PENCEGAHAN RASUAH

Sepanjang tahun 2023, kami terus meningkatkan kesedaran mengenai dasar-dasar pencegahan rasuah KWAP serta isu-isu yang berkaitan dengan integriti dan rasuah. Ini dijalankan menerusi pelbagai platform termasuk perutusan Ketua Pegawai Eksekutif, taklimat dasar, ceramah integriti, e-buletin bulanan *INTEGRITY & U*, e-mel komunikasi serta sambutan hari integriti dan pencegahan rasuah peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Berikut adalah sorotan latihan, program kesedaran dan acara-acara yang diadakan pada 2023:

I. Pengisytiharan dan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah

Program Pengisytiharan dan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) ini dipimpin oleh CEO KWAP, Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed, dan disaksikan oleh Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Bakri, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Datuk Haji Razim Mohd Nor, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPM, serta Encik Mohd Nasir Ab Hadi, Ketua Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO), yang mencerminkan kepimpinan KWAP dan komitmen kakitangan terhadap integriti dan budaya penolakan amalan rasuah. Majlis ini yang diadakan pada 22 Februari juga melibatkan ceramah yang disampaikan oleh Dato' Muhammad Salim Sundar, Pemegang Amanah Perdana International Anti-Corruption Champion Foundation, mengenai kepentingan dalam memberi maklumat yang mendorong ketulusan.

ii. Latihan Dalam Talian

Latihan integriti, tadbir urus, dan pencegahan rasuah dalam talian yang pertama untuk kakitangan telah dilaksanakan pada tahun ini. Dua modul e-pembelajaran telah dibangunkan secara dalaman untuk tujuan ini, bertajuk: *Introduction to Anti-Bribery and Corruption* dan *Whistleblowing 101: Reporting with Confidence*. Latihan ini bertujuan meningkatkan pemahaman kakitangan mengenai integriti dan rasuah, serta peranan mereka dalam mencegah amalan-amalan rasuah.

iii. Latihan Ahli-ahli Lembaga dan Panel Pelaburan

Bagi meningkatkan kesedaran mengenai hal-hal yang berkaitan dengan salah guna kuasa, konflik kepentingan dan kesalahan liabiliti korporat, dua sesi latihan dalam talian telah diadakan untuk ahli-ahli Lembaga dan Panel Pelaburan KWAP serta Lembaga Pengarah KWEST Sdn Bhd:

- *Ethics in Leadership: Overcoming Abuse of Position and Conflict of Interest* oleh Dr. Mark Lovatt pada 13 January 2023.
- *Strategies for Identifying and Managing Conflict of Interest and Corporate Liability: Understanding Corruption in Malaysia and Its Impact on the Organisation* oleh Dr. Muhammad Mohan, Presiden Transparency International Malaysia pada 21 September 2023.

iv. Hari Integriti KWAP 2023

Hari Integriti KWAP disambut pada 15 November 2023 dengan tema *Integrity Unites, Corruption Divides*, yang sejajar dengan Hari Integriti Kebangsaan yang disambut pada 5 November pada setiap tahun. Sorotan acara ini adalah ucaptama daripada Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Pengurus Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, yang tertumpu pada

peranan dan tanggungjawab penting individu dalam memerangi rasuah. Selain itu, SPRM juga telah membuka reruai dalam acara ini untuk kakitangan KWAP, yang mempamerkan teknik siasatan mereka, khususnya dalam penggunaan teknologi pengesanan penipuan seperti ujian poligraf.

v. Program Jangkauan Rakan Sekutu Perniagaan KWAP

Dalam usaha memupuk komitmen pencegahan rasuah dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakan-rakan niaga, kami telah mengedarkan satu lembaran maklumat mengenai langkah-langkah kawalan pencegahan rasuah yang dilaksanakan di KWAP kepada semua vendor, bank pemegang amanah, broker, pengurus dana, pengurus aset, perunding dan entiti-entiti lain yang berurusan dengan KWAP serta anak-anak syarikatnya.

vi. Ceramah Integriti

Ceramah integriti oleh penceramah atau pakar motivasi luar juga telah dijalankan iaitu:

- *Unravelling the MACC Act 2009: Understanding Main Offences and Its Sanctions* oleh Encik Hatta Hashom, Pengarah Urusan dan Perunding Utama, Hatta Hash Consultancy, yang diadakan pada 29 Mei 2023.
- *Guarantee Money: Perkongsian dari Tirai Besi* oleh Encik Md Shahrizal bin Che Dan yang diadakan pada 14 September 2023.

PEMBERI MAKLUMAT

KWAP komited dalam menegakkan piawaian etika dan integriti yang tertinggi dalam semua aspek operasi perniagaan. Kami telah membangunkan mekanisme pemberian maklumat yang membolehkan kakitangan serta orang awam melaporkan sebarang maklumat secara jujur.

KWAP menerima laporan tanpa nama dan memastikan bahawa sebarang pengetahuan mengenai kelakuan yang tidak wajar melibatkan KWAP dan anak-anak syarikatnya boleh dilaporkan, tanpa rasa bimbang selepas membuat laporan.

Saluran pemberian maklumat KWAP adalah seperti berikut:

- e-Borang di laman sesawang KWAP dan platform dalaman lain
- E-mel: whistleblow@kwap.gov.my
bic@kwap.gov.my (untuk laporan mengenai kakitangan IGO)
- Temu janji pegawai IGO
- Talian terus: 03-2174 8090
- Hantaran surat fizikal kepada IGO: Pejabat Integriti dan Tadbir Urus, Aras 35, Menara Integra, The Intermark, 348 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.



07

MEMPERKAYAKAN DAYA TAHAN DAN PERTUMBUHAN MAMPA



PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan dan Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata-Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 157.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662]. Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan perlimbungan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesahkan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanannya kawalan dalaman Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya berlanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA

Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjelaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.


Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 11 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) hendaklah memantau prestasi syarikat subsidiari terutamanya tiga syarikat subsidiari yang merekodkan kerugian berturut-turut sejak tahun 2021. Pemantauan ini bagi memastikan kelestarian prestasi kewangan syarikat subsidiari tersebut supaya dapat memberi pulangan terbaik dan tidak membebankan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

Sijil ini dibuat untuk Lembaga, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak berlanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
30 JULAI 2024



PENYATA PENGURUSI

DAN SEORANG AHLI LEMBAGA

KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

Kami, **Datuk Johan bin Mahmood @ Johan Mahmood Merican** dan **Dato' Azmi bin Abdullah** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini mengatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan berpaduan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS), untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkeraan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Nama : **Datuk Johan bin Mahmood @ Johan Mahmood Merican**
 Jawatan : Pengurus Lembaga
 Tarikh : 29 Julai 2024
 Tempat : Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,

Nama : **Dato' Azmi bin Abdullah**
 Jawatan : Ahli Lembaga
 Tarikh : 29 Julai 2024
 Tempat : Kuala Lumpur


PENGAKUAN

OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN 2023 KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN 2023
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)**

Saya, **Nik Amlizan binti Mohamed**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan sucihati mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KUALA LUMPUR)
..... WILAYAH PERSEKUTUAN)
pada 29 JUL 2024)



Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH

Lot 6.16D, Level 6,
Wisma Central, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2023	31 Disember 2022	31 Disember 2023	31 Disember 2022
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan Pelaburan Kasar	4	7,026,678	7,333,953	6,752,774	7,010,017
Pendapatan Dividen		2,705,111	2,654,698	2,705,111	2,654,698
Keuntungan Daripada Jualan Pelaburan		851,700	1,403,652	851,700	1,404,176
Pendapatan Faedah		2,895,134	2,697,905	2,904,218	2,699,226
Pendapatan Sewaan		440,638	445,214	-	-
Pendapatan Pelaburan Lain		134,095	132,484	291,745	251,917
Kerugian Bukan Pelaburan	4	(109,131)	(580,549)	(84,145)	(538,086)
Perbelanjaan Operasi	5	(715,659)	(688,062)	(364,026)	(336,151)
Kos Urus Niaga		(107,081)	(31,172)	(107,081)	(31,172)
Keuntungan/(Kerugian) Tidak Nyata Bersih					
Daripada Aset Kewangan Pada Nilai					
Saksama Melalui Untung Atau Rugi		3,539,992	(5,550,296)	3,539,992	(5,550,296)
(Peruntukan)/Pembalikan Bagi Kerugian Rosot					
Nilai Aset Kewangan		(45,244)	79,773	(45,112)	73,329
Peruntukan Bagi Kerugian Rosot Nilai Aset					
Bukan Kewangan		(40,886)	(166,496)	(39,638)	(364,669)
Keuntungan Sebelum Cukai		9,548,669	397,151	9,652,764	262,972
Kos Pembiayaan		(41,191)	(53,475)	(1,914)	-
(Kerugian)/Keuntungan Daripada					
Syarikat Bersekutu		(59,814)	102,279	-	-
Keuntungan Daripada Kepentingan					
Usaha Sama		3,262	1,915	-	-
Cukai	6	(458)	(2,677)	-	-
Keuntungan Selepas Cukai		9,450,468	445,193	9,650,850	262,972
Agihan Kepada:					
Pencarum KWAP		9,450,468	445,193	9,650,850	262,972
		9,450,468	445,193	9,650,850	262,972

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	Kumpulan		KWAP		
		31 Disember 2023 RM'000	31 Disember 2022 RM'000	31 Disember 2023 RM'000	31 Disember 2022 RM'000	
Pendapatan Komprehensif Lain						
Item Yang Tidak Mungkin Diklasifikasikan Semula Kepada Untung Atau Rugi:						
Perubahan Nilai Saksama Bagi Instrumen Ekuiti						
Pada Nilai Saksama Melalui Rizab						
Pendapatan Komprehensif Lain						
- Keuntungan Penilaian Semula		1,270,053	481,157	1,270,053	481,157	
- Keuntungan/(Kerugian) Dari Jualan Tidak Dipindahkan Ke Perolehan Tertahan		6,453	(381,354)	6,453	(381,354)	
Item Akan Atau Mungkin Diklasifikasikan Semula Kepada Untung Atau Rugi:						
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing		327,177	(77,637)	-	-	
Bahagian Keuntungan/(Kerugian)						
Komprehensif Lain Daripada Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama		3,228	(16,675)	-	-	
Perubahan Nilai Saksama Bagi Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Rizab						
Pendapatan Komprehensif Lain						
- Keuntungan/(Kerugian) Penilaian Semula		1,062,102	(867,932)	1,062,102	(867,932)	
- Peruntukan Rugi Bagi Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain		40,080	(60,745)	40,080	(60,745)	
Jumlah Keuntungan/(Kerugian)						
Komprehensif Lain Bagi Tahun Semasa		2,709,093	(923,186)	2,378,688	(828,874)	
Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif						
Agihan Kepada:						
Pencarum KWAP		12,159,561	(477,993)	12,029,538	(565,902)	
Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif						

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2023

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2023 RM'000	31 Disember 2022 RM'000	31 Disember 2023 RM'000	31 Disember 2022 RM'000
Aset Bukan Semasa					
Hartanah Dan Peralatan	7	23,813	15,484	19,562	12,791
Perisian Komputer	8	9,470	19,945	9,445	19,917
Pelaburan Hartanah	9	7,639,927	6,530,333	304,756	225,032
Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah	9	785,578	761,972	-	-
Aset Hak-Atas-Penggunaan	10	62,478	56,909	51,476	-
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	11	-	-	7,221,397	6,279,964
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	12	1,255,393	1,135,412	997,708	831,930
Pelaburan Dalam Kepentingan Usaha Sama	13	6,017	2,756	-	-
Pinjaman Dan Belum Terima	14	393,699	456,213	647,894	687,954
Instrumen Hutang Pada Kos Yang Dilunaskan	15	16,621,391	16,372,543	16,621,391	16,372,543
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi	16	667,167	580,340	639,431	552,139
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi	16	57,387,958	51,271,327	57,387,958	51,271,327
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	17	42,675,911	39,202,380	42,675,911	39,202,380
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	18	34,295,157	28,912,706	34,295,157	28,912,706
Aset Kewangan Derivatif	19	12,926	35,721	-	-
		161,836,885	145,354,041	160,872,086	144,368,683
Aset Semasa					
Pinjaman Dan Belum Terima	14	112,935	584,683	112,935	584,683
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi	16	208,558	258,566	433,144	465,848
Aset Kewangan Derivatif	19	16,569	469,389	3,374	416,590
Penghutang Runcit Dan Deposit	20	243,688	208,888	105,813	110,581
Penghutang Perniagaan	21	3,838,346	2,546,594	3,379,591	2,407,595
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan	22	2,800,541	9,463,718	2,800,541	9,463,718
Baki Tunai Dan Bank	22	3,288,810	3,383,526	2,521,813	2,797,116
		10,509,447	16,915,364	9,357,211	16,246,131

PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2023

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2023 RM'000	31 Disember 2022 RM'000	31 Disember 2023 RM'000	31 Disember 2022 RM'000
Liabiliti Semasa					
Liabiliti Kewangan Derivatif	19	47,332	-	46,988	-
Pemiutang Perniagaan	23	168,729	2,422,937	155,223	2,371,761
Pemiutang Dan Akruan Lain	24	311,049	310,558	146,623	137,346
Pendapatan Tertunda		83,272	50,635	-	-
Pinjaman	25	812,808	279,184	-	-
Liabiliti Pajakan	26	2,651	2,399	8,388	-
		1,425,841	3,065,713	357,222	2,509,107
Aset Semasa Bersih		9,083,606	13,849,651	8,999,989	13,737,024
		170,920,491	159,203,692	169,872,075	158,105,707
Dibiayai Oleh:					
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	27	28,501,944	28,001,944	28,501,944	28,001,944
Caruman Pencen	28	64,068,944	61,877,619	64,068,944	61,877,619
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	29	(20,500,000)	(17,500,000)	(20,500,000)	(17,500,000)
Perolehan Tertahan	30	102,242,200	92,791,732	102,397,981	92,747,131
Rizab Lain	31	(55,987)	(59,215)	-	-
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	31	249,274	(77,903)	-	-
Rizab Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	31	(4,647,311)	(7,025,999)	(4,647,311)	(7,025,999)
		169,859,064	158,008,178	169,821,558	158,100,695
Liabiliti Bukan Semasa					
Liabiliti Kewangan Derivatif	19	3,301	800	-	-
Liabiliti Cukai Tertunda	32	15	22	-	-
Manfaat Pekerja	33	5,698	5,012	5,698	5,012
Liabiliti Pajakan	26	79,064	110,139	44,819	-
Deposit Jangka Panjang		13,491	7,161	-	-
Pinjaman	25	959,858	1,072,380	-	-
		170,920,491	159,203,692	169,872,075	158,105,707

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Kumpulan	Tidak Boleh Diagih					Boleh Diagih			
	Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun (Nota 27)	Pengeluaran Oleh Caruman Pencen (Nota 28)			Rizab-rizab Lain (Nota 31)	Rizab Pertukaran Mata Wang Asing (Nota 31)	Pendapatan Kompre- hensif Lain (Nota 31)	Perolehan Tertahan Boleh Agih (Nota 30)	Jumlah
		Caruman Pencen (Nota 28)	Oleh Persekutuan (Nota 29)	Rizab-rizab Lain (Nota 31)		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2022	27,501,944	59,742,777	(14,500,000)	(42,540)	(266)	(6,197,125)	92,346,539	158,851,329	
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	-	445,193	445,193
Kerugian Komprehensif Lain	-	-	-	(16,675)	(77,637)	(828,874)	-	-	(923,186)
Penerimaan Peruntukan Kumpulan									
Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	-	500,000
Pengeluaran Oleh Kerajaan									
Persekutuan	-	-	(3,000,000)	-	-	-	-	-	(3,000,000)
Caruman Bersih Pencen									
Dan Tuntutan	-	2,134,842	-	-	-	-	-	-	2,134,842
Pada 31 Disember 2022/									
1 Januari 2023	28,001,944	61,877,619	(17,500,000)	(59,215)	(77,903)	(7,025,999)	92,791,732	158,008,178	
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	-	9,450,468	9,450,468
Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	3,228	327,177	2,378,688	-	-	2,709,093
Penerimaan Peruntukan Kumpulan									
Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	-	500,000
Pengeluaran Oleh Kerajaan									
Persekutuan	-	-	(3,000,000)	-	-	-	-	-	(3,000,000)
Caruman Bersih Pencen									
Dan Tuntutan	-	2,191,325	-	-	-	-	-	-	2,191,325
Pada 31 Disember 2023	28,501,944	64,068,944	(20,500,000)	(55,987)	249,274	(4,647,311)	102,242,200	169,859,064	

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

KWAP	Tidak Boleh Diagih						Boleh Diagih			
	Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun (Nota 27)	Pengeluaran Oleh Caruman Pencen (Nota 28)			Rizab-rizab Lain (Nota 31)	Rizab Mata Wang Asing (Nota 31)	Pertukaran Mata Wang Asing (Nota 31)	Kompre- hensif Lain (Nota 31)	Pendapatan Boleh Agih (Nota 30)	Perolehan Tertahan Jumlah RM'000
		Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun (Nota 27)	Caruman Pencen (Nota 28)	Oleh Kerajaan Persekutuan (Nota 29)						
Pada 1 Januari 2022	27,501,944	59,742,777	(14,500,000)		-	-	(6,197,125)	92,484,159	159,031,755	
Keuntungan Tahun Sama	-	-	-	-	-	-	-	262,972	262,972	
Kerugian Komprehensif Lain	-	-	-	-	-	-	(828,874)	-	(828,874)	
Penerimaan Peruntukan Kumpulan										
Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	-	-	500,000
Pengeluaran Oleh Kerajaan										
Persekutuan	-	-	(3,000,000)		-	-	-	-	-	(3,000,000)
Caruman Bersih Pencen										
Dan Tuntutan	-	2,134,842	-	-	-	-	-	-	-	2,134,842
Pada 31 Disember 2022/										
1 Januari 2023	28,001,944	61,877,619	(17,500,000)		-	-	(7,025,999)	92,747,131	158,100,695	
Keuntungan Tahun Sama	-	-	-	-	-	-	-	9,650,850	9,650,850	
Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	-	-	-	2,378,688	-	2,378,688	
Penerimaan Peruntukan Kumpulan										
Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	-	-	500,000
Pengeluaran Oleh Kerajaan										
Persekutuan	-	-	(3,000,000)		-	-	-	-	-	(3,000,000)
Caruman Bersih Pencen										
Dan Tuntutan	-	2,191,325	-	-	-	-	-	-	-	2,191,325
Pada 31 Disember 2023	28,501,944	64,068,944	(20,500,000)		-	-	(4,647,311)	102,397,981	169,821,558	

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Kumpulan		KWAP	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi				
Keuntungan Sebelum Cukai	9,548,669	397,151	9,652,764	262,972
Pelarasan Untuk:				
Susut Nilai Hartanah Dan Peralatan				
Serta Pelaburan Hartanah	203,079	203,148	4,313	6,973
Pelunasan Perisian Komputer	13,019	13,177	13,017	13,155
Pelunasan Aset Hak-Atas-Penggunaan	399	390	8,825	-
(Keuntungan)/Kerugian Tidak Nyata Bersih				
Daripada Pelaburan Pada Nilai Saksama				
Melalui Untung Atau Rugi	(3,539,992)	5,550,296	(3,539,992)	5,550,296
Kerugian Belum Direalisasi Bersih				
Atas Nilai Saksama Derivatif	1,124,342	661,951	1,089,605	742,155
(Keuntungan)/Kerugian Daripada				
Jualan Hartanah dan Peralatan	(2,283)	769	(434)	722
Keuntungan Daripada Jualan Pelaburan	(851,700)	(1,403,652)	(851,700)	(1,404,176)
Pendapatan Faedah	(2,895,134)	(2,697,905)	(2,904,218)	(2,699,226)
Pendapatan Dividen	(2,705,111)	(2,654,698)	(2,705,111)	(2,654,698)
Keuntungan Bersama Pelaburan Syarikat				
Bersekutu Dan Kepentingan Usaha Sama	56,552	(104,194)	-	-
Peruntukan Manfaat Pekerja	722	619	722	619
Peruntukan/(Pembalikan) Bagi Rosot				
Nilai Aset Kewangan	45,244	(79,773)	45,112	(73,329)
Peruntukan Bagi Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan	40,886	166,496	39,638	364,669
Pendapatan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	1,038,692	53,775	852,541	110,132
Perubahan Dalam Modal Kerja:				
(Penambahan)/Pengurangan Penghutang Perniagaan	(1,291,752)	178,559	(971,996)	268,940
(Penambahan)/Pengurangan Penghutang Runcit				
Dan Deposit	(33,537)	(74,362)	4,768	56,289
(Pengurangan)/Penambahan Pembiutang Perniagaan	(2,276,834)	2,375,280	(2,216,538)	2,340,015
Penambahan Pembiutang Dan Akruan Lain	39,459	6,700	9,277	4,213
Cukai Pendapatan Yang Dibayar	(3)	(3)	-	-
Wang Tunai Bersih (Digunakan Untuk)/ Dihasilkan Daripada Aktiviti Operasi	(2,523,975)	2,539,949	(2,321,948)	2,779,589

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Kumpulan		KWAP	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan				
Perolehan Daripada Jualan Instrumen Kewangan				
Pada Kos Terlunas	432,480	1,569,467	432,480	1,569,467
Pembelian Instrumen Kewangan				
Pada Kos Terlunas	(687,051)	(2,127,527)	(687,051)	(2,127,527)
Perolehan Daripada Jualan Aset Kewangan				
Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	12,420,258	12,710,024	12,420,258	12,710,024
Pembelian Aset Kewangan Pada Nilai Saksama				
Melalui Untung Atau Rugi	(14,129,175)	(13,260,536)	(14,129,175)	(13,260,536)
Perolehan Daripada Jualan Instrumen FVOCI	7,501,495	5,637,046	7,501,495	5,637,046
Pembelian Aset Kewangan Pada FVOCI	(14,155,815)	(9,934,989)	(14,155,815)	(9,934,989)
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan	132,303	(92,419)	132,302	(92,419)
Pembelian Hartanah Dan Peralatan	(15,226)	(4,074)	(12,369)	(3,510)
Pembelian Perisian Komputer	(100)	(343)	(101)	(329)
Pembelian Pelaburan Hartanah	(866,321)	(20,816)	-	-
Pembelian Hartanah Pelaburan				
- Aset Hak-Atas-Penggunaan	-	-	(81,185)	-
Perolehan Daripada Pelupusan Hartanah Dan Peralatan	736	-	736	-
Pemberian Pinjaman	-	-	-	(253,819)
Perolehan Daripada Jualan Aset Sedia Dijual	-	453,559	-	-
Penerimaan Faedah	2,905,563	2,701,206	2,905,563	2,701,206
Penerimaan Dividen	2,705,111	2,654,698	2,705,111	2,654,698
Peningkatan Derivatif	(598,894)	(1,026,422)	(629,402)	(1,031,266)
Peningkatan Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari,				
Syarikat Bersekutu Dan Kepentingan Usaha Sama	(179,794)	(25,691)	(1,101,011)	(244,105)
Bayaran Manfaat	(36)	(36)	(36)	(36)
Bayaran Balik Pinjaman Dan Belum Terima	531,653	1,966,598	531,653	2,278,575
Peningkatan Pelaburan Dalam Tanah Dipegang				
Untuk Pembangunan Hartanah	(23,606)	(30,954)	-	-
Wang Tunai Bersih (Digunakan Untuk)/				
Dihasilkan Daripada Aktiviti Pelaburan	(4,026,419)	1,168,791	(4,166,547)	602,480

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Kumpulan		KWAP	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan				
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	500,000	500,000	500,000
Penerimaan Caruman Pencen	2,209,832	2,145,885	2,209,832	2,145,885
Bayaran Balik Caruman	(18,507)	(11,043)	(18,507)	(11,043)
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	(3,000,000)	(3,000,000)	(3,000,000)	(3,000,000)
Penerimaan Daripada Pinjaman	421,102	-	-	-
Perubahan Dalam Rizab Lain	3,228	(16,675)	-	-
Bayaran Faedah Pajakan	-	-	(1,914)	-
Bayaran Liabiliti Pajakan	(35,654)	(7,290)	(7,093)	-
Wang Tunai Bersih Dihasilkan Daripada/ (Digunakan Untuk) Aktiviti Pembiayaan	80,001	(389,123)	(317,682)	(365,158)
(Pengurangan)/Penambahan Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai				
Kesan Perubahan Dalam Pertukaran Mata Wang Asing	(6,470,393)	3,319,617	(6,806,177)	3,016,911
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	155,197	(437,009)	-	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	12,714,941	9,832,333	12,128,531	9,111,620

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. MAKLUMAT KORPORAT

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27.0 juta dari Kerajaan Persekutuan, Malaysia.

Tanggungjawab utama KWAP adalah untuk mengurus Kumpulan Wang Persaraan (Dana) sejajar dengan seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburannya. Sumber utama Dana KWAP adalah diperoleh dari peruntukan tahunan daripada Badan Berkanun, Pihak Berkusa Tempatan dan lain-lain Agensi, penerimaan bahagian Kerajaan daripada peruntukan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan agensi-agensi lain, serta pendapatan pelaburan. Dana KWAP dilaburkan dalam kelas-kelas aset berpandukan kepada Peruntukan Aset Strategik serta Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang dicadangkan oleh pihak Panel Pelaburan dan diluluskan oleh pihak Lembaga. Dana KWAP akan digunakan untuk membantu pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan oleh Kerajaan Persekutuan.

Berkuat kuasa dari 1 November 2015, KWAP secara rasminya telah dilantik sebagai ejen kepada Kerajaan bagi pengurusan serta operasi pembayaran pencen secara keseluruhan.

Aktiviti utama syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan usaha sama diperjelaskan dalam Nota 11, Nota 12 dan Nota 13. Tiada perubahan signifikan dari segi sifat aktiviti utama Kumpulan dan KWAP sepanjang tahun kewangan.

KWAP adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia. Alamat berdaftar dan tempat perniagaan utama KWAP terletak di Aras 36, Menara Integra, The Intermark, 348 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Penyata-penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah diterima dan diluluskan oleh pihak Lembaga KWAP pada 22 Julai 2024.

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL

2.1 Asas Penyediaan

Penyata-penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP telah disediakan berdasarkan *Malaysian Financial Reporting Standards ("MFRS Accounting Standards")*, *IFRS Accounting Standards* yang diterbitkan oleh *International Accounting Standards Board ("IFRS Accounting Standards")* dan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007.

Penyata-penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya menerusi rumusan polisi perakauan penting.

Penyediaan Penyata Kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan KWAP di mana semua nilai dibundarkan kepada ribuan ringgit Malaysia yang terhampir, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.2 Penyata Pematuhan

Polisi perakaunan yang digunakan oleh KWAP dan Kumpulan adalah konsisten dengan polisi perakaunan yang telah digunakan untuk penyata kewangan yang paling baharu untuk tahun berakhir 31 Disember 2022.

(a) Piawaian dan pindaan yang telah diterbit tetapi belum berkuat kuasa

Piawaian dan interpretasi yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran Penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP adalah seperti yang dinyatakan dibawah. Kumpulan dan KWAP berhasrat untuk menerima pakai piawaian ini, jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa.

Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas

Amendments to MFRS 16, <i>Leases – Lease Liability in a Sale and Leaseback</i>	1 Januari 2024
Amendments to MFRS 101, <i>Presentation of Financial Statements</i> – <i>Non-current Liabilities with Covenants and Classification of Liabilities as Current or Non-current</i>	1 Januari 2024
Amendments to MFRS 107, <i>Statement of Cash Flows</i> and MFRS 7, <i>Financial Instruments: Disclosures – Supplier Finance Arrangements</i>	1 Januari 2024
Amendments to MFRS 121, <i>The Effects of Changes in Foreign Exchange Rates</i> – <i>Lack of Exchangeability</i>	1 Januari 2025
Amendments to MFRS 9, <i>Financial Instruments</i> and MFRS 7, <i>Financial Instruments: Disclosures – Classification and Measurement of Financial Instruments</i>	1 Januari 2026
MFRS 18, <i>Presentation and Disclosure in Financial Statements</i>	1 Januari 2027
MFRS 19, <i>Subsidiaries without Public Accountability: Disclosures</i>	1 Januari 2027
Amendments to MFRS 10, <i>Consolidated Financial Statements</i> and MFRS 128, <i>Investments in Associates and Joint Ventures</i> – <i>Sale or Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture</i>	Akan disahkan

Penggunaan permulaan piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan material pada tempoh semasa dan Penyata Kewangan masa lalu bagi Kumpulan dan KWAP.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan

(a) Subsidiari

Subsidiari ialah entiti di mana Kumpulan mempunyai kriteria-kriteria berikut:

- Kuasa untuk pelaksanaan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi untuk mengurus aktiviti yang berkaitan dengan entiti;
- Pendedahan, atau hak, ke atas pulangan tidak tetap daripada pelaburan dalam entiti; dan
- Keupayaan penggunaan kuasa ke atas entiti untuk mempengaruhi pulangan daripada entiti.

Syarikat subsidiari digabungkan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan diasingkan dari tarikh kawalan luput. Pelaburan dalam saham tidak tersiar harga syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos di mana amaun tersebut diselaraskan kepada nilai boleh pulih termasuk kerugian rosot nilai bagi tahun berkenaan, sekiranya ada. Polisi yang berkaitan dengan pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai aset bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.18.

Kos pengambilalihan dinyatakan pada nilai saksama aset yang diterima, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti sedia ada yang tertunggak atau liabiliti yang diambil alih pada tarikh penukaran, termasuk kos pengambilalihan secara langsung, sekiranya ada.

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung semasa gabungan perniagaan pada asalnya dinyatakan mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira Kepentingan Tak Mengawal, sekiranya ada.

Perubahan kepentingan pemilikan dalam syarikat subsidiari tanpa perubahan kawalan

Transaksi dengan Kepentingan Tak Mengawal yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan dikira sebagai transaksi dengan pemilik ekuiti Kumpulan. Perubahan dalam kepentingan pemilikan akan mengakibatkan pelarasian antara nilai dibawa Kepentingan Mengawal dan Kepentingan Tak Mengawal untuk menunjukkan kepentingan relatif pemilik dalam syarikat subsidiari tersebut. Perbezaan di antara amaun pelarasian ke atas Kepentingan Tak Mengawal dan sebarang pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf dalam ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemilik Kumpulan, sekiranya ada.

Pelupusan subsidiari

Apabila syarikat subsidiari tidak lagi digabungkan disebabkan oleh kehilangan kawalan, kepentingan tertahan dalam entiti diukur semula pada nilai saksama di mana perubahan dalam nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Nilai saksama ini menjadi nilai awal yang dibawa bagi tujuan perakaunan susulan kepentingan tertahan sebagai syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Di samping itu, sebarang amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain berkenaan dengan entiti tersebut diambil kira sebagai pelupusan secara langsung aset atau liabiliti yang berkaitan oleh Kumpulan.

Ini boleh menyebabkan reklassifikasi amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain kepada untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan syarikat subsidiari juga merangkumi nilai dibawa muhibah yang berkaitan dengan syarikat subsidiari.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

(b) Asas penyatuhan

Penyata Kewangan digabungkan merangkumi Penyata-Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari. Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari yang digunakan bagi penyediaan Penyata Kewangan digabungkan adalah disediakan berdasarkan tarikh laporan yang sama. Dasar perakaunan yang konsisten diguna pakai bagi transaksi dan peristiwa yang sama.

Sekiranya KWAP mempunyai hak mengundi bukan majoriti dalam sesuatu entiti, perkara-perkara berikut perlu diambil kira dalam penilaian ke atas hak mengundi yang mencukupi berhubung dengan kuasa KWAP ke atas entiti:

- Saiz hak mengundi KWAP berbanding dengan saiz dan pecahan pegangan pengundi lain;
- Potensi hak mengundi KWAP, pengundi lain atau pihak lain;
- Hak daripada perjanjian kontrak yang lain; dan
- Fakta atau peristiwa lain yang menggambarkan keupayaan semasa KWAP untuk mengarah aktiviti yang relevan semasa keputusan dibuat termasuk corak undian dalam mesyuarat pemegang saham terdahulu.

Transaksi antara kumpulan, baki dan keuntungan tidak nyata daripada transaksi di antara KWAP dan syarikat subsidiari adalah dihapuskan. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan melainkan transaksi tersebut memberi petunjuk rosot nilai ke atas aset yang dipindahkan. Penyata Kewangan digabungkan hanya menggambarkan urus niaga luaran Kumpulan.

Kerugian antara syarikat subsidiari direkodkan dalam Kepentingan Tak Mengawal walaupun pelaksanaan tersebut mengakibatkan baki defisit.

(c) Gabungan perniagaan

Pengambilalihan syarikat subsidiari dinyatakan menurut kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan ialah aggregat pertimbangan yang dipindahkan, yang diambil kira pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan aman Kepentingan Tak Mengawal dalam entiti, sekiranya ada. Kumpulan memilih untuk menilai Kepentingan Tak Mengawal dalam syarikat yang diambilalih sama ada pada nilai saksama atau pada kadar bahagian aset bersih yang dikenal pasti berdasarkan transaksi demi transaksi. Kos transaksi diktiraf sebagai perbelanjaan pengurusan.

Sebarang pertimbangan luar jangka yang akan dipindahkan oleh pengambilalih akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan dalam nilai saksama pertimbangan luar jangka yang diiktiraf sebagai aset atau liabiliti, akan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif, berdasarkan MFRS 9 sama ada dalam untung atau rugi atau sebagai perubahan dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Penilaian semula tidak diperlukan sekiranya pertimbangan luar jangka diklasifikasikan sebagai ekuiti di mana pembayaran berikutnya, jika ada, adalah dinyatakan dalam ekuiti.

Sekiranya pertimbangan luar jangka berada di luar skop MFRS 9, pertimbangan tersebut akan diambil kira menggunakan piawaian MFRS yang sesuai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

(c) Gabungan perniagaan (sambungan)

Bagi pengambilalihan perniagaan oleh Kumpulan, penilaian ke atas aset dan liabiliti kewangan perlu dilaksanakan bagi penentuan pengelasan dan klasifikasi yang sesuai mengikut syarat-syarat kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan lain pada tarikh pengambilalihan. Termasuk dalam penilaian ialah pemisahan derivatif terbenam dalam kontrak asal oleh pihak yang diambilalih.

Sekiranya gabungan perniagaan dilaksanakan secara berperingkat, nilai saksama pada tarikh pengambilalihan bagi kepentingan ekuiti terdahulu pembeli yang dipegang dalam syarikat yang diambilalih akan dinilai semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan berikutnya melalui untung atau rugi.

Lebihan agregat pertimbangan yang dipindahkan, amaun yang diiktiraf bagi Kepentingan Tak Mengawal dan nilai saksama kepentingan ekuiti terdahulu pada tarikh pengambilalihan ke atas lebihan aset yang diambil alih dan liabiliti yang ditanggung pada asalnya diiktiraf sebagai muhibah. Sekiranya pertimbangan tersebut adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari yang diambil alih, perbezaannya dinyatakan dalam untung atau rugi.

(d) Pelaburan dalam syarikat subsidiari dalam Penyata Kewangan yang berasingan

Dalam Penyata Kewangan berasingan KWAP, pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Pada pelupusan pelaburan dalam syarikat subsidiari, perbezaan di antara hasil pelupusan dan nilai dibawa pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Amaun ter hutang daripada syarikat subsidiari di mana KWAP tidak menjangkakan pembayaran balik pada masa hadapan akan dianggap sebagai sebahagian daripada pelaburan KWAP dalam syarikat subsidiari.

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan, tetapi tiada kawalan atau kawalan bersama, yang lazimnya mengiringi pegangan saham diantara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh signifikan ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan kawalan atau kawalan bersama untuk mengawal dasar-dasar tersebut.

Kewujudan dan kesan terhadap hak pengundian berpotensi yang boleh dilaksanakan atau ditukarkan adalah diambilkira dalam penilaian pengaruh signifikan Kumpulan terhadap entiti lain.

Bagi pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sebarang lebihan kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang dikenal pasti dinyatakan sebagai muhibah dan dimasukkan dalam nilai dibawa pelaburan. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang dikenal pasti dan kos pelaburan dikecualikan daripada nilai dibawa pelaburan dan sebaliknya diiktiraf sebagai pendapatan bagi menentukan bahagian untung atau rugi Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama bagi tempoh di mana pengambilalihan pelaburan dilaksanakan.

Syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan menurut kaedah ekuiti dari tarikh entiti diiktiraf sebagai syarikat bersekutu atau usaha sama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama (sambungan)

Pengambilalihan berkala dalam syarikat bersekutu

Apabila Kumpulan meningkatkan kepentingannya dalam pelaburan sedia ada atau pelaburan tersebut menjadi syarikat bersekutu untuk kali pertama, Kumpulan akan menentukan kos pelaburan dalam penerima pelaburan yang dikenal pasti menggunakan perakaunan ekuiti sebagai jumlah nilai saksama kepentingan awal pada tarikh kepentingan signifikan diperoleh dan ditambah pertimbangan yang dibayar untuk sebarang penambahan kepentingan. Rizab terdahulu dalam *Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain* ("FVOCI") akan dipindahkan ke Perolehan Tertahan atau kekal di dalam rizab FVOCI.

Peningkatan pegangan dalam syarikat bersekutu sedia ada dan pengekalan pengaruh penting

Kos pengambilalihan kepentingan tambahan dalam syarikat bersekutu ditambah kepada nilai dibawa syarikat bersekutu dan diakaunkan mengikut kaedah ekuiti. Muhibah yang terhasil daripada pembelian pegangan tambahan ditentukan dengan menggunakan maklumat nilai saksama pada tarikh pembelian kepentingan tambahan. Tiada penilaian semula untuk kepentingan terdahulu yang dipegang dalam syarikat bersekutu tersebut.

Menurut kaedah ekuiti, pengiktirafan asal pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan pada nilai kos, dan seterusnya dilaraskan untuk mengambil kira bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat bersekutu atau usaha sama dalam untung atau rugi, dan bahagian Kumpulan dalam pergerakan Pendapatan Komprehensif Lain syarikat bersekutu atau usaha sama dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Dividen yang diterima atau akan diterima daripada syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf sebagai pengurangan dalam nilai dibawa pelaburan tersebut. Sekiranya bahagian Kumpulan dalam kerugian syarikat bersekutu atau usaha sama bersamaan atau melebihi kepentingan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang secara inti pati, merupakan bahagian Kumpulan dalam kepentingan pelaburan bersih syarikat bersekutu atau usaha sama), pengiktirafan kerugian seterusnya tidak perlu dinyatakan oleh Kumpulan kecuali jika terdapat obligasi perundangan atau konstruktif atau pembayaran yang dibuat bagi pihak syarikat bersekutu atau usaha sama, sekiranya ada.

Keuntungan atau kerugian daripada urus niaga huluan atau hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usaha sama yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan digabungkan hanya tertakluk kepada pelaburan tidak berkait dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut. Kerugian tidak nyata dihapuskan kecuali jika transaksi tersebut membuktikan bahawa terdapat rosot nilai bagi aset yang telah dipindahkan.

